



كومثيلاسي رنچان خاص ٥٠ تاهون  
كباوه دولي يغمها موليا مناء يكي تحت

KOMPILASI

# RENCANA KHAS 50 TAHUN


KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA MENAIKI TAKHTA



# Kandungan

## Ristaan

- 2.**  Titah Sulung Kebawah DYMM dari Singgahsana Istana Darul Hana pada hari Khamis, 5 Oktober, 1967
- 3.**  Kebawah DYMM ditabalkan menjadi Sultan Brunei yang Ke-29
- 5.**  Ristaan Istiadat Berpuspa Kebawah DYMM
- 7.**  Keberangkatan Kebawah DYMM ke daerah-daerah selepas Istiadat Berpuspa
- 10.**  Negara akan tempa satu sejarah
- 13.**  Memperingati Istiadat Berpuspa Kebawah DYMM, 1 Ogos 1968
- 19.**  Titah Kebawah DYMM sempena Sambutan Jubli Perak pada 5 Oktober 1992
- 21.**  Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaihi Takhta meriah

- 23.**  Istiadat Jubli Emas penuh gilang-gemilang

## Kepimpinan

- 27.**  Ketokohan Raja
- 29.**  Keamanan sentiasa terjamin
- 31.**  Payung negara sanjungan rakyat


## Keagamaan

- 35.**  Al-Quran teras keutuhan negara
- 37.**  Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah
- 39.**  Melestarikan pembangunan masjid

## Keselamatan dan Pertahanan

- 42.**  Sektor Pertahanan capai transformasi signifikan

# Kandungan

- 46.**  Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkih


## Ekonomi

- 49.**  Belia berwawasan penyumbang ekonomi negara
- 51.**  Pelbagaikan ekonomi negara
- 53.**  Transformasi menjana kemajuan ekonomi negara-Siri I
- 56.**  Transformasi menjana kemajuan ekonomi negara-Siri II
- 61.**  Kemajuan dan perkembangan industri pelabuhan

## Kesejahteraan

- 67.**  Wadah pemeduliaan untuk rakyat
- 69.**  Kesejahteraan rakyat terjamin

- 71.**  Perumahan rakyat diutamakan

- 73.**  Ke arah rancangan perumahan negara yang mampan

## Antarabangsa

- 77.**  Hubungan antarabangsa kukuh
- 79.**  Raja sanjungan dunia
- 80.**  Negara terus melakar sejarah di arena global

## Pendidikan

- 83.**  Pendidikan agama teras kehidupan
- 85.**  Lahirkan graduan berkualiti tinggi
- 89.**  APB kaji aspek kehidupan Brunei
- 93.**  Kasihnya Raja, rakyat dicinta: 50 tahun pendidikan

# Kandungan

- 99.**  Sejarah dan pencapaian pendidikan


## Kesihatan

- 102.**  Negara sediakan sistem kesihatan komprehensif dan berkualiti


## Perkembangan Infrastruktur


- 107.**  Sejarah Transformasi Jabatan Laut sebagai pentadbir maritim Negara Brunei Darussalam -Siri I


- 110.**  Peningkatan Infrastruktur Keselamatan Navigasi- siri II


- 113.**  Bergerak maju ke arah lapangan terbang bertaraf dunia


- 116.**  Perkembangan Jabatan Perkhidmatan Pos

- 120.**  Ke arah menjamin pembangunan mampan

- 124.**  Kecemerlangan dalam merintis era pembangunan negara

- 129.**  Perkembangan pembangunan infrastruktur negara -Siri I

- 133.**  Perkembangan pembangunan infrastruktur negara -Siri II

- 136.**  Pembangunan infrastruktur negara berkualiti, teratur

## Infrastruktur dan Teknologi Info Komunikasi

- 142.**  Sejarah awal sektor telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam-Siri I

- 147.**  Memudahkan Sektor Telekomunikasi yang vibrant dan berdaya saing-Siri II


- 150.**  Perkembangan perkhidmatan kaji cuaca untuk keselamatan dan kesejahteraan

## Keselamatan Sosial

- 155.**  Peranan PPN dalam mendukung hasrat kepimpinan berdaulat

# Kandungan

## Perkembangan Institusi

- 160.**  MMN sepanjang pemerintahan Kebawah DYMM -Siri I

- 165.**  Era Selepas Mencapai Kemerdekaan-Siri II

- 169.**  Pencapaian BKN di peringkat serantau dan antarabangsa

## Perancangan Sumber Manusia

- 175.**  Ke arah Perkhidmatan Awam yang inovatif, dinamik dan progresif

## Pengurusan Tanah

- 183.**  Ke arah pentadbiran dan pengurusan tanah yang progresif

## Alam Sekitar

- 187.**  Pengurusan alam sekitar meniti perubahan

Terbitan  
Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2017

Hak cipta  
Jabatan Penerangan

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Pengerusi  
Hajah Noorashidah binti Haji Allomar

Penyelaras  
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Penyunting  
Abu Bakar bin Haji Abd Rahman  
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak  
Norhafilah binti Rosli  
Ramlah binti Md. Nor

Susunan/Reka letak/Kulit Luar  
Khairul Shahrin bin Haji Abd Ghafor

Dicetak oleh  
Jabatan Percetakan Kerajaan

ISBN  
978-99917-84-05-2

# Prakata

**S**EGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, seru sekalian Alam, selawat serta salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat dan para sahabat Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik, hidayah dan inayah-Nya jua Jabatan Penerangan dapat mengungkayahkan penerbitan buku Kompilasi Rencana Khas Jubli Emas 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Menaiki Takhta.


Penerbitan buku ini memang tepat pada waktunya, memandangkan negara kita baharu saja merayakan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-50 Tahun Menaiki Takhta dalam satu acara gilang-gemilang yang kemudian diikuti lagi dengan beberapa acara sampingan sempena sambutan tersebut.

Penerbitan buku ini sendiri membawa makna yang begitu besar bagi kita. Buku ini mengandungi pelbagai artikel dan rencana mengenai tampuk kepimpinan serta hubungan baginda dengan seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Begitu juga dengan landskap pembangunan dan kemajuan yang telah dicapai sepanjang pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kecemerlangan di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan perkembangan dan kemajuan negara yang telah dicapai dalam bidang ekonomi, kesihatan, sosial, keagamaan, kebajikan, pendidikan, pengangkutan dan hubungan antarabangsa adalah hasil tulisan daripada wakil-wakil kementerian, jabatan serta warga Jabatan Penerangan sendiri yang disiarkan dalam akhbar Pelita Brunei bermula Januari 2017 sehingga Oktober 2017 melalui Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei.

Semoga rakyat dan penduduk di negara ini akan mendapat gambaran yang jelas dan tepat bagaimana kepimpinan dan pencapaian cemerlang Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menerajui pemerintahan negara untuk mencapai Wawasan Negara 2035.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Mawardi bin Haji Mohammad  
Pemangku Pengarah Penerangan  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri



## Ristaan

**Titah Sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dari Singgahsana Istana Darul Hana pada hari Khamis, 5 Oktober 1967 bersamaan 1 Rejab 1387.**



penduduk Negeri Brunei yang dicintai ini. Bahawa sesungguhnya beta ini masih lagi muda, apatah lagi mentah dalam segala-galanya, tetapi dengan kepercayaan paduka ayahanda dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja serta pembesar-pembesar negara, pegawai-pegawai kerajaan, rakyat dan penduduk di Negeri Brunei yang dikasihi ini, dengan izin Allah dan dengan harapan beta akan mendapat segala nasihat-nasihat dan pimpinan dari paduka ayahanda, maka beta selaku Sultan dengan sedaya upaya beta akan berusaha pada menjalankan dasar-dasar paduka ayahanda dan akan sentiasa memelihara keamanan, ketenteraman, dan laila usaha bagi kemakmuran negara serta memelihara nama baik Negeri Brunei. Juga mementingkan laila usaha dan meninggikan taraf hidup rakyat melalui laila rancangan dan kesejahteraan perkembangan negara yang telah dan sedang dibuat oleh paduka ayahanda dahulu. Dan mudah-mudahan dengan izin Allah, beta juga sentiasa menjaga dan memelihara dengan tidak kendur-kendurnya laila usaha mengenai agama Islam yang benar-benar dan adat istiadat Negeri Brunei.

Oleh itu beta sentiasa berharap dan berseru kepada pembesar-pembesar negara, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat dan seluruh rakyat yang dikasihi, akan memberikan laila kerjasama seperti yang telah diberikan kepada paduka ayahanda memerintah di atas takhta singgahsana dahulu.

Terima kasih.



## Kebawah Duli Yang Maha Mulia ditabalkan menjadi Sultan Brunei yang Ke-29

**D**ALAM keluaran petikan berita PELITA BRUNEI pada 11 Oktober, 1967 mencatatkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah ditabalkan menjadi Sultan Brunei yang Ke-29 sebagai Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Istiadat Pemasyhuran baginda menaiki singgahsana Kerajaan Brunei adalah berikutan dengan pengisytiharan turun dari



Susunan:  
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

takhta oleh paduka ayahanda baginda, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin. Istiadat Pemasyhuran di Balai Singgahsana telah dibuat di bawah syarat-

syarat perlembagaan untuk pemasyhuran mengangkat dan melantik Pemangku Raja.

Berita juga mencatatkan istiadat ini telah dihadiri oleh pembesar-pembesar negara termasuk Yang Teramat Mulla, Seri Paduka Duli-Duli Wazir, Cheteria-Cheteria, Pemangku Menteri Besar serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat.

Dengan suara yang tegas tapi sedih, Duli Yang Maha Mulia telah memuji-muji paduka ayahanda baginda melahirkan keyakinan akan diberi petunjuk, pimpinan dan nasihat-nasihat dari paduka ayahanda baginda.

Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berikrar akan melaksanakan tugas-tugas baginda sebagai seorang Sultan dan akan menumpukan tenaga dan usaha untuk melaksanakan dasar-dasar paduka ayahanda baginda dalam usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kemakmuran serta akan menjunjung nama baik Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia juga berikrar akan meninggikan taraf hidup rakyat melalui projek-projek perkembangan yang berfaedah yang telah dirancang oleh paduka ayahanda baginda yang sebahagiannya telah pun dilaksanakan dan yang masih dalam proses pelaksanaan.

Baginda juga berikrar untuk menjunjung dan melindungi agama Islam dan adat istiadat negara ini.

Dalam mengakhiri titah baginda dengan menyeru kepada pembesar-pembesar negara, pegawai-pegawai, anggota-anggota majlis-majlis mesyuarat dan rakyat jelata supaya memberikan kerjasama yang erat dan mutlak sebagaimana yang telah mereka berikan kepada paduka ayahanda baginda di masa-masa lampau.

Terdahulu dari itu, Pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyebarkan



ikrar taat setia pegawai-pegawai kerajaan dan rakyat kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan.

Pemangku Menteri Besar juga mengingatkan kembali kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh ayahanda baginda Maulana Sultan sebagai kejayaan seorang Raja yang berdaulat, bijaksana dan adil.

Semasa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Baginda Maulana Al-Sultan selama 17 tahun, berbagai-bagai perubahan telah dibuat sehingga berjaya menjadikan Brunei sebuah negara yang moden dan setanding dengan lain-lain negara di sebelah sini.



## Ristaan Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia

**P**ERPUSPAAN ialah penganugerahan gelaran sebagai 'Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam'. Menurut satu artikel yang dikeluarkan dalam Pelita Brunei, selepas Sultan dipuspakan, maka baginda bukan sahaja sebagai 'Sultan' akan tetapi merupakan sebagai 'Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam'. Jika mengikut Adat Istiadat Diraja Brunei, seorang Raja yang telah ditabalkan akan dipuspakan di Istiadat Perpuspaan selepas 12 bulan atau setahun baginda ditabalkan menjadi Sultan.

49 tahun lalu, masih tetap segar dalam ingatan rakyat dan penduduk negara ini, apabila berlangsungnya Istiadat Berpuspa bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-



Susunan:  
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi Sultan yang Ke-29, pada 1 Ogos 1968 Masihi bersamaan 6 Jamadilawal 1388 Hijrah telah berlangsungnya di Lapau, Bandar Seri Begawan dengan penuh Adat Istiadat Kebesaran Diraja pada usia baginda ketika itu 21 tahun.

Peristiwa mengungkapkan sebaik saja Mahkota dimahkotakan dan Keris Si Naga disusupkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien



ditarik oleh anggota Askar Melayu Brunei ditarak mengelilingi bandar dan seterusnya balik ke istana untuk dikenalkan kepada rakyat jelata.

Perarakan telah didahului oleh alat-alat kebesaran diraja terdiri daripada 40 orang yang membawa Sanipit dan Taming, 16 orang membawa Pedang, Perisai, Kelasak dan Kampilan, 16 orang membawa Tombak Benderangan, 8 orang membawa Dian Alam Bernaga dan Penglima Raja yang menyahan Pemuras serta Penglima Asgar memegang Kalasak dan Kampilan dan lain-lain alat kebesaran diraja.

Perarakan seterusnya menuju ke Singgahsana Balai Istana Sultan bagi Istiadat 'Bertimbang' (duduk bersama) dan memahkotakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Dalam istiadat ini, Isteri Pengiran Penggawa Laila Bentara Adat Resam Dalam Istana kemudian meminta keizinan Paduka Suri Seri Begawan untuk memahkota Raja Isteri yang baharu.

Mahkota itu dijunjung oleh isteri Pengiran Paduka Tuan Sahibul Karib ke majlis tersebut. Mahkota yang diperbuat daripada emas disemat dengan berlian halus dan batu permata pelbagai warna dengan kemas di tapak mahkota. Isteri Duli Pengiran Pemancha kemudian menyembahkan mahkota kepada Paduka Suri Seri Begawan.

Setelah itu 'Puja' dibacakan tujuh kali untuk memberi penghormatan kepada Raja Isteri yang baharu dengan diberikan penghormatan tembakan meriam. Isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong lalu mengumumkan 'Sembah' kepada Raja Isteri yang baharu dengan 8 hingga ke 21 das tembakan meriam dilepaskan bagi melengkapkan majlis tersebut. Selepas bacaan Doa Selamat, maka Gendang Jaga-Jaga dibuka selama 7 hari selepas Majlis Pertabalan.

kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli-Duli Wazir, Cheteria-Cheteria dan Pehin Orang Kaya Digadong menghunus pedang masing-masing.

Sementara itu, Duli Pengiran Bendahara menjalankan Istiadat Memuja tujuh kali diikuti titir Nobat pada setiap kali puja. Setiap satu kali Nobat diikuti dengan perintah Sembah yang dilaungkan oleh Pehin Orang Kaya Digadong dan diiringi dengan tembakan meriam sebanyak 21 das. Ia kemudian diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Pertama Brunei, Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan menaiki kenaikan Usungan Diraja yang

## Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke daerah-daerah selepas Istiadat Berpuspa



**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan Sultan Brunei Ke-29 yang tercatat dalam Salasilah Raja-Raja Brunei. Baginda merupakan putera sulung pasangan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien III dengan permaisuri, Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Baginda dilahirkan pada 15 Julai 1946 bertempat di Istana Darussalam, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan dilantik sebagai Duli Pengiran Muda Mahkota Kesultanan Brunei Darussalam pada 14 Ogos 1961 manakala enam tahun selepas itu, iaitu tepatnya 5 Oktober 1967, baginda ditabalkan menjadi Sultan Brunei bergelar Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



Susunan:  
Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto: Jabatan Penerangan

Sebagai seorang pemerintah negara yang berkaliber, baginda merupakan seorang Raja yang begitu pemeduli, prihatin, pengasih serta sayang kepada rakyat dan penduduk baginda di Negara Brunei Darussalam bumi bertuah ini. Penglibatan baginda turun padang bersama rakyat jelata memang sudah tidak dapat disangkalkan lagi bahkan ia sering menjadi saat yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat dan penduduk di negara kita. Ini adalah suatu penzahiran hubungan rapat rakyat dan institusi kesultanan. Sekali gus selari dengan ungkapan, 'Raja dan rakyat berpisah tiada' yang lazim kita dengar selama ini.

**“Dengan penuh keikhlasan, beta percaya usaha dan tenaga yang dicurahkan sudah tentu akan mencerminkan inisiatif dan tenaga serta usaha beta sendiri demi membawa kebajikan laila ketenteraman, laila subur, keamanan serta kebahagiaan untuk negara beta Brunei Darussalam yang mengandungi rakyat penduduk yang berjenis-jenis di dalamnya.”**

- titah baginda.

Sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia diangkat menjadi Sultan Brunei Ke-29, baginda mula aktif menjalankan tugas baginda selaku peneraju takhta ayahanda baginda dan buat pertama kalinya juga sejak baginda menjadi Sultan Ke-29, baginda juga telah berkenan bercemar duli bersama rakyat baginda ke daerah-daerah di negara ini.

Semasa baginda berangkat ke Daerah Tutong untuk pertama kalinya secara rasmi semenjak baginda menaiki takhta kerajaan pada bulan Oktober 1967 baginda juga telah berkenan bertitah melahirkan rasa terhutang budi baginda kepada penduduk-penduduk di Daerah Tutong kerana mengadakan sambutan yang meriah bagi meraikan keberangkatan baginda ke daerah tersebut.

Dalam titah baginda menjelaskan bahawa dengan adanya sambutan yang meriah itu, baginda dapat memahami bahawa penduduk di Daerah Tutong mempunyai semangat laila berjiwa saling mengerti dalam laila sifat bergotong-royong

atau bersatu padu ke arah kebajikan.

Baginda juga bertitah di mana pada setiap rakyat yang cintakan keamanan dan ketenteraman dan sukakan hidup bahagia hendaklah mengekalkan nama baik Brunei Darussalam dan sifat serupa ini adalah pendorong atau penegak cita-cita laila kemajuan ke arah kemakmuran dalam segala lapangan dengan sedaya upaya yang boleh dan moga-moga dengan kemurnian sifat-sifat ini nanti kejayaan dan kebahagiaan rakyat dan Negara Brunei Darussalam akan kekal dalam keadaan aman tenteram dan penuh dengan kemakmuran serta membuah hasil bahagia.

Kepada penduduk Daerah Tutong, baginda juga mengucapkan terima kasih kerana mengadakan sambutan yang meriah untuk baginda dan baginda juga berdoa semoga negara ini kekal terpelihara dari malapetaka dan sentiasa dalam keadaan aman, makmur dan rakyat dalamnya amanah, jujur serta rajin menuntut ilmu pengetahuan.

Manakala semasa berkenan berangkat ke Daerah Belait buat pertama kalinya juga selepas baginda dipuspakan, baginda turut bertitah melahirkan rasa terharu baginda di atas sambutan-sambutan yang begitu meriah yang diadakan dan seterusnya menekankan bahawa dari hati yang suci lagi bersih dan hening lagi jernih baginda melafazkan ucapan terima kasih dan akan tetap menjadi kenangan baginda buat selama-lamanya.

Sebagaimana kandungan titah baginda:

**“Laila kesudian yang sedemikian akan tetap menjadi ingatan kepada beta dan akan sentiasa tersemat di sanubari beta buat selama-lamanya.”**

Seterusnya baginda bertitah:

**“Dengan penuh keikhlasan, beta percaya usaha dan tenaga yang dicurahkan sudah tentu akan mencerminkan inisiatif dan**

**tenaga serta usaha beta sendiri demi membawa kebajikan laila ketenteraman, laila subur, keamanan serta kebahagiaan untuk negara beta Brunei Darussalam yang mengandungi rakyat penduduk yang berjenis-jenis di dalamnya.”**

Dalam titah baginda semasa berkenan berangkat ke Daerah Belait juga menyatakan kegembiraan baginda yang bukan kepalang melihat rakyat baginda baik yang muda mahupun yang tua, miskin dan kaya berselubungkan keharmonian dan di mana-mana saja senyum manis sentiasa diuraikan kerana Istiadat Kepuspaan baginda itu.

**“Mudah-mudahan kegembiraan dan kesetiaan serta ketaatan terbukti laila rakyat beta yang dikasihi oleh laila percaya dengan izin Allah buat selama-lamanya zaman-berzaman serta harum semerbak yang akan menjadi pujian kepada negara yang baik di dunia ini dan juga pada menyerikan nama baik pancir keturunan bahawa rakyat Negeri Brunei mempunyai bertegur sapa laila bertatabahasa dan laila berbudi pekerti yang masih nyata berkesan sebagai kata orang tua-tua laila mengenang dan ingatkan jasa baik itu akan dapat menaburkan jasa.”** titah baginda.

Sementara itu, semasa keberangkatan pertama kali baginda ke Daerah Temburong, baginda bertitah, Brunei yang dahulunya dikenali sebagai sebuah negeri yang dipenuhi dengan rimba belukar, kini telah menjadi sebuah bandar yang indah.

Baginda juga menyebut bagaimana Negeri Brunei pada satu ketika dahulu dalam keadaan miskin dan bersandarkan kepada keadaan meminjam, tetapi kini dikenali sebagai sebuah negara yang kaya-raya.

**“Negeri Brunei yang kita kasihi ini pada mulanya miskin dan meminjam, sekarang dan masa ini menjadi sebuah negeri yang mewah sekali dan banyak memberikan**

**pinjaman kepada negeri-negeri yang difikirkan baik dalam lingkungan Commonwealth,”** titah baginda.

Perkembangan-perkembangan yang pesat itu berlaku, titah baginda, adalah dari hasrat hati yang rajin dan tabah menuntut ilmu pengetahuan dan wujudnya perpaduan dan persefahaman dalam kalangan rakyat negeri ini.

Baginda juga turut menyentuh mengenai dengan Sambutan Kepuspaan yang diadakan di daerah itu di mana baginda menyifatkan sambutan itu sebagai satu penghormatan yang tinggi nilainya dan semua itu baginda yakin adalah hasil dari tenaga rakyat yang berpenat lelah.

**“Beta berdoa semoga budi baik rakyat beta sekalian akan digandakan oleh Allah Subhanahu Wata’ala,”** titah baginda.

Mengenai sambutan-sambutan yang diadakan di seluruh negeri baginda bertitah:

**“Sambutan dan sanjuran rakyat beta di seluruh negara benar-benar menggalakkan dan benar-benar dapat mencerminkan kesetiaan rakyat beta.”**

Baginda selanjutnya bertitah bahawa suasana gembira dan harmonis ini beta yakin menandakan bermulanya satu lembaran sejarah hidup baru bagi kita semua dalam erti kata Darussalam seluas-luasnya iaitu aman, tenteram dan sejahtera.

Bertitah mengenai kepentingan penduduk-penduduk Daerah Temburong pula, baginda menyeru kepada penduduk Daerah Temburong supaya menyahut dan menyokong kerajaan dalam usaha perkembangan dan pembinaan yang manfaat untuk kebahagiaan daerah itu dan negara.

Baginda yakin bahawa amalan-amalan menyambut baik rancangan-rancangan kerajaan itu adalah menjadi asas untuk menuju ke arah kebajikan, kesentosaan dan ketenteraman dan seterusnya untuk kebahagiaan Brunei Darussalam.



# Negara akan tempa satu sejarah



**T**AHUN ini, negara akan menempa satu lagi sejarah yang akan menjadi ristaan sepanjang zaman di mana rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam serta masyarakat global akan menyaksikan negara ini merayakan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang



Susunan:  
Sastra Sarini Haji Julaini  
Foto: Jabatan Penerangan

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta.

Pada titah sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2017 baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sambutan ini sangat besar ertinya, sebagai cara untuk kita menghargai sejarah.

Namun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melahirkan harapan agar dalam perayaan yang dirancang, semua pihak akan mengamalkan sifat bersederhana. Apa yang penting ialah sifat perayaan atau sambutan sebagai 'petanda' bagi sejarah.

**"Dalam perayaan yang dirancang, beta berharap semua pihak akan mengamalkan sifat bersederhana. Apa yang penting ialah perayaan atau sambutan sebagai sifatnya 'petanda' bagi sejarah. Sejarah adalah 'lidah' zaman, yang akan berkata-kata kepada generasi demi generasi tanpa pernah mengenal penat atau bosan. Itulah harga sejarah.**

**Sifat sederhana di sini, termasuk memberi keutamaan apa yang utama. Namun,**

**bukanlah menjadi tujuan kita untuk menyempitkan wawasan bagi masa depan yang panjang,"** titah baginda.

Kesederhanaan, mengamalkan sikap berjimat cermat serta menjauhi sifat membazir mempunyai banyak kebaikan dan manfaat. Di samping mendapat pahala dan keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala, kita juga boleh mengelak daripada dilanda perkara-perkara yang tidak diingini seperti muflis atau berhutang. Ia juga menggalakkan kita untuk mempunyai simpanan yang insyaaAllah akan dapat menjamin kehidupan pada ketika ia diperlukan.

Kesederhanaan terutama sekali berkaitan dengan sambutan perayaan sering kali ditekankan dan ini juga mendapat perhatian serius oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering mengingatkan kita untuk sentiasa bersederhana, berhemat dan elakkan pembaziran. Ini juga boleh dikaitkan dengan cara kehidupan seharian untuk mengamalkan kesederhanaan dalam pelbagai aspek.

Tahun lepas pada 27 April semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-70 Tahun, baginda menegaskan perhimpunan bersama rakyat suatu wadah unik untuk merapatkan bagi hubungan Raja dengan rakyat namun bersuka ria perlu ada batasnya.

Baginda menekankan bahawa semua itu tidak diragukan adalah besar kepentingannya namun selaku bangsa yang berakidah dan berbudaya, maka semua bentuk sambutan mestilah diperinci dan dikenal pasti agar sukat-sukat dan kriteria dalam makna ia tidaklah boleh 'selarah-larah' atau semata-mata hanya mengikut kemahuan hati sahaja.

Sambutan tidak perlu dengan berhabis-habisan kalau kita berjaya menghidupkan suasana keraian walau dengan bentuknya yang sederhana maka itu sudah cukup, bagus dan memadai.

Sementara itu, semasa bertitah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-70 Tahun pada Jumaat, 10 Syawal 1437H bersamaan 15 Julai 2016M di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, baginda juga menekankan mengenai mengamalkan sifat berhemat dan bersederhana.

**"Alhamdulillah, beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat meraikan Hari Keputeraan beta pada tahun ini, dalam keadaan aman lagi selesa. Istiadat berlangsung pada tahun ini, ketika mana**

**kita baru saja sempurna melaksanakan ibadat puasa dan kini sedang meraikan Hari Raya Aidilfitri yang mubarak.**

**Beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua yang meraikannya. Beta berharap kita di negara ini akan mengamalkan sifat berhemat dan sederhana dalam meraikan apa saja sambutan perayaan selaras dengan ajaran agama kita yang suci,"** titah baginda.

Alhamdulillah, kita sebagai penduduk dan rakyat di negara yang indah permai ini sepatutnya berasa bersyukur kerana walaupun menghadapi cabaran terutamanya dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus berusaha untuk memastikan kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat dan penduduknya sentiasa dijaga. Kita sepatutnya bersyukur kerana kita terus menikmati keamanan, kemakmuran, ketenteraman dan kesejahteraan hidup yang telah dikurniakan oleh-Nya.

Malahan kita perlu mengambil iktibar daripada cara hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang hidup dalam kesederhanaan.

Bagaimanapun, dalam kita mengelak pembaziran, perlu juga kita menjauhi sifat bakhil dan kedekut. Sifat bakhil dan kedekut ini melambangkan kita tidak bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak menunaikan tanggungjawab serta amanah yang dikurniakan-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 67, tafsirnya:

*"Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara keduanya."*

## Memperingati Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia, 1 Ogos 1968 Memakmurkan Negara Brunei Darussalam



**P**ADA 1 Ogos 1968 masih tetap segar dalam ingatan rakyat dan penduduk negara ini, apabila berlangsungnya Istiadat Berpuspa bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadi Sultan Ke-29, pada 1 Ogos 1968 Masihi bersamaan 6 Jamadilawal



Oleh:  
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

1388 Hijrah setelah berlangsungnya Istiadat Permaryhuran di Lapau, Bandar Seri Begawan dengan penuh adat istiadat kebesaran diraja pada usia baginda ketika itu 21 tahun.

Perpuspaan ialah Istiadat Perpuspaan selepas seorang Sultan itu ditabalkan. Perpuspaan ialah penganugerahan gelaran sebagai 'Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam'.

Jika mengikut Adat Istiadat Diraja Brunei, seorang Raja yang telah ditabalkan akan dipuspakan di Istiadat Perpuspaan selepas 12 bulan atau setahun selepas baginda ditabalkan menjadi Sultan.

Peristiwa mengungkapkan Mahkota Emas itu telah dimahkotakan oleh paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang telah turun dari takhta kerajaan pada 4 Oktober 1967.

Sebaik sahaja mahkota dimahkotakan dan Keris Si Naga disusupkan, maka tembakan meriam dilepaskan sebanyak 21 das menandakan Istiadat Mempuspakan baginda telah sempurna dijalankan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan berangkat dari Lapau menaiki Kenaikan Usungan Diraja yang ditarik oleh anggota Askar Melayu Brunei diarak mengelilingi Bandar dan seterusnya balik ke istana untuk mengenalkan kepada rakyat jelata.

Perarakan telah didahului oleh Alat-alat Kebesaran Diraja terdiri 40 orang yang membawa Sanipit dan Taming, 16 orang membawa pedang, Perisai, Kelasak dan Kampilan, 16 orang yang membawa Tombak Banderangan, 8 orang yang membawa Dian Alam Bernaga dan Penglima Raja yang menyahan Pemuras serta Penglima Asgar memegang Kalasak dan Kampilan dan lain-lain Alat Kebesaran Diraja.

Perarakan seterusnya menuju ke Singgahsana Balai Istana Sultan bagi Istiadat 'Bertimbang' (duduk bersama) dan memahkotakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Dalam istiadat ini, isteri Pengiran



Penggawa Laila Bentara Adat Resam Dalam Istana kemudian meminta keizinan Paduka Suri Seri Begawan untuk memahkota Raja Isteri yang baharu.

Istiadat gilang-gemilang dan bersejarah itu telah dijunjung oleh isteri Pengiran Paduka Tuan Sahibul Karib ke majlis tersebut. Mahkota yang diperbuat daripada emas disemat dengan berlian halus dan batu permata pelbagai warna dengan kemas di tapak mahkota. Isteri Duli Pengiran Pemancha kemudian menyembahkan mahkota kepada Paduka Suri Seri Begawan.

Setelah itu, 'Puja' dibacakan tujuh kali untuk memberi penghormatan kepada Raja Isteri yang baharu dengan diberikan penghormatan dengan tembakan meriam. Isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong lalu mengumumkan 'Sembah' kepada Raja Isteri yang baharu dengan 8 hingga ke 21 das tembakan meriam dilepaskan bagi melengkapkan majlis tersebut. Selepas bacaan Doa Selamat, maka Gendang Jaga-Jaga dibuka selama 7 hari selepas Majlis Pertabalan.

## IKRAR

Dengan berpegang teguh kepada ikrar baginda untuk meneruskan dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan yang memberikan faedah kepada rakyat seperti yang telah diasaskan oleh ayahanda baginda, baginda juga mencontohi sifat-sifat kecemerlangan paduka ayahanda



baginda yang telah menjadikan Al-Marhum sebagai Sultan yang dikasihi dalam sejarah moden ini.

Dalam petikan berita Pelita Brunei keluaran 11 Oktober 1967 mencatatkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah ditabalkan menjadi Sultan Brunei Yang Ke-29 sebagai Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Istiadat Perpuspaan baginda menaiki singgahsana kerajaan Brunei adalah berikutan dengan pengisytiharan turun dari takhta oleh paduka ayahanda baginda, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar 'Ali Saifuddin.

Istiadat Perpuspaan di Balai Singgahsana telah dibuat di bawah syarat-syarat perlembagaan untuk perpuspaan mengangkat dan melantik Pemangku Raja.

Berita juga mencatatkan istiadat ini telah dihadiri oleh pembesar-pembesar negara termasuk Yang Teramat Mulia, Seri Paduka Duli-Duli Wazir, Cheteria-Cheteria, Pemangku Menteri Besar serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat.

Dengan suara yang tegas tapi sedih, Duli Yang Maha Mulia telah memuji-muji paduka ayahanda baginda melahirkan keyakinan akan diberi petunjuk, pimpinan dan nasihat-nasihat dari paduka ayahanda baginda.

Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berikrar akan melaksanakan tugas-tugas baginda sebagai seorang Sultan dan akan menumpukan tenaga dan usaha untuk melaksanakan dasar-dasar paduka ayahanda baginda dalam usaha memelihara keamanan, keselamatan dan kemakmuran serta akan menjunjung nama baik Negeri Brunei. Duli Yang Maha Mulia juga berikrar akan meninggikan taraf hidup rakyat melalui projek-projek perkembangan yang berfaedah yang telah dirancang

oleh paduka ayahanda baginda yang sebahagiannya telah pun dilaksanakan dan yang masih dalam proses pelaksanaan.

Baginda juga berikrar untuk menjunjung dan melindungi agama Islam dan adat istiadat negara ini.

Dalam mengakhiri titah baginda dengan menyeru kepada pembesar-pembesar negara, pegawai-pegawai, anggota-anggota majlis-majlis mesyuarat dan rakyat jelata supaya memberikan kerjasama yang erat dan mutlak sebagaimana yang telah mereka berikan kepada paduka ayahanda baginda masa-masa lampau.

### PROFIL RINGKAS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Baginda diputerakan pada Isnin, 15 Syaaban 1365H bersamaan 15 Julai 1946M di Istana Darussalam, Bandar Brunei. Baginda mula mendapat pendidikan awal secara *private tuition* di Sekolah Khas Istana Darul Hana. Dalam tahun 1955, baginda belajar di Sekolah Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei. Antara tahun 1959-1960 di Sekolah Jalan Gurney, Kuala Lumpur sehinggalah pada awal tahun 1961 melanjutkan pelajaran dan kemudian di Institut Victoria, sebuah sekolah menengah Inggeris yang terkemuka di Malaysia hingga lulus Sijil Rendah Pelajaran dalam tahun 1963. Semasa menuntut di Institut Victoria, baginda menyertai Pasukan Kadet Institut Victoria dan menyandang Anugerah 'Kadet Terbaik' dalam tahun 1961. Di Institusi ini, baginda bergaul dengan para pelajar dari keturunan Melayu, Cina dan India supaya dapat mengenali dan menghayati kehidupan dan kegetiran rakyat biasa. Malah baginda dilantik sebagai Ketua Kelas oleh 39 pelajar yang sekelas dengan baginda.

Ketika berusia 15 tahun, baginda telah



dilantik sebagai Pengiran Muda Mahkota oleh ayahanda baginda pada 14 Ogos 1961 ketika baginda masih belajar di Institut Victoria.

Walaupun masih remaja namun tanggungjawab sebagai bakal pemimpin negara mula terletak pada bahu baginda. Bolehlah dikatakan pendidikan Institut Victoria, sebuah sekolah menengah elit yang mana para pelajar terdiri daripada mereka yang lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan sekolah rendah kerajaan, memberi wawasan yang paling baik untuk baginda pelajar dari Brunei. Institut Victoria juga memberi disiplin yang ketat dan semua pelajar mesti menjaga imej dan prestasi sekolah yang terkenal itu. Sungguhpun menjadi Pengiran Muda namun baginda dapat menyesuaikan diri dengan sahabat-sahabatnya dari pelbagai bangsa. Sekali-sekala baginda akan keluar bersama rakan-rakan sekolahnya untuk menonton filem di panggung wayang. Itulah masa remaja baginda semasa menuntut di Institut Victoria, Kuala Lumpur.

Pada tahun 1964, meneruskan pelajaran di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Kemudian pada 4 Januari 1966 berangkat ke United Kingdom untuk

menjalani latihan ketenteraan sebagai Pegawai Kadet di Akademi Tentera Diraja Sandhurst England hingga tahun 1967. Baginda kemudian ditauliahkan pangkat Kapten dalam pasukan Coldstream Guards oleh akademi tersebut.

Pada pertabalan baginda sebagai Sultan, baginda menuntut di Akademi Tentera Diraja Sandhurst England. Akademi tentera ini banyak melahirkan para pemimpin yang terkemuka untuk rakyat British dan juga asing. Di sini baginda menjalani latihan tentera yang intensif dan berat seperti kadet-kadet yang lain di samping mendalami pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Selain dari ilmu ketenteraan baginda juga dilatih untuk melengkapkan diri sebagai bakal pemimpin bangsa, agama dan negara kelak.

Di Akademi ini telah banyak melahirkan para pemimpin tentera British yang terkemuka, di samping tempat latihan kepimpinan dan ketenteraan untuk pelbagai pegawai tentera dari negara-negara Komanwel. Dengan latihan yang intensif dan tatatertib ketat, setiap pegawai kadet mesti memperlihatkan kepimpinan yang tinggi di samping mengikuti pelbagai akademik supaya mereka benar-benar menjadi bakal pemimpin yang berkualiti dan penuh tanggungjawab.

Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Khairi Waddien bersabda bahawa Negara Brunei Darussalam yang bakal dipimpin oleh putera baginda akan menghadapi cabaran yang besar kelak. Brunei mesti menjadi sebuah negara yang maju dan makmur. Atas kesedaran inilah Al-Marhum ayahanda memasukkan Pengiran Muda Mahkota ke Akademi Tentera Diraja Sandhurst, dengan tujuan memberi latihan kepimpinan dan pengalaman yang mendalam di bidang ketenteraan serta menimba pelbagai ilmu pengetahuan yang boleh dimanfaatkan kelak apabila dilantik menjadi Sultan.

Pada 5 Oktober 1992, baginda telah menyambut Jubli Perak iaitu genap 25 tahun di atas Takhta Kerajaan. Pada saat yang bersejarah ini, antara lain baginda menitahkan mengenai sejarah bangsa dan Negara Brunei Darussalam yang panjang telah menjadikan rakyatnya suatu bangsa yang gigih lagi berupaya dalam mengharungi masa depan dengan mengutamakan perpaduan di antara Raja dan rakyat. Hubungan Raja dan rakyat tegas baginda, bukanlah semata-mata berasaskan tradisi antara yang memerintah dengan yang diperintah, tetapi ia dijalin oleh tanggungjawab secara timbal-balik dalam makna sama-sama menunaikan amanah Allah Ta'ala menurut batas-batas yang diredai-Nya.

Dengan usia baginda 71 tahun dan 50 tahun berada di atas takhta kerajaan, baginda adalah Sultan yang paling lama memerintah, dan sepanjang pemerintahan baginda itu, negara telah mengecapi pelbagai kemajuan dalam semua bidang termasuk keagamaan, politik, ekonomi, ketenteraan, keselamatan, perdagangan, pendidikan teknologi, perhubungan, perubatan dan amalan terbaik antarabangsa.

Dasar dan jalinan hubungan diplomatik yang terjalin sejak kemerdekaan negara telah berjaya mengharumkan lagi negara sebagai sebuah negara beraja yang berdaulat serta berdaya maju. Penglibatan negara dalam misi-misi serantau dan antarabangsa telah meningkatkan kepercayaan dan seterusnya sumbangan kita dalam menzahirkan sebuah negara yang harmoni dan bertoleransi serta saling hormat-menghormati di antara satu sama lain.

Langkah-langkah yang telah diambil perhatian oleh baginda ialah menangani dan menyelesaikan beberapa isu penting yang dihadapi oleh Brunei pada tahun

1967-1983 merupakan satu sejarah penting tentang ketokohan dan kewibawaan baginda sebagai seorang Raja yang berdaulat yang bijak dan mampu mengekalkan sistem Kesultanan Melayu Islam terus kukuh berdiri setanding negara-negara di rantau ini dengan menikmati pelbagai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan dalam era globalisasi.

### WAWASAN 2035

Dengan pemerintahan baginda yang Ke-50 Tahun, pada 5 Oktober, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam akan terus menikmati kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan. Baginda dikenali sebagai Raja pemeduliaan, Raja berkarisma dan pembina martabat bangsa. Baginda juga disegani dan dihormati oleh para pemimpin antarabangsa. Ini menjadikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang termasyhur di mata dunia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengurniakan titah perkenan bagi diwawancara bertulis bersama sebuah agensi akhbar tempatan bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-70. Antaranya memetik apakah perspektif baginda terhadap masa depan generasi muda.

Menurut baginda, generasi muda hari ini merupakan aset negara dan tonggak harapan yang turut bertanggungjawab untuk menjadi ejen bagi membentuk perubahan-perubahan dan susur galur kemajuan negara ini pada masa akan datang. Ini adalah penting dalam keadaan dunia yang semakin berhubung rapat di mana negara-negara menjadi lebih saling bergantung antara satu sama lain.

Maka generasi muda kita perlu juga bersedia menghadapi cabaran-cabaran melalui kerjasama yang rapat dengan rakan antarabangsa kita.

Ke arah itu, baginda amat menggalakkan belia di negara ini untuk memupuk ciri-ciri keusahawanan dan tampil ke hadapan sebagai peneraju industri-industri dan sektor perniagaan. Generasi muda hari ini juga haruslah berani mempunyai impian yang besar, yang setentunya juga harus realistik dan mempunyai impak kepada negara. Walau bagaimanapun, dalam mengejar impian, generasi muda juga adalah digesa agar tidak lupa dan lalai terhadap kewajipan menjaga agama dan tanggungjawab mempertahankan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Mengenai pencapaian Negara Brunei Darussalam yang paling membanggakan jelas baginda, tiadalah pencapaian yang lebih besar selain daripada mencapai kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara yang disertai dengan keamanan, kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan. Inilah yang selalu baginda harapkan akan sentiasa berterusan.

Justeru, usaha-usaha dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara, peningkatan penghayatan agama Islam sebagai agama rasmi, pembangunan ekonomi negara, mengembangkan pelaksanaan projek-projek kebajikan dalam negeri dan mengukuhkan hubungan Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar perlu dilipatgandakan.

Baginda juga seterusnya berharap dalam kita mengejar kemajuan, jati diri selaku anak Brunei tidak akan dilupa serta hendaklah ia bersandarkan kepada nilai-nilai murni MIB, khususnya agama Islam.

Semoga nilai-nilai yang dipupuk oleh konsep MIB ini akan dapat dikekalkan dan dipertahankan sampai bila-bila. Baginda juga berharap, kita akan dapat jua akhirnya mencapai hasrat wawasan bangsa kita Wawasan Brunei 2035.

## Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Jubli Perak pada 5 Oktober 1992



**D**ENGAN penuh khushyuk dan tawaduk, beta bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua,



Susunan:  
Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto: Jabatan Penerangan

maka dapatlah istiadat yang bersejarah ini dilangsungkan di dalam suasana yang aman dan penuh selesa.

Beta lebih dahulu sukacita mengalu-alukan paduka-paduka kekanda dan paduka-paduka adinda Raja-Raja Melayu, tetamu-tetamu khas beta, sama ada yang datang daripada jauh mahupun dekat dan juga sekalian para jemputan yang budiman. Dengan kehadiran mereka itu, menambahkan lagi kemeriahan dan seri Sambutan Jubli Perak beta ini.

Demikian juga dalam kesempatan ini, beta ingin menyatakan penghargaan serta ucapan terima kasih beta kepada semua pihak yang telah sudi mengutus perutusan-perutusan ucap selamat dan lebih-lebih lagi kepada paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Wahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah di atas sabda kesyukuran dan ikrar bagi pihak orang-orang bergelar dan pembesar-pembesar Negara Brunei Darussalam.

Beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan mengurniakan ganjaran-Nya kepada semua pihak di atas ingatan baik mereka itu bagi menjayakan perayaan ini.

Mengimbas kembali masa 25 tahun yang lalu, beta masih teringat dan bahkan terharu dengan keputusan paduka ayahanda beta, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang turun daripada

takhta dengan kehendak baginda sendiri, semata-mata bagi membolehkan beta diangkat menjadi Sultan menggantikan baginda. Peristiwa ini sangatlah luar biasa dan bahkan sangat menggemparkan, kerana ianya sungguh tidak diduga oleh sesiapa pun.

Walau bagaimanapun, dengan berbekalkan kepercayaan serta restu daripada paduka ayahanda beta, dan juga Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, pembesar-pembesar, pegawai-pegawai kerajaan serta rakyat jelata sekalian, maka beta dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala telah dengan sedaya upaya beta menerima dan berusaha pada menjalankan amanah yang berat ini, dengan azam akan terus melanjutkan dasar-dasar paduka ayahanda beta, khasnya dalam hal ehwal memelihara keamanan, meningkatkan taraf hidup rakyat dan kemakmuran negara, serta juga dengan kuatnya akan memegang dan memuliakan Islam sebagai agama rasmi yang menjadi anutan dan amalan turun-temurun kepada Raja-Raja, pembesar-pembesar dan rakyat jelata.

Beta bersyukur, bahawa dengan izin Allah dan dengan berkat muafakat serta nasihat daripada pembesar-pembesar negara, dan lebih-lebih lagi dengan adanya sokongan dan dukungan yang padu daripada kalangan rakyat sekalian, maka dalam masa 25 tahun pemerintahan beta, Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkat dan berkembang sebagai sebuah negara yang membangun.

Memanglah dalam masa yang panjang itu, banyak cabaran dan liku-liku yang mesti kita tempuh. Tetapi alhamdulillah, semuanya itu telah berjaya kita lalui dengan cara dan stail kita yang tersendiri dengan mengutamakan sifat-sifat bijaksana lagi penuh berhati-hati.

Sejarah bangsa dan negara yang

panjang telah menjadikan kita suatu bangsa yang gigih lagi berupaya, iaitu berupaya bagaimana hendak mengharungi masa depan kita dengan mengutamakan perpaduan di antara Raja dan rakyat. Dengan cara inilah, kita telah dapat membawa negara kita mencapai matlamat-matlamatnya dengan lancar dan selamat, dengan tidak perlu melalui rintangan-rintangan besar. Sekiranya pun ada terdapat sebarang masalah, semuanya itu dapat kita urus dan selesaikan berdasarkan semangat muafakat dan persefahaman yang ikhlas.

Semua ini jika kita teliti dan perhatikan dengan jujur, membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu, adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara.

Jadi dari bukti yang ringkas ini, adalah cukup untuk memberikan jaminan dan keyakinan bahawa "sistem pemerintahan beraja" yang telah kita warisi dan pelihara itu telah berhasil menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk Negara Brunei Darussalam.

Bagi kita hubungan Raja dengan rakyat bukanlah semata-mata berasaskan tradisi antara yang memerintah dengan yang diperintah, tetapi juga dijalin oleh tanggungjawab secara timbal-balik, dalam makna sama-sama menunaikan amanah Allah Ta'ala menurut batas-batas yang diredai-Nya.

Kerana itu beta berdoa, mudah-mudahan apa yang sedang kita nikmati ini akan berkekalan dengan izin Allah menjadi kebanggaan kita semua dan juga generasi yang akan datang.

Di arena antarabangsa pula, kita adalah mengamalkan dasar terbuka untuk mengadakan hubungan berbaik-baik dengan sesiapa sahaja, sama ada dengan rakan-rakan terdekat seperti ASEAN ataupun

yang jauh, iaitu berdasarkan prinsip dan semangat hormat-menghormati serta tidak campur tangan terhadap hal ehwal negara masing-masing.

Dengan prinsip ini kita mendapat kawan dan sahabat dan dengan prinsip ini juga kita turut membela hak-hak kemanusiaan, sebagaimana kejadian di Bosnia-Herzegovina yang turut kita kesali dan kutuk itu.

Kita telah mengetahui bahawa orang-orang Islam di sana ditindas dan dianiaya, maka dasar kita ialah membantah kezaliman itu sambil turut menyumbangkan sedikit bantuan.

Kerajaan beta telah pun menetapkan kadar bantuannya, di samping orang ramai pula masih lagi terus menderma sampai sekarang. Di saat yang bersukut baik serta sambil kita bersyukur dan bergembira menyambut Jubli Perak beta ini, maka beta dengan segala rendah hati dan semata-mata kerana Allah jua, akan turut

menyumbangkan sedekah peribadi atau "derma khairat" beta kepada Tabung Kesengsaraan Orang-orang Islam Bosnia sebanyak sejuta ringgit Amerika.

Buat akhirnya, beta adalah tidak lupa merakamkan penghargaan kepada semua peringkat jawatankuasa yang telah dipertanggungjawabkan untuk merancang dan menjayakan perayaan Sambutan Ulang Tahun Ke-25 beta menaiki takhta.

Demikian juga penghargaan yang sama dan bahkan terima kasih kepada seluruh rakyat dan penduduk, pembesar-pembesar negara dan pemimpin-pemimpin masyarakat di atas sokongan dan taat setia mereka kepada beta dan kerajaan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan memberkati dan melimpahkan rahmat serta hidayah-Nya kepada kita semua, amin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta meriah

**T**ARIKH 5 Oktober 1992 negara menyaksikan satu lagi peristiwa penuh adat istiadat dan gilang-gemilang. Bandar Seri Begawan dipenuhi dengan rakyat jelata bagi menyaksikan payung negara yang dicintai diarak mengelilingi bandar berkenaan semasa berlangsungnya Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan Sempena Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta. Akhbar rasmi Pelita Brunei keluaran Rabu, 7 Oktober 1992 telah mencatatkan berita bagi majlis berkenaan yang juga merupakan warisan turun-temurun serta menjadi kebanggaan

negara.

Dengan menaiki Usungan Diraja, baginda bersemayam di atas Pataratna dan diarak di sepanjang jalan yang dilalui iaitu Jalan Tutong, Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Pretty dan Jalan Stoney di mana lebih 39 ribu pegawai dan kakitangan kerajaan dan syarikat swasta berbaris bagi sama-sama memeriahkan dan menyaksikan dengan lebih dekat perarakan yang begitu jarang disaksikan.

Sementara itu, Pelita Brunei juga mencatatkan bahawa perayaan sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta bermula dengan Istiadat Kawalan Kehormatan dan



Istiadat Mengadap di Istana Nurul Iman. Menurut laporan berita tersebut, sebelum berangkat masuk ke Balai Singgahsana Indera Buana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima 'hormat diraja' yang diiringi dengan tembakan meriam sebanyak 21 das di pekarangan Istana Nurul Iman. Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri daripada 400 anggota gabungan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei. Sejurus selesai, baginda sekali lagi menerima 'hormat diraja' dan kemudiannya berangkat beredar ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Istiadat Mengadap.

Semasa Istiadat Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan titah yang antara lain menyatakan dengan berkat muafakat serta nasihat daripada pembesar-pembesar negara, dan lebih-

lebih lagi dengan adanya sokongan dan dukungan yang padu daripada kalangan rakyat sekalian, maka dalam masa 25 tahun pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkat dan berkembang sebagai sebuah negara yang membangun.

Titah baginda lagi, banyak cabaran dan liku-liku yang mesti kita tempuh dalam masa yang panjang itu. Tetapi alhamdulillah, titah baginda lagi semuanya itu telah berjaya dilalui dengan cara dan stail kita yang tersendiri dengan mengutamakan sifat-sifat bijaksana lagi penuh berhati-hati.

Menyentuh mengenai sistem pemerintahan beraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, sistem berkenaan yang diamalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara.

## Istiadat Jubli Emas penuh gilang-gemilang

**T**ARIKH keramat 5 Oktober 2017 yang tercatat dalam lembaran tinta sejarah menandakan genap 50 Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memerintah di atas takhta singgahsana.

Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta yang dilangsungkan dengan penuh adat istiadat dan gilang-gemilang setentunya melakar peristiwa bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam.

Acara Sambutan Jubli Emas bermula



Oleh:  
Bolhassan Haji Abu Bakar

dengan Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga yang dilangsungkan pada 3 Oktober 2017 di Lapau ibu negara.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah serta Doa Kesyukuran diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara dengan penumpuan di Jame 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong diadakan pada petang, 4 Oktober 2017 bagi memohon keberkatan serta perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kemuncak Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta ialah pada 5 Oktober 2017 dengan Istiadat Perbarisan Kawalan Kehormatan dan Istiadat Mengadap di Istana Nurul Iman.

Pada istiadat itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah selaku Penaung Jawatankuasa Penasihat Sambutan Jubli Emas akan mengurniakan sabda dan diikuti seterusnya dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Istiadat Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan merupakan saat yang dinantikan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini. Peluang keemasan menyaksikan istiadat tersebut akan menjadi ristaan sepanjang zaman.

Pada istiadat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan bersemayam di atas Pataratna, Usungan Diraja mengelilingi ibu





negara.

Istiadat yang menjadi warisan turun-temurun itu akan disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen dan mendapat liputan lebih 100 wartawan dari dalam dan luar negara.

Majlis Persantapan Diraja sempena Jubli Emas diadakan pada 6 Oktober 2017 di Istana Nurul Iman.

Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga diadakan pada 8 Oktober 2017 di Lapau di ibu negara.

Mengambil sukut sempena Sambutan Jubli Emas diadakan Majlis Perasmian Jambatan Sungai Kebun, Perarakan Kapal-Kapal dan Perahu-Perahu Berhias dan Pertunjukan Bunga Api pada 14 Oktober 2017. Jambatan Sungai Kebun merupakan jambatan yang pertama *cabre stayed bridge* di negara ini.

Jambatan sepanjang 300 meter yang menyeberangi Sungai Brunei ini merupakan salah satu mercu tanda Negara Brunei Darussalam yang tersergam indah di

kawasan strategik, iaitu Kampong Ayer, sebuah perkampungan air terbesar di Asia Tenggara dan salah satu khazanah warisan negara.

Sementara itu, Majlis Perasmian Taman Eko Koridor akan diadakan pada Ahad, 22 Oktober 2017 yang diselajarkan dengan Majlis Junjung Kasih dan Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Emas.

Tapak Taman Eko Koridor mempunyai keluasan 9 hektar dan merupakan salah sebuah Projek Pelan Induk Pembangunan Bandar Seri Begawan Tahun 2011 di bawah Projek Pemangkin Regenerasi Eko Koridor Tebing Sungai.

Antara objektif utama Eko Koridor adalah untuk mengurangkan impak banjir terutama di kawasan tadahan Sungai Kedayan; untuk meningkatkan kesalinghubungan dan mempromosikan kebudayaan serta gaya hidup sihat untuk orang awam dan untuk menyediakan platform bagi pembangunan ekonomi pada masa hadapan.

Bagi memastikan acara bersejarah itu



nanti berjalan lancar dan sempurna, raptai penuh Istiadat Perarakan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta telah diadakan pada 24 September 2017 yang melibatkan penutupan beberapa batang jalan sekitar ibu negara.

Antara jalan-jalan tersebut ialah Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) kawasan U-Turn Taman Rekreasi Persiaran Damuan; Jalan Pengiran Babu Raja Simpang Jalan Permaisuaru; Sepanjang Jalan RIPAS simpang-simpang rumah kediaman; Jalan Chempaka; Lampu Isyarat Jalan Kubah Makam Diraja dihalakan masuk ke Jalan Pehin Laksamana Abdul Razak; Jalan Lebuhraya Sultan Hassanah Bolkuah dihalakan naik ke Jalan Putera Al-Muhtadee Billah.

Manakala jalan-jalan yang akan dikawal selia oleh anggota Polis Trafik adalah seperti berikut: sepanjang Jalan RIPAS; sepanjang

Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS); sepanjang Jalan McArthur; sepanjang Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan sepanjang Jalan Stoney.

Mengimbas kembali tarikh keramat 5 Oktober 1967 setentunya menjadi ristaan sejarah sepanjang zaman apabila Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien turun daripada takhta dengan kehendak baginda sendiri bagi membolehkan putera sulung baginda diangkat menjadi Sultan menggantikan baginda.

Sempena Sambutan Jubli Perak Menaiki Takhta pada 5 Oktober 1992, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain bertitah, sejarah bangsa dan negara yang panjang telah menjadikan kita suatu bangsa yang gigih lagi berupaya, iaitu berupaya bagaimana hendak mengharungi masa depan kita dengan mengutamakan perpaduan di antara Raja dan rakyat.

***"Dengan cara inilah, kita telah dapat membawa negar kita mencapai matlamat-matlamatnya dengan lancar dan selamat, dengan tiada perlu melalui rintangan-rintangan besar. Sekiranya pun ada terdapat sebarang masalah, semuanya itu dapat kita urus dan selesaikan berdasarkan semangat muafakat dan persefahaman yang ikhlas.***

***Semua ini jika kita teliti dan perhatikan dengan jujur, membuktikan bahawa sistem pemerintahan yang kita amalkan selama ini yang telah berjalan sekian lama itu, adalah kukuh dan malahan berjaya membawa kebajikan kepada rakyat dan negara.***

***Jadi dari bukti yang ringkas ini adalah cukup untuk memberikan jaminan dan keyakinan bahawa 'Sistem Pemerintahan Beraja' yang telah kita warisi dan pelihara itu telah berhasil menciptakan kebahagiaan dan keunggulan untuk Negara Brunei Darussalam,"*** titah baginda.



# *Kepimpinan*

## Ketokohan Raja



Oleh:  
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

**P**ADA 5 Oktober 2017, genaplah 50 tahun pemerintahan Raja dan ulil amri yang kita taati dan sayangi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seluruh rakyat sekalian bergembira sambil bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana baginda memerintah sepertimana yang sentiasa didoakan, iaitu dilanjutkan usia, adil berdaulat menaungi nusa, memimpin rakyat kekal bahagia.

Syukur alhamdulillah. Janji-janji Allah itu ternyata telah dilimpahkan-Nya kepada Brunei sehingga menjadikan bangsa kita

berkerajaan turun-temurun dipimpin oleh Raja-Raja Islam yang memerintah selaku khalifah-khalifah. Menerusi kepimpinan dan pemerintahan beraja Islam itu kita dapat memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Allah dengan menjadi bangsa yang taat beragama, memelihara dan memartabatkan agama, mentauhidkan Allah, yang mana hasilnya ialah kita menikmati keamanan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-29, seorang Raja, negarawan yang berwawasan jauh dan sentiasa mengambil berat serta pemedulian serta sangat kasih kepada seluruh lapisan rakyat serta penduduk di negara ini. Baginda mengembalikan bangsa



baginda dikenali sebagai *working monarch*. Ketokohan baginda juga terlihat dalam bidang sukan, di mana baginda adalah ikon Raja sihat dan menjadi inspirasi kepada golongan muda dan generasi belia masa kini. Baginda menyedari bahawa bersukan itu adalah satu disiplin dan riadah yang boleh membina mental dan fizikal yang kuat. Penglibatan baginda dalam sukan polo, berbasikal, sukan regata menunjukkan baginda mempunyai tahap pemikiran yang amat tinggi, sesuai dengan baginda sebagai seorang Raja yang sangat disegani. Ke arah melahirkan belia yang bertenaga dan bersemangat, kerajaan baginda menyediakan pelbagai kemudahan sukan serta skim penggalak sukan.



dan negara dengan mengisytiharkan Perintah Kemerdekaan yang merupakan satu hadiah yang besar ertinya kepada rakyat di negara ini pada 1 Januari 1984.

Dengan kepimpinan baginda, kemajuan dan pembangunan negara dalam semua aspek pentadbiran, ekonomi, pendidikan, infrastruktur, perumahan, kemasyarakatan, kesihatan, kesejahteraan telah dapat dikecapi seluruh lapisan masyarakat. Penglibatan baginda secara langsung dalam pentadbiran kerajaan menyebabkan

## Keamanan sentiasa terjamin



**K**EAMANAN Negara Brunei Darussalam kian kukuh sejak awal penubuhan Askar Melayu Brunei (AMB) sehinggalah negara mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari 1984 dan dengan pengisytiharan kemerdekaan itu juga ia telah membuka era baharu bagi Negara Brunei Darussalam mengenai penyusunan semula kerajaan dengan penubuhan 10 kementerian termasuk Kementerian Pertahanan yang menandakan permulaan bagi negara ini untuk bertanggungjawab secara langsung dalam menguruskan pertahanan sendiri. Pada 31 Mei 1965, gelaran AMB telah dianugerahkan dengan gelaran Diraja dan dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB) dan sejak 1 Januari 1984, ia diubah gelaran sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Pada 7 September 1986, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,



Oleh:  
Ak Jefferi Pg. Durahman

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil alih jawatan Menteri Pertahanan yang sebelumnya dipegang oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, yang ketika itu dikenali sebagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Di samping profesion ketenteraan ABDB, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) sering sinonim dengan kekuatan semangat, disiplin dan fizikal diri. Kementerian Pertahanan dan ABDB, dan juga PDB merupakan institusi dinamik yang sentiasa mengikut arus peredaran zaman. PDB yang juga merupakan salah satu pasukan keselamatan seperti juga ABDB, turut



memainkan peranannya dalam menjaga keamanan negara. Mula ditubuhkan pada tahun 1906 sehingga kini, PDB begitu aktif dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Selaku Inspektor Jeneral Polis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sering menekankan perihal komitmen orang ramai di dalam memberikan kerjasama kepada PDB di dalam membanteras jenayah dan ini membuktikan betapa baginda begitu mengambil berat perihal keselamatan negara, rakyat dan agama di negara bumi bertuah ini dan untuk mencapai apa yang dimaksudkan ia memerlukan integriti dan etika kepolisian yang cekap.

Kewujudan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan warga ketenteraan

di negara ini, adalah hasil dari kepimpinan yang berwibawa daripada Raja yang kita kasihi. Kita amat bersyukur mempunyai Raja yang prihatin terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat, menghargai segala peranan dan sumbangan yang dihulurkan oleh setiap individu, setiap pegawai kadet dan tentera, malah setiap rakyat baginda.

Baginda sebagai pemimpin negara yang juga memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan, disamping Pemerintah Tertinggi ABDB dan Inspektor Jeneral PDB, kerajaan baginda sentiasa memberikan perhatian pada pemodenan dan mengemaskinikan pasukan-pasukan keselamatan Negara Brunei Darussalam.

## Payung negara sanjungan rakyat



**N**EGARA Brunei Darussalam yang diperintah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang Raja yang adil, saksama dan amat memedulikan kesejahteraan rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berbeza dari gambaran tipikal seorang Raja di dunia. Baginda seorang Raja yang berjiwa rakyat, berdedikasi, berkarisma, bertenaga, gigih dan aktif. Demikian karakter yang menggambarkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sememangnya susur-galur hidup Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat menarik



Oleh:  
**Dayang Hajah Rosidah  
Haji Ismail**

untuk disingkap. Keputeraan baginda pada 15 Julai 1946 seolah-olah suatu rahmat kepada bumi Brunei Darussalam. Aura sebagai seorang pemimpin terserlah sejak baginda masih muda. Sikap baginda yang penuh bertanggungjawab dan bijak mengendalikan urusan pentadbiran negara membolehkan negara kita bergerak maju seiring dengan perubahan teknologi.

Sebagai seorang pemimpin, baginda juga tidak terlepas daripada menggalas tanggungjawab yang diamanahkan kepada baginda. Sungguh teruja sekalian

rakyat apabila Raja yang dikasihi begitu prihatin terhadap masalah dan apa-apa jua kesukaran, kesusahan dan kesulitan yang dialami oleh rakyat baginda. Kesenangan dan kemewahan yang dikecapi oleh baginda tidak pernah melunturkan sikap keperimanusiaan baginda bahkan begitu menebal rasa kasih sayang baginda untuk rakyat dan penduduk di negara ini. Inilah salah satu sikap Raja kitani yang sukar dicari yang tidak akan dapat dibandingkan dengan pemimpin negara lain.

Ketabahan baginda menghadapi cabaran diperkukuhkan dengan latihan ketenteraan, termasuk kursus Pegawai Kadet selama enam bulan di Akademi Tentera Diraja Sandhursts, England, iaitu pada 4 Januari 1966 sehingga tahun 1967. Latihan ketenteraan ini telah menjadikan baginda sebagai seorang yang sangat berdisiplin dalam apa-apa jua perkara. Ketokohan dan kematangan baginda begitu terserlah apatah lagi setelah baginda menaiki takhta menggantikan paduka ayahanda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

#### **JALINAN HUBUNGAN BERSAMA RAKYAT**

Baginda disifatkan sebagai pemerintah yang sangat prihatin terhadap kemakmuran dan keharmonian rakyat jelata. Bahkan bagi merapatkan jurang antara rakyat dan istana, baginda mengambil pendekatan turun ke akar umbi dengan mengerjakan Solat Jumaat di masjid-masjid seluruh negara, turun meninjau kawasan pedalaman yang dilanda banjir besar, melawat mangsa kemalangan dan lain-lain lagi yang mencerminkan sifat seorang pemimpin yang berwibawa. Justeru, jolokan Raja Berjiwa Rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat bertepatan untuk baginda.

Sebagai satu landasan untuk terus

meringankan beban rakyat, baginda juga mengambil inisiatif mewujudkan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) yang dilancarkan pada 14 Rabiulakhir 1413/12 Oktober 1992.

Baginda bertindak proaktif dengan melibatkan diri secara langsung dengan apa-apa jua perkara yang membabitkan projek yaysan tersebut seperti berangkat bercemar duli untuk mengurniakan anak-anak kunci rumah bagi rumah bantuan yaysan. Keberangkatan baginda ini sentiasa ditunggu-tunggu oleh rakyat kerana bagi mereka, baginda adalah tempat mereka berlindung dan juga sebagai pemimpin yang disanjung tinggi.

#### **TRANSFORMASI NEGARA YANG SIGNIFIKAN**

Negara Brunei Darussalam kini dapat berbangga kerana setanding dengan negara-negara yang maju. Ini adalah kerana pembangunan infrastruktur negara telah berjalan dengan jayanya hasil perancangan teratur di bawah pentadbiran baginda dan amat menitikberatkan pembangunan sumber tenaga. Negara Brunei Darussalam meletakkan premium yang tinggi ke atas pengetahuan dan kemahiran. Pendidikan dan latihan adalah penting bagi kemajuan dan pembangunan. Begitu juga dalam bidang pelancongan mempunyai banyak potensi, sebagaimana perbankan dan kewangan Islam, perkhidmatan urus niaga, pengangkutan dan logistik.

Para belia di negara ini disarankan untuk meneroka segala peluang baru, di samping bersiap sedia untuk masa hadapan kerana mereka ini merupakan aset negara yang berharga.

Untuk mencapai matlamat mempelbagaian dan pekerjaan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memulakan



banyak inisiatif melalui pelbagai agensinya. Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei berusaha untuk menarik pelaburan asing di pelbagai kawasan terutama dalam aktiviti hilir minyak dan gas. Projek pembangunan juga giat dijalankan dalam bidang perikanan dan pertanian, di samping sektor perindustrian.

Para belia di negara ini juga berasa teruja dan kagum kerana baginda begitu prihatin kepada mereka tanpa berasa dikebelakangkan. Pucuk kepimpinan yang begitu cemerlang memimpin rakyat dan penduduk negara ini ke arah transformasi yang begitu hebat. Transformasi yang berlaku bukan sahaja dalam satu aspek bahkan meliputi semua semata-mata untuk pembangunan negara menuju ke arah Wawasan 2035.

Apa yang lebih signifikan ialah meningkatnya belia-belia yang berkecimpung dalam bidang perniagaan

seperti cendawan tumbuh. Di sana sini perniagaan secara dalam talian atau *cube* lebih popular sekarang dan sekali gus meningkatkan ekonomi negara.

#### **BERPANDANGAN LUAS MENUJU WAWASAN 2035**

Impian baginda untuk pembangunan negara yang berterusan dan kesejahteraan rakyat akan sentiasa terjamin dizahirkan dalam Wawasan 2035. Satu keberuntungan bagi rakyat dan penduduk negara ini apabila seorang Raja sentiasa memikirkan hal ehwal dan kebajikan rakyatnya. Pelbagai inisiatif dilakukan untuk menjadikan rakyat di negara ini berpendidikan dan berkemahiran, kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang berdaya tahan. Generasi yang akan datang diharap dapat menikmati kehidupan yang sempurna dan setanding dengan negara-negara kuasa besar.

# Keagamaan

## Al-Quran teras keutuhan negara



**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerajaan baginda akan terus melaksanakan serta menerapkan beberapa perubahan mahupun penambahbaikan dalam hal ehwal berkaitan dengan kesejahteraan, keagamaan, ekonomi, undang-undang, pendidikan, kesihatan dan sebagainya demi memastikan keamanan, keselamatan, kemakmuran, keharmonian serta kemajuan rakyat juga penduduk di negara ini sentiasa berterusan terpelihara dengan rahmat serta lindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Kerajaan tidak kendur-kendur memastikan syiar Islam terus megah dan



Oleh:  
**Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar**

bersinar di bumi Brunei Darussalam dengan melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya ialah memartabatkan Al-Quran sebagai pedoman hidup.

Al-Quran adalah warisan berharga, iaitu cahaya Allah yang amat terang. Barang siapa yang tidak memilikinya, iaitu tidak membacanya, maka akan rugilah dia kerana tidak beroleh cahaya tersebut. Allah menyifatkan Al-Quran sebagai cahaya atas cahaya yang diturunkan untuk menjadi suluh dan pedoman kepada manusia. Barang siapa yang mengambil petunjuk daripada Al-Quran, maka merekalah orang



yang mendapat cahaya yang membawa pada keselamatan.

Baginda tidak jemu-jemu untuk menggalakkan supaya semua kita termasuk para pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah pandai membaca Al-Quran bagi memperoleh cahaya yang berkat.

Untuk melahirkan generasi Al-Quran, baginda telah memperkenalkan beberapa skim penggalak berupa elaun bulanan kepada siapa yang diperakui lulus hafalannya oleh Lembaga Tasmī'e, mengikut kategori.

Baginda juga memperkenankan Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur bagi sesiapa yang berjaya memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga akan diberikan hadiah galakan berupa wang tunai serta pemberian elaun sebanyak BND2,000 sebulan sepanjang hayat kepada qari dan qariah penyandang johan dalam Majlis Tilawah Al-Quran

Peringkat Antarabangsa berkenaan.

Baginda pernah bertitah menekankan tradisi Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Dewasa akan diteruskan sehingga benar-benar menjadi budaya turun-temurun, bukan setakat untuk melahirkan qari dan qariah bagi pertandingan-pertandingan semata-mata tetapi mahu melihat semua orang Islam Brunei pandai membaca Al-Quran.

**"Kita memang sedang menuju 'Memperkasakan Kegemilangan Islam', tetapi apa yang kita mahu, bukanlah setakat gemilang di luar, tetapi gemilang meraih keredaan Allah melalui segala amal soleh, termasuk kejayaan kita mendaulatkan undang-undang Allah.**

**Al-Quran bukanlah sebarang perhiasan, tetapi ia adalah perhiasan ketuhanan yang tidak mengenal luntur atau pudar, di mana kehidupan lebih bererti setelah dihiasi oleh Al-Quran."**

## Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah



**N**EGARA Brunei Darusalam telah lama mengamalkan ajaran Islam, iaitu sejak bermulanya pemerintahan kesultanan Brunei lagi. Pada pemerintahan Sultan Brunei Ke-3, iaitu Sultan Sharif Ali, syariat agama Islam di negara ini lebih kuat yang kemudiannya diteruskan pula oleh Sultan-Sultan Brunei selepasnya.

Ketika pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582 - 1592), baginda telah menjalankan hukum Islam yang dikenali sebagai Hukum Kanun Brunei. Namun hukum tersebut hanya digunakan hingga tahun 1906, iaitu ketika di bawah Sistem



Oleh:  
Abdullah Asgar

Residen ketika itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Oktober 2013 telah bertitah mengumumkan Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang berkuat kuasa enam bulan selepasnya secara berfasa.

Baginda bertitah pada Perasmian Majlis Ilmu 2013 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas antara lain





**“Dengan izin Allah juga, Akta Perintah itu mula digazetkan hari ini, 22 haribulan Oktober 2013, dan akan mula berkuat kuasa enam bulan selepasnya secara berfasa. Dengan ini alhamdulillah, pada peringkat ini tanggungjawab kita di hadapan Allah telah pun tertunai.**

**Undang-Undang Allah disyariatkan, bukanlah untuk kepentingan-Nya sendiri. Allah sama sekali tidak mempunyai apa-apa hajat, kerana Dia sendiri adalah Maha Sempurna. Yang berhajat itu ialah kita para hamba, termasuk hajat untuk dapat menikmati keadilan dan kesejahteraan,”** titah baginda.

Lalu kerana hajat kita itulah, titah baginda, Allah Subhanahu Wata’ala pun dengan segala sifat kepemurahan-Nya telah menciptakan undang-undang untuk kita supaya kita menggunakannya bagi tujuan memperoleh keadilan.

Titah baginda lagi, Negara Brunei Darussalam, selaku bumi bertuah tidaklah pernah meminta kebenaran daripada sesiapa untuk memilih Islam sebagai agama rasmi negara.

**“Demikian juga, kita tidak meminta dari mana-mana pihak untuk melaksanakan**

**Undang-Undang Jenayah Syar’iah, demi kerana ia adalah semata-mata hidayat khusus daripada Allah kepada kita. Sesungguhnya hidayat itu adalah bulat menjadi hak Allah,”** titah baginda.

Di samping mengumumkan akta tersebut, sebagai langkah serius mengamalkan ajaran Islam, pada 12 November 2012, baginda juga mengumumkan melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan-jabatan Daerah dan Jabatan Bandaran telah mengeluarkan arahan supaya semua premis perniagaan dan pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi dan sukan, termasuk pawagam dan padang permainan, gerai/tamu, pasar dan gedung-gedung perniagaan di bawah kawalan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan hendaklah ditutup pada hari Jumaat mulai jam 12 tengah hari hingga jam 2 petang.

Dengan berkuat kuasanya peraturan tersebut, ia jelas membuktikan keprihatinan dan kesungguhan baginda untuk merealisasikan Negara Brunei Darussalam benar-benar mewujudkan undang-undang Islam sepertimana yang disyariatkan dalam ajaran agama Islam.

## Melestarikan pembangunan masjid



**P**ADA tanggal 23 Jun 2017, tercatat satu lagi sejarah apabila terbina sebuah masjid baharu yang hanya mengambil masa 49 hari disiapkan sepenuhnya. Masjid yang dikenali Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri yang dibina tapak asal akibat musnah dalam satu kebakaran melalui Projek Julangan Titah itu telah memberikan nafas yang baharu dan keselesaan kepada seluruh penduduk Rancangan Perumahan Kampung Mentiri dan sekitarnya.

Menurut Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika menyampaikan Khutbah Jumaat Khas di masjid itu berkata, menurut Raja, masjid baharu mustahak didirikan untuk menggantikan masjid lama yang telah tiada.

Cara mendirikannya ujarinya, kita tidak boleh tunggu lama-lama, berdasarkan masjid tersebut sudah pun pernah wujud,



Oleh:  
Haji Ahmad Haji Salim

yang menjadikannya berstatus sebagai ‘keperluan harian’ yang mesti ada untuk memenuhi keperluan orang ramai beribadat.

### TABUNG DANA MASJID

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid dengan mengikut kaedah dan peraturan yang diperuntukkan mengenainya bertitah



pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1436 Hijrah/2015 Masihi.

Tabung Dana ini, titah baginda, akan menjadi wadah kekal bagi orang-orang Islam untuk menabung pahala kerana membina masjid. Ia akan berlaku secara konsisten sebagai satu peluang keemasan

bagi orang-orang Islam untuk bertanam saham di akhirat.

#### **PEMBINAAN MASJID**

Menurut catatan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), bahawa sepanjang 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebanyak 124 buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara telah dibina dan diguna pakai dan ada sebahagiannya ditutup bagi menggantikan yang lama. Manakala KHEU merancang akan membina 11 buah masjid di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11, tertakluk pada kedudukan kewangan kerajaan.

Kesimpulan, dapatlah diambil bahawa kerajaan akan sentiasa berusaha untuk memberikan keselesaan, kemudahan kepada rakyat dan penduduk negara ini dalam pembinaan masjid.



## *Keselamatan dan Pertahanan*



# Sektor Pertahanan capai transformasi signifikan



**“LEBIH dari 50 tahun yang lalu, berkat semangat kenegaraan dan pandangan jauh Paduka Ayahanda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, satu pasukan keselamatan telah berjaya direalisasikan dengan penubuhan Askar Melayu Brunei pada 31 Mei 1961. Organisasi yang diasaskan oleh paduka ayahanda ini telah berkembang pesat pada tahun-tahun awal penubuhannya, sekali gus melakar arah tuju dan merintis laluan bagi perkembangan yang telah dikecapi sehingga sekarang.”** Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni



Susunan:  
Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto: Jabatan Penerangan

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sempena Penerbitan Khas Buku Jubli Emas ABDB, 31 Mei 2011.

## SEJARAH RINGKAS KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pengisytiharan Kemerdekaan pada 1 Januari 1984 membuka era baharu bagi Negara Brunei Darussalam yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyampaikan titah mengenai penyusunan semula kerajaan dengan penubuhan 10 kementerian termasuk Kementerian Pertahanan. Penubuhan Kementerian Pertahanan menandakan permulaan bagi Negara Brunei Darussalam untuk bertanggungjawab secara langsung bagi menguruskan pertahanan sendiri, yang sebelum ini di bawah Kerajaan British.

Dengan penubuhan tersebut, jawatan Menteri Pertahanan dipegang oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, yang ketika itu dikenali sebagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



Darussalam. Pada mangkatnya Al-Marhum pada 7 September 1986, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam mengambil alih jawatan Menteri Pertahanan.

Pada penghujung tahun 1986, Kementerian Pertahanan menampilkan transformasi baharu dan moden untuk Negara Brunei Darussalam. Dalam memenuhi keperluan pengurusan pertahanan, Kementerian Pertahanan dipimpin oleh Menteri Pertahanan yang dibantu oleh Timbalan Menteri Pertahanan dan menubuhkan dua bahagian berasingan yang dianggotai oleh staf awam dan staf tentera.

Bahagian staf awam diketuai oleh Setiausaha Tetap, yang bertanggungjawab untuk empat Jabatanarah, iaitu Jabatanarah Kewangan dan Perolehan; Pentadbiran dan Tenaga Manusia; Pembangunan dan Kerja Perkhidmatan; dan Politik dan Organisasi.

Manakala bahagian staf tentera diketuai oleh Pemerintah ABDB yang merupakan penasihat utama pertahanan dan hal-hal operasi ketenteraan kepada Menteri Pertahanan yang juga selaku Pemerintah Tertinggi ABDB. Terdapat lima Jabatanarah di bahagian ini, iaitu Gerakan, Perisikan dan Keselamatan, Keanggotaan, Latihan dan Logistik.





### SEJARAH RINGKAS ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Semasa Pengisytiharan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Sultan Brunei Ke-28 pada 31 Mei 1961, tarikh tersebut juga merupakan detik penting bagi permulaan penubuhan Askar Melayu Brunei.

Pada 31 Mei 1965, gelaran Askar Melayu Brunei telah dianugerahkan dengan gelaran Diraja dan dikenali sebagai 'Askar Melayu Diraja Brunei'. Sejak Hari Kemerdekaan pada 1 Januari 1984, Askar Melayu Diraja Brunei diubah gelaran sebagai ABDB.

Selaras dengan perkembangan semasa, pada 17 September 1991, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bagi penyusunan semula struktur ABDB pada 5 unit utama, iaitu Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Angkatan Perkhidmatan Bantu ABDB (PB ABDB) dan Pusat Latihan ABDB (PL ABDB).

### PERANCANGAN PERTAHANAN

Di bawah tampuk kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pertahanan dan ABDB akan terus maju dan komited dengan peranannya dalam melaksanakan dasar pertahanan, meningkatkan keupayaan pertahanan, meningkatkan diplomasi pertahanan dan menyumbang pada pembangunan negara. Kementerian Pertahanan dan ABDB juga meletakkan penekanan dalam mengekalkan standard disiplin yang tinggi dan nilai-nilai teras seperti ketakwaan, kesetiaan, keberanian dan profesionalisme dalam kalangan anggota-anggotanya. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menuntut agar benteng pertahanan negara dilengkapi dengan keupayaan dan kapasiti angkatan tentera yang mencukupi dan berkesan bagi menjamin *survival* Negara Brunei Darussalam.



Justeru itu, Kementerian Pertahanan akan terus mempertingkatkan semangat padu dan keperwiraan dalam mewujudkan serta membina kapasiti operasi yang efektif dalam mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan sebuah angkatan bersenjata yang bersepadu dan unggul dalam pertahanan.

### DETIK DAN TRAJEKTORI PENCAPAIAN SEKTOR PERTAHANAN

Sejak pelancaran Kertas Putih Pertahanan pertama pada tahun 2004, Kementerian Pertahanan dan ABDB mencapai satu siri mercu tanda transformatif yang signifikan dengan pencapaian-pencapaian dilaksanakan secara lutan bagi memberikan impak positif pada misi, peranan dan tanggungjawab kita dalam mempertahankan negara.

Atas berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pelbagai detik-detik penting perkembangan telah direalisasikan yang merangkumi pembangunan sumber manusia, keupayaan, kerjasama diplomasi pertahanan, penglibatan dalam operasi serantau dan antarabangsa, serta penubuhan beberapa *enablers* pada dukungan operasional.

Dalam mencapai visi untuk melahirkan angkatan tentera yang *robust*, responsif dan cekap dalam penggunaan sumber, sektor pertahanan telah membuat trajektori dan pelaburan keselamatan secara berperingkat dan menyeluruh. Antara pencapaian tersebut termasuk penubuhan Unit Inspektorat (2006), Jabatan Agama

ABDB (2006), Pusat Optima Kecergasan (2007), Markas Angkatan Bersama ABDB (2007), Jabatanarah Pembangunan Keupayaan Tentera (2007) dan Akademi Pertahanan ABDB (2010).

Namun trajektori Kementerian Pertahanan bukanlah terhad secara perkembangan dalaman sahaja malah juga menjurus pada peningkatan dalam diplomasi pertahanan. Ini termasuk menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) dan ADMM-Plus pada tahun 2013 serta buat kali pertamanya menganjur bersama latihan ADMM-Plus Bantuan Kemanusiaan dan Bencana (HADR) dan Perubatan Tentera (MM) pada tahun 2013 serta Latihan Sekuriti Maritim dan Anti-Penggunaan pada tahun 2016.

Manakala Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pertahanan juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)/Perjanjian Pertahanan dengan 18 buah negara sahabat dengan penandatanganan MoU terkini dengan India pada Februari 2016, dengan Rusia pada Mei 2016 dan dengan Singapura pada Ogos 2016. Negara Brunei Darussalam juga membuka Pejabat Atase/Penasihat Pertahanan di sembilan buah negara, iaitu di China, Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, United Kingdom, United States of America dan Viet Nam.



# Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**P**ADA 31 Mei 2006, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah mengurniakan titah sempena Hari Ulang Tahun ABDB Ke-45, yang antara lain menggariskan beberapa inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pertahanan, termasuk penubuhan Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik dan penubuhan sebuah skim biasiswa bagi penuntut-penuntut cemerlang.

Dalam mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035, terutamanya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berjaya, Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah (IPPS-SHHB), mempunyai dua fungsi berasingan, iaitu penyelidikan, dan biasiswa dan latihan.

Dalam bidang penyelidikan, IPPS-SHHB memberikan sumbangan terhadap



Oleh:  
**Kementerian Pertahanan dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Pelita Brunei, Jabatan Penerangan**

perancangan dasar melalui penganalisaan isu-isu berkaitan dengan pertahanan dan perkembangan serantau. Manakala melalui acara-acara seperti East Asia Security Outlook Seminar, Institut ini juga menyediakan platform bagi pegawai-pegawai dan para ilmuwan untuk berbincang dan bertukar pendapat isu-isu pertahanan dan strategik, termasuk persekitaran keselamatan serantau.

Manakala melalui Divisyen Biasiswa dan Latihan, IPPS-SHHB telah diamanahkan untuk mengendalikan dua program di Kementerian Pertahanan, iaitu Program Biasiswa Pemerintah Tertinggi ABDB dan Program Perkembangan Eksekutif (atau 'Executive Development Program'-EDP) bagi pegawai-pegawai kanan.

Skim Biasiswa Kementerian Pertahanan merupakan skim biasiswa pengambilan

(recruitment scholarship), yang mana pelajar-pelajar cemerlang yang berminat untuk menceburkan diri dalam kerjaya pertahanan diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terkemuka dan mengikuti kursus-kursus yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan.

Skim ini berbeza dari kebanyakan biasiswa lain kerana ia merupakan program perkembangan berterusan yang bermula dari awal lagi, sebelum penuntut bertolak ke tempat pengajian masing-masing, sehinggalah mereka menamatkan pengajian.

Pelajar-pelajar penerima biasiswa didedahkan pada kaedah-kaedah berkomunikasi dengan jelas, kepimpinan, dan kerjasama berpasukan agar mereka lebih kompetitif semasa persekolahan dan apabila mereka melangkah ke alam pekerjaan.

Melalui sesi-sesi Kenali Negara Kitani dan kursus adat istiadat, program ini juga diharap dapat memperkuatkan lagi rasa kekitaan atau *sense of belonging* para pelajar sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Manakala lawatan ke unit-unit awam dan tentera akan memberi kefahaman kepada mereka mengenai visi dan misi kementerian dan memberi gambaran terhadap aplikasi ilmu pengetahuan mereka semasa berkhidmat nanti.

Penerima-penerima biasiswa kebanyakannya berprestasi tinggi; ini jelas apabila ada yang menerima pelbagai awards dan grants atau tuition discounts dari universiti masing-masing. Mungkin yang lebih penting adalah kesemua lepasan Skim Biasiswa Kementerian Pertahanan boleh dikatakan mempunyai prestasi tinggi dalam pekerjaan.

IPPS-SHHB juga menganjurkan EDP bagi pegawai-pegawai kanan tentera dan awam. Ia serupa dengan Program

Pembangunan Eksekutif anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam, dan disertai oleh pegawai-pegawai kanan ABDB, pegawai-pegawai kanan dari Perkhidmatan Awam dan dari badan-badan statutori. Kursus ini juga dibukakan ke beberapa negara sahabat bagi mengukuhkan lagi talian pertahanan-pertahanan dengan negara-negara berkenaan. Penyertaan dari pelbagai latar belakang ini membolehkan para peserta untuk berkongsi pengalaman yang luas antara mereka dan bertukar-tukar pendapat terutamanya terhadap kaedah kepimpinan dan pengurusan terbaharu serta penganalisaan, penggubalan dan pelaksanaan dasar awam. Dalam memberi sumbangan pada kementerian atau jabatan yang menghantar pegawainya untuk berkursus, para peserta dikehendaki membuat kajian dan membentuk sebuah kertas kaji selidik yang mengandungi langkah-langkah ke arah perbaikan proses atau mempertingkatkan prestasi sesebuah organisasi.

Langkah-langkah di atas telah dilaksanakan untuk menyumbang kepada generasi pemimpin dan anggota tentera yang dinamik, untuk mendukung visi dan misi kementerian, iaitu melahirkan angkatan tentera yang cekap, responsif dan efisien dalam penggunaan sumber, mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah dan mendukung perlembagaan dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, IPPS-SHHB dan Kementerian Pertahanan akan terus memberi tumpuan ke arah mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 dengan sentiasa membuat perbaikan secara sistematik.



# Ekonomi

## Belia berwawasan penyumbang ekonomi negara



**P**IHAK Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini sedang melipatgandakan usaha untuk melengkapkan para belia dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian untuk menjadikan mereka sebagai belia yang bertanggungjawab dan mempunyai jati diri sebagai individu yang berjasa, berkualiti, berdikari dan mampu menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi bangsa dan negara bagi mencapai Wawasan Negara 2035, sebagaimana yang dihasratkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 pada hari Selasa, 8 Zulkaedah 1438 Hijrah bersamaan 1 Ogos 2017 Masihi: **“Kita tidak mahu para belia itu hanya tahu menghitung hari, tetapi yang kita mahukan ialah belia yang ligat dan giat ‘mengisi’ waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebajikan, bukan membiarkannya**



Oleh:  
Noriah Haji Abdul Hamid

### ***kosong atau berlalu begitu sahaja.”***

Kerajaan baginda secara berterusan meningkatkan pelbagai usaha membina kapasiti belia di negara ini. Program-program pembangunan belia yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terus dikukuhkan kepada aspek-aspek membantu belia untuk mendapat pekerjaan; atau berusaha sendiri. Ke arah itu, peruntukan sebanyak \$1.6 juta disediakan bagi membolehkan PPB mengambil tenaga-tenaga pengajar yang lebih berkemahiran. Sejak dari tahun 2010, seramai 2,101 orang pelatih telah menamatkan kursus di *apprenticeship* pusat berkenaan.



Pusat berkenaan juga telah menyediakan program dalam bidang keusahawanan, seperti pembuatan kek dan pastri, seni kulinari dan bankuet, jahitan dan sulaman dan sebagainya yang telah berjaya melahirkan pelatih-pelatih yang telah berjaya dalam perniagaan dan meraih pelbagai anugerah. Ada juga telah diberikan Micro Grant bagi program pembangunan kemahiran belia daripada Brunei Economic Development Board (BEDB).

Pada tahun 2016 beberapa program telah dilaksanakan, iaitu Darussalam Enterprise (DARE), Akademi Bisnes Perindustrian (IBA) yang telah memberi perkhidmatan kepada 500 usahawan untuk memberikan keupayaan *business skills* dan *financial literacy* kepada peserta-peserta; program startup boothcamp; pelancaran skim pembiayaan mikro kredit; Skim Geran Bersama (co-matching grant); dan

hackaton.

Atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga, dua buah pasar baharu telah dibangunkan, iaitu Pasar Tamu Kianggeh dan Pasar Pelbagai Barangan Gadong di mana seramai 16 pengusaha berkelayakan yang beroperasi di pasar tersebut, telah menerima bantuan kewangan di bawah Skim Mikro Kredit yang dikendalikan oleh DARE.

Melalui Unit Perancangan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan juga secara khusus telah mengenalkan kursus berasaskan Rangka Kemahiran Industri atau Industry Competency Framework (ICF). Semua usaha-usaha ini adalah semata-mata untuk memperkasa belia-belia di negara ini menjadi belia yang berwawasan dan menyumbang kepada ekonomi negara.

## Pelbagaikan ekonomi negara



**P**ERTUMBUHAN ekonomi sesebuah negara sangat penting bagi perkembangan dan kemajuan negara termasuk bagi kesejahteraan para penduduknya selain mengurangkan pergantungan terhadap barang import. Selaku pemimpin negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat menitikberatkan pertumbuhan ekonomi bumi bertuah ini agar Negara Brunei Darussalam mempunyai



Oleh:  
Hezlinawati Haji Abdul Karim

ekonomi yang mantap dan berdaya tahan setanding negara-negara kuasa besar yang memiliki kekukuhan ekonomi. Selain negara tidak seharusnya bergantung kepada hasil minyak dan gas, baginda sering kali bertitah agar negara lebih aktif dalam mempelbagaikan ekonomi serta berusaha untuk menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke negara

ini. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2017:

**“Seperti yang berlaku di mana-mana, kita juga adalah mempelawa pelabur-pelabur langsung asing untuk melabur di negara ini. Pada setakat ini, alhamdulillah, beberapa FDI telah pun mula bertapak di negara ini, manakala pelbagai program dan inisiatif juga ada dirancang dan dilaksanakan bagi membantu golongan peniaga dan pengusaha tempatan, terutama Pengusaha Mikro Kecil dan Sederhana atau MSME. Ini adalah satu harapan, bahawa ekonomi negara sedang dipacu, untuk menjadikannya berdaya tahan,”** titah baginda.

Sementara itu, merujuk laman sesawang Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri menyatakan sebanyak 10 buah syarikat FDI yang beroperasi di negara ini, iaitu Simpor Pharma Sdn. Bhd.; Amann Shipping Group Sdn. Bhd.; CAE Brunei Multipurpose Training Centre Sdn. Bhd.; Gold Coin (B) Sdn. Bhd.; MC Biotech Sdn. Bhd.; Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sdn. Bhd.; SC Tubular Sdn Bhd; SBI Islamic Fund; Golden Corporation Sdn. Bhd. dan Brunei Methanol Company. Manakala beberapa buah syarikat FDI juga melabur di negara ini antaranya Hengyi Industries Sdn. Bhd. di Pulau Muara Besar, Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. dan perniagaan Ammonia dan Urea di Tapak Perindustrian Sungai Liang (SPARK) serta Western Foods & Packaging Sdn. Bhd., di Tapak Perindustrian Serasa.

Dalam sektor perikanan pula, pelabur dari Republik Singapura telah menjalin usaha sama dengan syarikat di negara ini dengan pembinaan bangunan sistem akuakultur bertingkat untuk Projek Ladang Akuakultur Vertikal Atas Tanah. Syarikat KR Apollo Sdn. Bhd. di Tapak Akuakultur Airtawar, Sungai Jambu, Kampung Tungku itu akan memperkenalkan sistem penternakan ikan



yang kompetitif serta menjanjikan pasaran eksport ikan akuakultur dan ikan hiasan, bukan sahaja ke Republik Singapura, malahan juga ke pasaran antarabangsa, termasuk Eropah dan Amerika Syarikat.

Dalam usaha kerajaan mempelbagaikan ekonomi negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menekankan pentingnya penubuhan Jawatankuasa FDI dan Industri Hilliran yang bertanggungjawab melaksanakan reformasi ekonomi negara yang lebih kompetitif bagi menarik pelabur-pelabur asing. Apayang diharapkan dengan kemasukan para pelabur dan pelaksanaan projek-projek dari syarikat-syarikat FDI itu bukan hanya akan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara malahan juga akan menjana peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan sekali gus dapat mencapai Wawasan Negara 2035.

## Transformasi menjana kemajuan ekonomi negara

SIRI I

### PENGENALAN

**A**LHAMDULILLAH di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan, banyak pencapaian yang telah dilaksanakan termasuklah sektor pengangkutan darat.

### SEJARAH AWAL DAN PERKEMBANGAN PRASARANA

Singkatan sejarah: 'Registrar of Vehicles' (Pendaftaran Kenderaan) adalah dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) yang mula ditubuhkan di Bandar Seri Begawan pada 1 Januari 1962, berpindah di KM 5 Jalan Gadong pada 1969 dan pada 25 Julai 1996 berpindah ke bangunanibupejabatnyayangkekalhingga sekarang, di KM 6 Beribi, Jalan Gadong, Daerah Brunei dan Muara. Perpindahan ini adalah kerana berkembangnya fungsi dan tanggungjawab JPD yang meliputi antaranya industri pengangkutan awam dan komersial.

Selain mempunyai cawangan di setiap



Oleh:  
Jabatan Pengangkutan Darat,  
Kementerian Perhubungan dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan.



daerah di negara ini, JPD juga mempunyai Kompleks Latihan dan Ujian Memandu (Litar), di atas tapak tanah berkeluasan kira-kira 6 hektar di Kampung Sungai Akar, Daerah Brunei dan Muara. Majlis Peletakan Batu Asas disempurnakan pada 16 Ogos 2006. Beroperasinya Kompleks Latihan dan Ujian Memandu (Litar) JPD Sungai Akar menandakan pencapaian penting di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan kawasan latihan dan ujian memandu yang kondusif, lengkap dan moden. Kompleks tersebut berfungsi sebagai tempat pengajaran ilmu pemanduan secara langsung dengan lebih berkesan, sempurna dan teratur, yang sebelumnya dibuat di JPD Cawangan Brunei dan Muara.

### PERKEMBANGAN PRODUK FORMAT LESEN MEMANDU BAHARU



Selaras dengan perkembangan masa dan kecanggihan teknologi, pada 1 Mei 2013, Lesen Memandu jenis PVC untuk menggantikan Lesen Memandu kertas diperkenalkan. Format Lesen Memandu baharu memaparkan gambar pemilik Lesen Memandu. Ia juga memberi pilihan kepada orang ramai untuk membaharui Lesen Memandu Kelas 1 dan 3 sama ada bagi tempoh Satu (1) Tahun (dengan bayaran BND10); Tiga (3) Tahun (bayaran BND30); Lima (5) Tahun (BND50) atau Sepuluh (10) Tahun (BND100).

#### FORMAT LESEN KENDERAAN BAHARU

Pada 1 Mei 2013, Lesen Kenderaan jenis pelekat plastik dan berbentuk segi empat tepat menggantikan Lesen Kenderaan Lama diperbuat daripada kertas dan berbentuk bulat. Reka bentuk Lesen Kenderaan baharu ini memaparkan nombor siri pengeluarannya yang sedia dicetak oleh pembuat.



#### PENGENALAN BUKU PENDAFTARAN KENDERAAN

Buku Pendaftaran Kenderaan (Vehicle Registration Book) memudahkan orang ramai kerana saiznya yang lebih kecil, mudah disimpan, ruang muka surat lebih banyak untuk pengisian maklumat yang dikemas kini setiap tahun. Maklumat senang dicetak tanpa perlu menulis menggunakan tangan atau mesin taip seperti yang masih dibuat terhadap Kad Pendaftaran Kenderaan (Bluecard).

#### SISTEM PENGANGKUTAN DARAT (SPD)

Pengenalan Lesen Memandu jenis PVC, Lesen Kenderaan jenis plastik (kini dipertingkatkan lagi kualitinya menggunakan jenis kertas yang lebih tahan lama dan tidak ada isu pudar) dan Buku Pendaftaran Kenderaan adalah hasil dari Projek Sistem Pengangkutan Darat (SPD) yang bermula pada tahun 2006 dengan jumlah kewangan kira-kira Lapan (8) Juta Ringgit diperuntukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Projek SPD adalah satu pencapaian ketara dilaksanakan oleh JPD bertujuan untuk melancarkan proses membaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan untuk orang ramai, dan juga merealisasikan visi Kementerian Perhubungan 'Ke Arah



Masyarakat Canggih dan Kecemerlangan Perhubungan bagi Memperkasakan Daya Saing Negara'.

#### PLAT PENDAFTARAN KENDERAAN BAHARU

Diperkenalkan pada tahun 2009 berpandukan fon, saiz, jarak serta warna nombor dan plat adalah berpandukan akta dan peraturan ditetapkan. Format baharu ini diperbuat daripada Emboss Aluminium untuk menggantikan plat pendaftaran kenderaan lama yang diperbuat daripada plastik.

#### TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

Dari segi memanfaatkan dan memaksimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66 Tahun pada 25 Syaaban 1433H bersamaan 15 Julai 2012M:

**"Ini tidak syak lagi akan membawa kepada kemajuan internet yang lebih berkualiti yang mampu dimiliki oleh orang ramai. Pada waktu yang sama, kemajuan perkhidmatan ini juga akan turut mengangkat daya saing negara bagi menarik pelaburan asing."**

#### PERKHIDMATAN ONLINE

Perkhidmatan Atas Talian (Online) diperkenalkan pada Januari 2015, merupakan perkembangan positif diraih kerana perkhidmatan online ini memberi pilihan kepada orang ramai berurusan selain melalui kaunter-kaunter biasa untuk

membaharui Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan. Dalam merealisasikan hasrat ini, orang ramai hanya perlu hadir ke JPD sekali sahaja untuk membaharui Lesen Memandu atau Lesen Kenderaan mereka. Pada tahun berikutnya mereka bolehlah membaharui lesen-lesen ini dari rumah dan di mana-mana sahaja melalui sistem atas talian dengan menggunakan kemudahan bagi pembayaran menggunakan Kad Kredit, Kad Debit ataupun masih boleh secara tunai di Kaunter Online JPD pada hari-hari yang ditetapkan. Perkhidmatan ini juga memberi pilihan kepada orang ramai untuk lesen-lesen mereka itu dihantar terus ke alamat yang dinyatakan menggunakan Khidmat Pos Laju dengan kadar bayaran yang berpatutan.

#### PERKHIDMATAN PESANAN RINGKAS JPD (JPD PUSH SMS)

Dalam usaha berterusan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan JPD melalui penggunaan kemudahan Teknologi Info-Komunikasi, perkhidmatan Pesanan Ringkas JPD diperkenalkan pada 24 Februari 2015 sebagai kaedah *reaching out to the public*. Ia bertujuan untuk memberi peringatan awal kepada orang ramai mengenai status Lesen Kenderaan dan Lesen Memandu mereka satu bulan sebelum tarikh mansuh.



# Transformasi menjana kemajuan ekonomi negara

## SIRI II

### SISTEM KESELAMATAN AMALAN PEMANDU (SiKAP)

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah mengenai kes-kes kemalangan jalan raya yang meningkat semasa Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-66 Tahun pada 25 Syaaban 1433H bersamaan 15 Julai 2012M:

**"Kematian bukan saja kerana penyakit, tetapi juga turut berlaku akibat kemalangan jalan raya. Ini juga amat membimbangkan, kerana bilangannya terus meningkat. Orang ramai biasanya sangat berhajat kepada jalan raya yang berkualiti, tetapi ramai yang tidak mengendahkan harapan kerajaan untuk melihat, supaya semua pengguna jalan raya juga mesilah berkualiti. Walau**



Oleh:  
Jabatan Pengangkutan Darat,  
Kementerian Perhubungan dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan.

**macam manapun, setakat ini, beta turut berpuas hati dengan pengenalan sistem demerit, yang dianggap berpotensi tinggi bagi usaha-usaha penggunaan jalan raya yang lebih berhemah dan selamat."**

Pengenalan SiKAP merupakan usaha dalam mengukuhkan *regulatory framework* melalui pengemaskinian undang-undang dan peraturan. SiKAP dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2013, selepas program ini dibuat secara rintis selama 16 bulan, mulai dari Mei 2012 hingga Jun 2013. SiKAP diaktifkan dengan penggunaan mata demerit yang akan diberikan kepada pemandu yang didapati melanggar peraturan lalu lintas dan jalan raya yang boleh membawa kepada penggantungan atau pembatalan Lesen Memandu tertakluk kepada berat kesalahan yang dilakukan. Ini adalah usaha



kerajaan untuk mengadakan langkah-langkah pembaikan (*corrective measure*) dan sebagai dorongan kepada pemandu supaya mengamalkan sikap pemanduan yang lebih berhemah dan berhati-hari semasa berada di jalan raya.

### APLIKASI MUDAH ALIH SISTEM KESELAMATAN AMALAN PEMANDU (SiKAP MOBILE APPS)

Aplikasi Mudah Alih SiKAP yang juga dilancarkan pada 24 Februari 2015 memfokuskan penggunaan kemudahan Teknologi Info-Komunikasi (ICT) untuk memudahkan cara urusan orang ramai i) mengetahui maklumat peribadi termasuk nombor telefon bimbit yang digunakan untuk perkhidmatan JPD Push-SMS; dan ii) mencari dan mengetahui mata demerit yang berkaitan jika ada.

### KESELAMATAN JALAN RAYA GIAT DIPERTINGKATKAN

Mengenai usaha meningkatkan keselamatan jalan raya dan kepatuhan orang ramai terhadap undang-undang dan peraturan lalu lintas jalan raya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul

Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan dalam titah baginda Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-28 pada 23 Februari 2012:

**"Turut menjadi aspek penting pencegahan ialah memastikan keadaan jalan-jalan raya utama, supaya benar-benar memenuhi keperluan piawaian keselamatan bertaraf tinggi. Kesemua langkah-langkah pencegahan ini hanya akan mendatangkan hasil yang berkesan apabila ia benar-benar dibudayakan, melalui promosi dan penguatkuasaan yang konsisten."**

Sehubungan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui JPD bersama Pasukan Polis Diraja Brunei berperanan penting dalam menguat kuasa dan memastikan akta dan peraturan lalu lintas jalan raya dipatuhi, ini termasuklah menjalankan sekatan jalan raya. JPD juga tidak kendur-kendur menjalankan tanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran kepada masyarakat amnya, dan para pengguna jalan raya khususnya termasuklah dengan mengadakan jerayawara dan pembarigaan melalui media massa mengenai keselamatan jalan raya.

### PENGUATKUASAAN ATURAN-ATURAN LALULINTAS JALAN RAYA (KOMPOSISI KESALAHAN), 2016

Penguatkuasaan Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Komposisi Kesalahan), 2016, adalah salah satu lagi usaha ke arah mengukuhkan dan pengemaskinian undang-undang dan peraturan. Dengan penguatkuasaan tersebut, perubahan



tatacara pengendalian kesalahan-kesalahan yang melanggar Akta dan Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Road Traffic Act and Rules) khususnya yang disenaraikan di bawah Aturan-Aturan Lalulintas Jalan Raya (Komposisi Kesalahan) 2016, yang mana kesalahan-kesalahan yang melanggar peraturan-peraturan tersebut tidak lagi dibawa ke Mahkamah dan kini menjadi kesalahan yang boleh dikompaun atau *compoundable offences*. Perubahan terkini dalam *regulatory framework* bertujuan untuk memudah cara dan mengurangkan kes-kes saman yang dibawa ke Mahkamah, selaras dengan inisiatif *Ease of Doing Business - Alternatives to Court* yang melibatkan beberapa agensi kerajaan di bawah Jawatankuasa Penggubalan dan Meneliti Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Akta Lalulintas Jalan Raya, Penggal 68 yang ahlinya terdiri dari Kementerian Perhubungan, JPD (selaku Pengerusi), Polis Diraja Brunei, Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya dan dipantau oleh pihak Jabatan Perdana Menteri.

Usaha-usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan raya yang sudah dan akan terus dilaksanakan semata-mata untuk

melindungi dan menjaga keselamatan masyarakat yang secara tidak langsung membantu meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Strategi-strategi tersebut menjurus kepada mencapai matlamat kedua dan ketiga Wawasan Brunei 2035, iaitu meningkatkan kualiti hidup rakyat dan mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, serta sebagai memudah cara perkhidmatan pengangkutan manusia dan barangan.

#### **KELAYAKAN PEMERIKSAAN KENDERAAN STESEN PEMERIKSAAN KENDERAAN**

Pada 24 September 2016, merupakan satu lagi pencapaian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana sebelas (11) buah bengkel kenderaan yang bertaraf kelas 'A' telah dilantik menjadi Stesen Pemeriksaan Kenderaan atau *Vehicle Inspection Station* (VIS). VIS-VIS ini diberikan kebenaran untuk menjalankan perkhidmatan pemeriksaan terhadap kenderaan-kenderaan persendirian berumur 7 tahun dan ke atas serta kenderaan komersial. Ini adalah

satu lagi langkah peralihan perkhidmatan semata-mata memberi pilihan kepada orang ramai untuk membuat pemeriksaan kenderaan selain di Pusat Pemeriksaan Kenderaan di semua cawangan JPD di seluruh negara dengan kadar bayaran yang sama.

#### **USAHA-USAHA KE ARAH SISTEM PENGANGKUTAN AWAM YANG BERKAIT HUBUNG (WELL CONNECTED) DAN BOLEH DIPERCAYA (RELIABLE)**

Dalam Perkembangan Sistem Pengangkutan Awam, beberapa inisiatif telah dibuat dan yang akan dilaksanakan termasuklah:

#### **PERKHIDMATAN BAS FRANCAIS BRUNEI MUARA**

Dalam tahun 1995 Perkhidmatan Bas Francais Brunei Muara ditubuhkan dan mulanya dikenali sebagai 'Bus Purple'.

#### **BAS FRANCAIS BERTUKAR IMEJ**

Pada 29 Ogos 2013 'Bus Purple' bertukar imej dengan memperkenalkan enam (6) warna baharu: 1) *Cyan Blue* bagi Laluan Keliling 2) *Green* bagi Laluan Utara 3) *Brown* bagi Laluan Tengah 4) *Royal Blue* bagi Laluan Timur 5) *Grey* bagi Laluan Selatan, dan 6) *Magenta* bagi Laluan Barat dan laluan-laluan bas awam yang telah dikemas kini. Ini adalah usaha-usaha awal menuju ke arah sistem pengangkutan awam yang efisien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan keutamaan

mempertingkatkan perkhidmatan dan prasarana pengangkutan awam sebagaimana titah baginda Sempena Menyambut Tahun Baharu Masihi 2014:

**"Bagi jangka panjang, kerajaan juga adalah dalam proses menyediakan pelan induk pengangkutan yang memfokus, antaralain, kepadarangkaian perkhidmatan pengangkutan bersepadu yang efisien, selamat dan bersih dengan memberikan pilihan pergerakan yang luas dan lancar kepada semua. Ini termasuklah pembinaan jalan dan jambatan-jambatan untuk menghubungkan Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong dan pembinaan jambatan penghubung menyeberangi Sungai Brunei dari Kampung Sungai Kebun ke Jalan Residency, Daerah Brunei Muara. Di samping itu, kerajaan juga giat untuk mempertingkatkan Sistem Pengangkutan Awam di negara ini bagi memenuhi keperluan orang ramai."**

#### **BAS LANTAI RENDAH**

Ini terbukti dengan pencapaian bila mana dalam tahun 2015, empat buah perkhidmatan bas baharu jenis Lantai Rendah (Low Floor Bus) diperkenalkan yang mengambil kira keperluan penumpang-penumpang terdiri daripada warga emas dan orang-orang berkeperluan khas. Dengan adanya bas-bas Lantai Rendah tersebut, Kementerian Perhubungan dan JPD bersama dengan pengusaha-pengusaha bas berharap dapat menyediakan jenis pengangkutan awam yang sesuai untuk semua golongan masyarakat di negara ini. Pada masa ini, terdapat lapan buah jenis bas ini beroperasi di Daerah Brunei Muara sebagai tambahan kepada bas-bas yang sedia ada.

#### **TEKSI BERMETER DAN SISTEM MUDAH ALIH 'DART'**



Tarikh 23 September 2016, menandakan pencapaian terkini dalam pengangkutan awam khususnya perkhidmatan teksi. Kementerian Perhubungan melalui JPD telah memperkenalkan Sistem Teksi Bermeter Negara Brunei Darussalam. Melalui sistem bermeter tersebut, semua teksi di negara ini dibekalkan dengan meter bertujuan untuk memastikan penumpang membayar kadar perjalanan yang selaras dan dikawal selia.

Sistem Teksi Bermeter ini mempunyai imej baharu dengan plat tanda pengenalan berwarna hitam dan Papan Tanda Teksi mudah alih, kad pengenalan pemandu perlu dipamerkan dalam kenderaan dan nombor aduan untuk kegunaan penumpang membuat aduan perilaku pemandu teksi diletakkan di dalam dan luar kenderaan teksi. Pencapaian ini merupakan inisiatif ke arah mewujudkan sistem pengangkutan awam yang dikawal selia dan efisien.

Satu lagi mercu transformasi sistem pengangkutan teksi ini, tempahan teksi melalui sistem mudah alih yang dipanggil 'DART' telah dilancarkan pada 5 Mei 2017. DART adalah satu landasan yang menggunakan teknologi ICT bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan teksi dari hujung jari dan dengan mudah pada bila-bila masa.

### **PROJEK PENINGKATAN SISTEM PENGANGKUTAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Di bawah projek transformasi bas awam yang sedang giat dilaksana, laluan-laluan rangkaian bas seluruh negara telah dikemas kini dari 29 kepada 42 laluan utama dengan purata *connectivity* antara 70 peratus bertujuan untuk meningkatkan mobiliti dan produktiviti orang ramai, menjana pertumbuhan industri dan dari itu ekonomi negara serta menyumbang ke arah

pengurangan kemiskinan, pengangguran dan merapatkan jurang sosial.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perhubungan dan JPD akan terus melaksanakan projek-projek menaik taraf sistem dan infrastruktur pengangkutan awam di Negara Brunei Darussalam menjadikannya sistem yang dikawal selia, cekap, berhubung kait (connected), selamat dan boleh diharap. Segala usaha yang diungkayahkan adalah juga mendukung Strategi Teras Ketiga (Core Strategy 3) Pelan Strategik Kementerian Perhubungan 2008 - 2017 iaitu Pembangunan Infrastruktur untuk meningkatkan perhubungan melalui pengangkutan awam.

Alhamdulillah segala pencapaian yang diraih adalah berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang Raja yang bijaksana dan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan negara ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Perhubungan dan JPD akan terus berusaha melaksana projek dan pendekatan baharu yang sesuai dengan keperluan dan peredaran masa serta penggunaan teknologi komunikasi maklumat bertujuan untuk mencapai strategi-strategi utama JPD, iaitu menambahbaikan mutu perkhidmatan jabatan untuk orang ramai; meningkatkan tahap keselamatan jalan raya; menaik taraf sistem dan infrastruktur pengangkutan awam; serta menjana pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

# **Kemajuan dan perkembangan industri pelabuhan**

## **PENGENALAN**

**A**LHAMDULILLAH, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan, banyak pencapaian yang signifikan dalam pembangunan dan perkembangan Pelabuhan Muara.

Pelabuhan Muara merupakan salah satu penyumbang utama perekonomian negara. Pelabuhan Muara adalah laluan masuk utama komoditi barangan import dan eksport. Hampir 90 peratus komoditi perdagangan negara menggunakan pengangkutan maritim. Pelabuhan Muara adalah infrastruktur penghubung penting bagi kemudahan dalam aktiviti perniagaan terutama peniaga-peniaga dan pengguna-pengguna lain. Manakala di peringkat hubungan antarabangsa jalinan rangkaian dengan pelabuhan utama antarabangsa amatlah penting bagi mengekalkan perkhidmatan perkapalan agar dapat berdaya tahan bagi mengukuhkan



Oleh:  
**Jabatan Pelabuhan, Kementerian Perhubungan dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan**

ekonomi dan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Pelabuhan Muara akan sentiasa meneroka peluang untuk menambah jalinan pelabuhan (connectivity), rangkaian dan perkhidmatan perkapalan dengan syarikat perkapalan dan pelabuhan antarabangsa. Ini dapat dicapai dengan bantuan Syarikat Muara Port Company (MPC) usaha sama dengan Darussalam Assets (D.A) dan Syarikat Amann Shipping serta Syarikat Perkapalan Utama yang lainnya.

Dari segi perdagangan serantau, mengikut United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UN ESCAP), 40 peratus dari eksport dan import global adalah dari rantau Asia Pasifik. Manakala berdasarkan kepada United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), 70 peratus dari





dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sepenuhnya dan mula mengenalkan Akta Pelabuhan penggal 144 dalam pengendalian yang berhubung kait dengan aktiviti pelabuhan sepenuhnya.

Salah satu fungsi utama Pelabuhan Muara adalah pintu masuk utama bagi kargo-kargo/kontena import dan eksport bagi Negara Brunei Darussalam. Sebagai pintu utama perdagangan negara, Pelabuhan Muara mengendalikan kargo/kontena import dan eksport di mana kedudukan Pelabuhan Muara yang strategik dapat menghubungkan perkapalan dan pelabuhan di rantau BIMP-EAGA dan antarabangsa.

Pelabuhan Muara yang telah dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang moden kini bersedia dan komited untuk memberikan perkhidmatan pelabuhan dan perkapalan dengan lebih berdaya saing dan efisien.

#### KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN

Sejak tahun 1984 hingga 1994, Jabatan Pelabuhan telah banyak membina fasiliti dan infrastruktur asas seperti terminal kontena, pembaikan dermaga, gudang-gudang transit dan pembelian pelbagai peralatan pengendalian kontena.

Pada tahun 1984, dalam usaha untuk menubuhkan jalinan serantau, Jabatan Pelabuhan menyertai sebagai ahli rasmi Persatuan Pihak Berkuasa Pelabuhan ASEAN (ASEAN Port Authorities Association). Tujuan kemasukan menjadi ahli ini adalah untuk mendapatkan kemahiran dan pengetahuan, pembelajaran dan pertukaran maklumat pelabuhan, Jabatan Pelabuhan boleh menerima pakai amalan terbaik dalam pengurusan pelabuhan dan operasi yang ada di rantau ini.

Dalam memperbaiki sistem pengendalian dan perkhidmatan, Jabatan Pelabuhan

juga memperkenalkan tarif baru dalam kutipan hasil bagi semua pembayaran perkhidmatan yang dikendalikan.

Selaras dengan perkembangan masa, bangunan Ibu Pejabat Jabatan Pelabuhan dibina dan telah siap sepenuhnya pada tahun 1991. Dengan siapnya bangunan ini telah pun memberikan satu ruang kepada pegawai dan kakitangan jabatan dalam usaha untuk memantapkan sistem pengurusan dan perancangan bagi kemajuan industri Pelabuhan Muara.

Sejajar dengan pembangunan tersebut, pada tahun yang sama pembinaan tambahan gudang penyimpan untuk jangka panjang seluas 72,000 kaki persegi daripada dua blok gudang telah siap dibina. Pada tahun 1995, sebuah gudang tambahan seluas 12,000 kaki persegi telah dibina.

Dalam usaha memanfaatkan peluang-peluang yang ada dengan mengambil berat terhadap kedudukan Pelabuhan Muara yang strategik, aktiviti pungkah edar telah pun mula diperkenalkan pada 27 Mac 1994. Perkara ini dibuat dalam usaha Jabatan Pelabuhan untuk menjadikan Pelabuhan Muara sebagai pelabuhan *hub* bagi aktiviti Pungkah edar khususnya di rantau BIMP-EAGA.

Sehubungan dengan itu, Jabatan



Pelabuhan telah membuat pelancaran bagi Zon Eksport Muara (MEZ) pada 16 Mei 1994 bagi memperluaskan lagi aktiviti termasuk aktiviti pungkah edar kargo secara langsung, penyatuan kargo, pembungkusan semula dan perkhidmatan nilai tambah yang bertujuan untuk pengeksportan. Salah satu objektif dalam usaha ini juga adalah untuk menggalakkan dan membangunkan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat perdagangan di rantau ini.

Pada bulan Julai 1997, dermaga khas kontena sepanjang 250 meter telah siap dibina yang kini dikenali sebagai Terminal Kontena Muara. Terminal kontena ini dibina adalah bagi menampung pertambahan kontena yang sampai ke Pelabuhan Muara dan dalam penyediaan kemudahan yang lebih bersesuaian dan perkhidmatan yang lebih efisien.

Pada 28 Oktober 2000, perkhidmatan Terminal Kontena Muara telah pun diswastakan, yang mana sebuah perjanjian di antara Jabatan Pelabuhan dengan PSA Muara Container Terminal Sdn. Bhd telah pun ditandatangani dan dilaksanakan bagi mengambil alih pengurusan, operasi dan pembangunan Terminal Kontena sebagai sebahagian daripada strategi jabatan untuk menjadikan Pelabuhan Muara sebagai pelabuhan *hub* bagi aktiviti pungkah edar di rantau BIMP-EAGA.

Manakala satu perjanjian lagi telah pun ditandatangani di antara Jabatan Pelabuhan dengan pihak dari Negara Filipina pada 26 April 2005 bagi penyelarasan tarif untuk kapal-kapal yang beroperasi dibawah program BIMP-EAGA. Perjanjian ini bertujuan untuk menggalakkan pelayaran langsung antara rantau kawasan Filipina dan Pelabuhan Muara.


Pada tahun berikutnya, Pusat Kapal Persiaran iaitu sebuah bangunan persinggahan bagi pelancong-pelancong kapal persiaran di Pelabuhan Muara juga

nilai perdagangan dunia adalah dibawa melalui laut dan di merata dunia.

#### SEJARAH AWAL PELABUHAN

Pada tahun 1973, Pelabuhan Muara untuk julung kalinya digunakan sebagai pelabuhan komersial dan dikendalikan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan mula ditubuhkan pada tahun 1971.

Pada tahun 1986 Jabatan Pelabuhan mengambil alih pengurusan dan operasi





telah siap dibina pada bulan Jun 2006. Bangunan ini dibina bagi menyediakan kemudahan di samping memberikan kawalan dan keselamatan kepada pelancong-pelancong kapal persiaran yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Sebuah lagi kemudahan pelancongan



telah pun mula dibina pada tahun 2006 yang terletak di Serasa yang kini dikenali sebagai Terminal Feri Serasa yang menghubungkan di antara Negara Brunei Darussalam dan Negara Malaysia melalui Serasa dan Labuan, Sabah. Kemudahan ini disediakan khas bagi pelancong-pelancong yang melalui jalan laut dengan menggunakan feri penumpang dan feri kenderaan.

Pada tahun 2009, satu projek Private Public Sector Participation (PPP) di bawah inisiatif-inisiatif strategik selaras dengan 6 teras Kementerian Perhubungan, satu perjanjian kontrak bersama International Terminal Container Services, Inc (ICTSI) telah pun ditandatangani pada 21 Mei 2009 bagi pengambilalihan operasi dan juga pemeliharaan di Terminal Kontena Muara.

Sementara pada tahun 2010, Dermaga dan Jeti Penumpang Bangar Temburong telah siap dibina. Kemudahan yang lebih selesa dan teratur disediakan kepada

orang ramai yang menaiki bot-bot laju dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Temburong.

Pada 21 Februari 2017, Pelabuhan Muara juga telah melantik Syarikat Muara Port Company (MPC) Sdn Bhd, sebuah syarikat kerjasama di antara Darussalam Assets (DA) Sdn Bhd dan Beibu Gulf (HK) Ltd. Syarikat MPC mengambil alih keseluruhan operasi Terminal Kontena Muara. Dalam mendukung objektif Ease of Doing Business (EODB), Syarikat MPC bersedia untuk membuat pelaburan yang perlu bagi meningkatkan efisiensi Terminal Kontena Muara. Pelaburan ini juga dapat membantu perkembangan industri logistik dan pembuatan (manufacturing), yang mana bukan saja dapat meningkatkan jumlah kargo eksport bahkan dalam masa yang panjang dapat mengurangkan keseluruhan kos logistik.

#### **MENGGIATKAN INDUSTRI PELABUHAN DAN SEKTOR PENGANGKUTAN**

Negara Brunei Darussalam ialah sebuah negara dikelilingi laut yang mempunyai banyak sumber semula jadi marin dan pelbagai infrastruktur yang baik untuk industri maritim, industri yang menyumbang besar untuk perkembangan ekonomi negara. Aktiviti perkapalan, operasi pelabuhan, pembinaan dan baik pulih kapal, pencarian serta pengeluaran minyak dan gas, pengangkutan dan penghantaran dan pergudangan dapat mendukung sistem logistik yang cekap.

Perkhidmatan logistik di negara ini telah berkembang dengan pesatnya. Ini adalah berpunca dari meningkatnya aktiviti perekonomian negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan juga diramalkan akan meningkat di masa akan datang.

Berdasarkan maklumat yang direkodkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), jumlah import dan eksport negara bagi tahun

2015 adalah sebanyak BND13 bilion, iaitu hampir 90 peratus barangan tersebut didatangkan menggunakan kapal laut. Perkara ini amatlah jelas bahawa industri perkapalan dan pelabuhan memainkan peranan penting bagi perdagangan dan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat antarabangsa amnya dan masyarakat di negara ini khususnya.

Memandangkan industri pelabuhan dan perkapalan adalah sektor yang sangat penting kepada kepentingan negara dan dinamik, adalah wajar usaha lebih giat diambil untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat ejen perkapalan tempatan. Apatah lagi pada masa ini kita mengalami persekitaran perniagaan yang sangat mencabar dan persaingan dengan pelabuhan negara jiran untuk mendapatkan akses kargo.

#### **HALA TUJU**

Untuk memantapkan lagi sistem pengurusan dan pentadbiran pelabuhan, satu warkah perkenan bagi penubuhan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam telah diterima pada 2 Oktober 2010, yang mana salinan asal (Signature Copy) telah pun ditandatangani oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 13 Februari 2017. Di samping itu juga, warkah perkenan bagi Pengkorporatan Jabatan Pelabuhan diterima 1 Ogos 2012.

Penubuhan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan dijangka akan dilaksanakan pada bulan September 2017. Ini adalah salah satu mercu tanda dan catatan sejarah dalam industri logistik khususnya Jabatan Pelabuhan di negara ini yang mana akan sentiasa berusaha untuk membuat perancangan dan pertumbuhan dalam menyumbang ke arah kestabilan dan peningkatan ekonomi negara.

# Kesejahteraan

## Wadah pemedulian untuk rakyat



**D**ENGAN wawasan untuk menjadi sebuah organisasi yang berdaya tahan, berprestasi tinggi dan terkenal dalam memberikan sumbangan dan bantuan kewangan kepada rakyat yang memerlukan, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) telah ditubuhkan pada tahun 1992 Masihi, iaitu atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejak ditubuhkan, YSHHB adalah wadah yang amat bermakna untuk pemedulian, terutama kepada rakyat baginda yang kurang berkemampuan dan memerlukan untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka, di samping sebagai lambang kecemerlangan sosiobudaya dan



Oleh:  
Hajah Zabaidah Haji Salat

perkhidmatan masyarakat di negara ini.

### WAWASAN DAN MISI

Untuk merealisasikan wawasan dan misinya, YSHHB terus memberikan perkhidmatan dan menjalankan urusan dengan cekap, berkesan dan penuh dedikasi kepada semua pihak antaranya dalam menguruskan amal jariah baginda dan ahli keluarga baginda secara profesional dan cekap supaya menjadi sumber pembayaran yang berterusan bagi masa hadapan sejajar dengan prinsip 'Melayu Islam Beraja'.

la bersesuaian dengan tujuan utama YSHHB ditubuhkan, iaitu memfokuskan lima



bidang utama, iaitu agama, kebajikan, pendidikan, pembangunan dan kewangan. Dalam bidang agama YSHHB telah dan akan terus menghulurkan bantuan kewangan atau biasiswa agama untuk tujuan pendidikan agama kepada rakyat baginda.

Dalam bidang kebajikan YSHHB menumpukan kepada usaha bagi mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup serta mempertingkatkan pembangunan sosiobudaya dan sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara ini. Antaranya bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan kecemasan dan serta-merta seperti mangsa bencana alam seperti banjir, angin kencang, tanah susur dan kebakaran. Di samping bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa bencana di luar negara.

YSHHB juga telah memberikan bantuan perubatan dan rawatan kepada pesakit yang tidak berkelayakan di bawah skim bantuan perubatan kerajaan.

Manakala dalam bidang pendidikan pula, YSHHB juga memberikan dermasiswa kepada penuntut-penuntut yang

memerlukan bantuan dari segi bayaran yuran sekolah, buku, alat projek, pakaian seragam sekolah, kenderaan, yuran peperiksaan dan elaun tunjangan, juga termasuk bantuan kewangan bagi penuntut meneruskan pengajian ke peringkat tinggi.

Dalam bidang pembangunan pula, YSHHB telah mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan pembangunan infrastruktur dan menyediakan perkhidmatan kepada golongan sasarannya.

#### KESIMPULAN

Penubuhan YSHHB terbukti menjadi lambang dan wadah pemeduliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama kerabat diraja baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini. Apa yang penting sempena dengan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Menaiki Takhta ini, kita selaku rakyat dan penduduk negara ini wajib taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap majlis baginda, Raja yang kita sayangi dan mendoakan baginda dikurniakan kesejahteraan, kesihatan dan dilanjutkan usia kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

## Kesejahteraan rakyat terjamin



**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan pemimpin yang sentiasa berbuat baik kepada rakyatnya.

Kasih dan kemurahan hati baginda sebagai seorang pemimpin dapat dirasai oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini. Kebajikan rakyat sentiasa terjaga melalui pendidikan percuma malahan dengan penyediaan kelengkapan kemudahan sekolah yang sangat baik dan selesai walaupun di kawasan luar bandar; perkhidmatan kesihatan yang percuma dan penyediaan pusat-pusat kesihatan di kampung-kampung bagi memudahkan orang ramai mendapat perkhidmatan yang terbaik; memberikan perumahan yang berkualiti bagi Skim Perumahan Kerajaan.



Oleh:  
Nor Hanizah Haji Abd Halim

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda kepada orang yang memerlukan. Malahan bagi menzahirkan kesyukuran baginda atas nikmat yang diberikan dan sebagai tanda pemeduliaan dan kasih baginda kepada rakyat, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai amal jariah ataupun derma khairat baginda dan kerabat diraja yang lain, dengan faedahnya dapat dinikmati bersama rakyat dan penduduk.

Baginda juga memperlihatkan sifat baginda sebagai seorang Raja yang



berjiwa rakyat dengan menghadiri pelbagai acara atau majlis keraian yang meliputi majlis keagamaan, konvokesyen institusi-institusi pengajian tinggi, majlis ramah mesra ke daerah-daerah, penyerahan anak kunci kepada para penerima bagi Skim Perumahan Kerajaan dan sebagainya. Selain itu apabila menjelangnya Hari Raya Aidilfitri, Istana Nurul Iman akan dibukakan bagi kunjungan orang ramai. Istana terbuka ini menjadi peluang keemasan bagi rakyat jelata untuk bersua muka dengan Raja yang disayangi dan setiap tahun jumlah pengunjung meningkat.

Sifat pemedulian dan keprihatinan baginda juga dapat dilihat apabila baginda sendiri turun padang melawat kampung-kampung yang ditimpa musibah, seperti kampung-kampung pedalaman di Daerah Tutong yang dilanda banjir pada tahun 2014, Kebawah Duli Yang Maha Mulla meninjau kawasan-kawasan yang terjejas teruk. Melalui lawatan tersebut, baginda melihat dengan lebih dekat mengenai keberkesanan, usaha-usaha dan



tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya kerajaan yang berkenaan dalam menangani masalah serta bantuan-bantuan yang diperlukan.

Sepanjang 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kewibawaan baginda ke arah satu pemerintahan yang berjaya membawa keamanan, keselamatan, kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mempamerkan kualiti pemerintahan yang sangat dikagumi.

## Perumahan rakyat diutamakan



**P**ADA tahun ini, 5 Oktober 2017, maka genaplah 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak ditabalkan menjadi Sultan Brunei Ke-29 pada 5 Oktober 1967.

Tempoh 50 tahun pemerintahan bukanlah satu jangka masa yang pendek. Sejak baginda menaiki takhta pada tahun 1967, negara ini telah mengalami perubahan pembangunan yang pesat hasil usaha baginda dalam menaikkan taraf kehidupan rakyat termasuk dalam menyediakan tempat kediaman bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk demi kesejahteraan hidup bernegara dan bermasyarakat.

Sebagai ketua negara dan ketua kerajaan, baginda meletakkan



Oleh:  
**Hajah Siti Muslihat Haji Salleh**

kesejahteraan rakyat paling atas dalam agenda pembangunan negara dengan terus gigih, lutan, bekerja keras tanpa mengenal erti penat lelah dan sentiasa bertekad membawa bumi Darussalam ini ke mercu kejayaan dan kegemilangan dalam segenap bidang.

Pengorbanan serta sumbangan baginda memerintah negara sepanjang lima dekad telah melalui banyak perkembangan dan pembangunan dan antara yang menjadi tumpuan dan perhatian utama baginda ialah kemajuan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang kesemuanya menitikberatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk Brunei serta isi di dalamnya.



Antara pencapaian yang terselrah di bawah RKN tersebut ialah penyediaan tempat tinggal, iaitu perumahan yang diagihkan kepada setiap warganegara yang berkelayakan dan tidak mempunyai tanah.

Di bawah Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan usaha baginda untuk membuka perkampungan-perkampungan baharu di kawasan-kawasan yang tertentu di keempat-empat daerah kini telah terlaksana, iaitu sebagai langkah baginda untuk membahagikan keramaian penduduk negara ini supaya tidak terkumpul di satu tempat sahaja, di samping memastikan penggunaan kawasan-kawasan utama (prime-area) dengan cara yang betul dan teratur. Pembangunan perumahan ini juga tidak terkecuali untuk dapat dinikmati oleh penduduk yang tinggal di Kampong Ayer.

Inilah keunikan baginda yang jarang terdapat dalam kalangan pemimpin dunia yang sering menitikberatkan kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat yang mencakupi pelbagai bidang termasuk ekonomi, pendidikan, kesihatan, perhubungan, keagamaan, teknologi maklumat dan kemasyarakatan.

Begitu banyak jasa baginda yang telah dicurahkan demi kesejahteraan rakyatnya dan kita selaku rakyat tidak akan mampu membalas kesemua jasa tersebut.

Oleh itu, marilah kita terus berusaha untuk menjadi manusia yang sentiasa taat dan patuh kepada Allah, rasul-rasul-Nya dan Ullil Amri dan seterusnya berdoa semoga Allah melanjutkan usia baginda dan akan kekal karar memerintah negara ini dengan adil dan saksama di bawah lindungan dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

## Ke arah rancangan perumahan negara yang mampan

**P**ENYEDIAAN perumahan negara di bawah Skim Perumahan Negara merupakan salah satu agenda pembangunan yang sentiasa menjadi perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah dalam usaha bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam tempoh 50 tahun di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sehingga sekarang kita telah melihat banyak perubahan dalam pelbagai aspek pembangunan dan sekali gus memberikan kesejahteraan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini selaras dengan satu daripada hasrat negara dalam Wawasan Negara 2035 ke arah memastikan kehidupan rakyat yang berkualiti, di mana rakyat berhak untuk mendapatkan tempat kediaman



Oleh:  
**Jabatan Kemajuan Perumahan,  
 Kementerian Pembangunan dengan  
 kerjasama Meja Kandungan Khas,  
 Bahagian Pelita Brunei,  
 Jabatan Penerangan**

yang kondusif sesuai dengan suasana dan persekitaran semasa.

Di bawah RKN10 2012-2017, Skim Perumahan Negara akan terus dilaksanakan ke arah menyediakan perumahan yang mencukupi untuk memenuhi permintaan perumahan yang meningkat dari setahun ke setahun. Pada Tahun Kewangan 2017/2018 di bawah Rancangan Kemajuan Negara, sejumlah \$34.5 juta telah diperuntukkan khusus bagi penyediaan perumahan yang mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Pelaksanaan Skim Perumahan Negara





melalui Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) sejak tahun 1970 sehingga kini telah berjaya menyediakan lebih 28 ribu unit di seluruh negara. 18,840 unit bagi Daerah Brunei dan Muara, 6,585 unit di Daerah Belait, 2,979 dibina di Daerah Tutong dan 635 unit di Daerah Temburong.

Manakala sejumlah 28,216 unit telah diperuntukkan bagi pemohon yang berkelayakan. Daripada jumlah berkenaan 26,240 orang pemohon telah menerima kunci rumah dan 1,976 orang pula dianugerahkan lot tanah.

Aspek perancangan merupakan aspek terpenting dalam penyediaan perumahan yang mampan. Oleh itu, Kementerian Pembangunan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Kumpulan Fokus Perumahan atau *Housing Focus Group* bagi memastikan perancangan perumahan di negara ini dapat dilaksanakan dalam usaha mempercepat pembinaan rumah, di samping memberikan penekanan kepada

pembinaan yang berdaya tahan dan optima dari segi penggunaan tanah, kos dan pemberian subsidi kerajaan, selain mengambil kira keupayaan pemilik untuk membayar perumahan yang diterima.

Kumpulan ini melibatkan beberapa kementerian dan jabatan yang sama-sama mengimbangkan isu-isu perumahan yang berkaitan dengannya dan terpenting secara holistik dan komprehensif serta membuat cadangan-cadangan tertentu bukan sahaja menumpukan pada Rancangan Perumahan Negara tetapi secara meluas lagi. Cabaran utama yang dihadapi oleh RPN adalah daya tahanan atau *sustainability* kerana kadar subsidi yang sangat tinggi, ketidakmampuan penerima membayar balik yang menjadikan tunggakan semakin meningkat dan sumber tanah yang terhad untuk meneruskan RPN secara berkepadatan rendah atau *low density*.

Sementara itu, kumpulan ini juga giat dalam usaha bagi penggubalan Dasar Perumahan Negara termasuk meneliti jenis



skim-skim perumahan, kaedah pelaksanaan dan pembiayaan program perumahan. Model pembiayaan (*financing models*) bagi pembinaan juga pengurusan kawasan perumahan, termasuk kaedah *Public-Private Partnership* (PPP) mungkin lebih sesuai bagi memastikan Skim Perumahan Negara ini akan berdaya tahan.

Dalam menangani jumlah permohonan yang semakin meningkat dari semasa ke semasa, ditambah lagi dengan keluasan negara yang agak terhad, matlamat kerajaan untuk membangunkan perumahan yang mampan di masa hadapan adalah langkah bijak dalam perancangan jangka masa panjang. Perancangan tersebut termasuk membangunkan rumah jenis *high density* pada masa ini dalam pelaksanaan sebagai projek perintis. Perbezaan reka bentuk perumahan negara juga dapat dilihat menurut kesesuaian, keperluan dan

cita rasa pemohon.

Manakalaitu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan juga telah mengenal pasti beberapa kawasan yang berpotensi untuk dimajukan melalui kaedah PPP bagi perumahan am berserta dengan penyediaan kawasan komersial, bagi Daerah Brunei dan Muara di kawasan RPN Lugu 2, RPN Meragang, RPN Serasa dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Katok. Manakala dua kawasan di Daerah Belait, iaitu RPN Panaga dan RPN Lorong Tengah.

Komitmen kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat tidak hanya pada aspek pembinaan perumahan sahaja, malah kerajaan juga mengambil berat mengenai aspek inovasi dalam Industri Perumahan Negara, di mana pihak kerajaan sentiasa menggalakkan penerokaan teknologi baharu dalam menyediakan perumahan yang mesra alam (*Bangunan Hijau*) dan penjimatan tenaga.

Bagi memastikan pematuhan pada syarat dan peraturan bagi mengikuti Skim Perumahan Negara pula, Kementerian Pembangunan bersama agensi-agensi kerajaan lain yang berkepentingan akan terus meningkatkan tindakan penguatkuasaan untuk menangani pelanggaran syarat dan peraturan di dalam kawasan RPN yang dimaksudkan.

Usaha bagi merealisasikan tujuan utama Skim Perumahan Negara ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak sama ada melibatkan agensi kerajaan mahupun swasta. Pelbagai isu berkaitan dengan Skim Perumahan Negara mempunyai hubung kaitnya dengan pelbagai agensi. Sehubungan itu, adalah menjadi harapan Kementerian Pembangunan agar semua pihak yang terlibat dapat menyumbangkan usaha dalam memastikan agenda pembangunan perumahan di negara ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

# Hubungan antarabangsa kukuh



Oleh:  
Mohammad Rainie Haji Durani

**A**LHAMDULILLAH, tanggal 5 Oktober genaplah lima dekad tempoh pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas takhta. Di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulla, rakyat dan penduduk di negara ini telah mengecapi suasana keamanan, kesejahteraan, ketenteraman dan keharmonian, di samping pembangunan dan kemajuan dari aspek keagamaan, pendidikan, kesihatan, perhubungan dan kemasyarakatan sentiasa menjadi

*Antarabangsa*





perhatian baginda.

Di samping itu, hubungan diplomatik dengan negara-negara luar dan sahabat juga dipergiatkan agar memperluaskan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang demi kemajuan, pembangunan negara serta untuk peningkatan tahap kehidupan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Dalam tempoh 50 tahun baginda menerajui negara, Negara Brunei Darussalam turut menganggotai pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa antaranya pada 21 September 1984, negara telah menjadi ahli Ke-159 dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Negara-Negara Komanwel pada bulan Januari 1984, Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada 7 Januari 1984, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada 14 Januari 1984, Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada 29 Ogos 1992 dan sebagainya.

Sepanjang pemerintahan, baginda telah berjaya menjalin hubungan diplomatik dengan 170 buah negara dan mempunyai sebanyak 43 perwakilan di

negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan serantau mahupun peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, bagi mengekalkan hubungan kerjasama, negara melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan terus bekerjasama rapat dengan agensi-agensi lain dalam menyelaraskan dasar perdagangan dua hala, serantau dan antarabangsa.

Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, baginda banyak menyumbang buah fikiran yang bernas dalam menangani isu-isu dihadapi di peringkat serantau mahupun antarabangsa bagi mempertahankan keamanan dan kestabilan dan pembangunan ekonomi di rantau Asia Pasifik misalnya yang berkaitan dengan perubahan iklim, ancaman penganas, pengurusan bencana, penyakit pandemik, krisis ekonomi dan sebagainya.

Semoga dengan kepimpinan baginda, negara akan sentiasa dalam kesejahteraan dan mewujudkan sebuah negara bangsa yang diberkati sebagai Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur. Amin Ya Rabbal Alamin! Daulat Kebawah Duli Tuan Patik!

## Raja sanjungan dunia

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berjaya menghubungkan negara dengan dunia menerusi hubungan pelbagai hala dan juga dua hala sepertimana yang ditekankan oleh baginda sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-70 tahun,

**"Di peringkat antarabangsa, negara kita akan terus bekerjasama dengan rakan-rakan serantau dan antarabangsa dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan**



Oleh:  
Nur Amalia Alisha @Ermalia Daud



**lain-lain kepentingan melalui rangkaian-rangkaian pemangkin serantau dan antarabangsa."**

Negara juga bergiat aktif sebagai anggota-anggota pertubuhan antarabangsa, seperti ASEAN, Komanwel, OIC, United Nation, NAM, Group of 77 and China (G77) dan New Asian-Africa Strategic Partnership (NAASP), di samping persidangan antarabangsa seperti Sidang Kemuncak Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Sesi Dialog Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (ABAC), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan juga menyertai Forum Demokrasi Bali (BDF). Namun begitu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberi sokongan kuat terhadap ASEAN. Kebijakan baginda memerintah negara bukan sahaja mendapat pujian dan sanjungan daripada rakyat dan penduduk negara ini tetapi juga mendapat pujian dan ristaan antarabangsa, sehinggakan negara yang kecil ini digalati dan disegani.

## Negara terus melakar sejarah di arena global

**K**EWIBAWAAN dan kebijaksanaan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meletakkan negara dan rakyat setaraf dengan negara-negara antarabangsa.

Sepanjang 50 tahun pemerintahan baginda, Negara Brunei Darussalam telah melakar pelbagai sejarah yang amat bermakna. Pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam telah mengambil alih semula kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Dalam titah pemasyhuran kemerdekaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia antara lain menggariskan hala tuju Negara Brunei Darussalam termasuk dasar negara dengan dunia antarabangsa.

Sebagai seorang pemimpin yang berwawasan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat prihatin dengan kesejahteraan rakyat, ketenteraman sejagat, isu kemanusiaan dan perkembangan ekonomi setempat dan global.

Baginda telah berusaha bagi memastikan kepimpinan baginda bukan sahaja tertumpu dalam negara, malah juga memainkan peranan yang aktif dalam dunia antarabangsa. Sebaik saja Negara Brunei Darussalam mencapai semula kemerdekaan pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam telah melakar beberapa sejarah penting untuk sama-sama aktif dalam perkembangan global.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada beberapa buah pertubuhan antarabangsa dengan menjalin hubungan melalui hubungan dua hala, pertubuhan peringkat serantau dan antarabangsa antaranya menganggotai



Oleh:  
Bolhassan Haji Abu Bakar

Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) seminggu selepas pemasyhuran kemerdekaan.

Pada 21 September 1984 Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli Ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dalam titah baginda di PBB antara lain menjelaskan kedudukan Negara Brunei Darussalam kepada dunia antarabangsa.

**"Kami benar-benar percaya dalam mengekalkan keamanan dunia melalui**

**usaha keselamatan secara kolektif. Kami menyokong aktiviti promosi pembangunan ekonomi melalui bantuan bersama. Kami tetap menegakkan prinsip bahawa setiap negara berhak menubuhkan kerajaan mereka tanpa campur tangan dari luar dan mengambil perhatian keadaan semasa dan hasrat rakyat negara berkenaan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat mereka."**

Selain itu negara juga aktif berperanan dalam memajukan ekonomi dan sosial di peringkat serantau wilayah iaitu Kawasan Pertumbuhan Asia Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) yang ditubuhkan pada tahun 1994.

Negara juga ahli kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang ditubuhkan pada tahun 1989 dan menjadi tuan rumah dan mempengerusikan Mesyuarat APEC pada tahun 2000.

Selain itu, negara juga adalah ahli

Komanwel Ke-49, yang mana pertubuhan itu telah memberikan ruang dan peluang yang luas untuk Negara Brunei Darussalam melaksana dan mempromosikan objektif-objektif dasar luar negara dalam forum pelbagai hala.

Dalam pada itu Negara Brunei Darussalam juga telah menjadi ahli kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 1 Januari 1995, iaitu satu-satunya organisasi antarabangsa yang mengendalikan peraturan perdagangan global di kalangan negara. Negara Brunei Darussalam menjadi ahli perintis WTO sejak penubuhannya pada 1 Januari 1995.

Dengan penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, setentunya mencerminkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap keamanan dan keharmonian masyarakat sejagat.



# Pendidikan

## Pendidikan agama teras kehidupan

**S**EBAGAI sebuah negara Islam yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat menitikberatkan pendidikan agama dalam segenap segi kehidupan masyarakat Islam di negara ini.

Dalam usaha melahirkan negara dan bangsa yang berpegang teguh pada ajaran Islam berlandaskan Mazhab Syafii, pendidikan agama mula diberikan kepada kanak-kanak sejak mereka berada di peringkat pra sekolah hinggalah ke universiti.

Sehubungan itu, ke arah usaha agar semua kanak-kanak menerima pendidikan asas Islam dari kecil, satu undang-undang khas telah digubal yang dikenali sebagai Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah mengumumkan penggubalan undang-undang tersebut semasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-22 bagi Tahun 1433 Hijrah/2012 Masihi, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

***"Dengan berjalannya undang-undang ini, insyaaAllah, tidaklah akan ada lagi kanak-kanak Islam di negara ini yang akan tercicir dari memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam. Tidak akan ada lagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Quran,"***

Melalui Akta Pendidikan Wajib ini, antara lain bertujuan memastikan kanak-kanak berumur di antara 6 dan 15 tahun di negara ini menerima pendidikan rendah dan menengah sama ada di sekolah kerajaan ataupun swasta secara berdaftar rasmi serta menerima pendidikan yang bersesuaian di



Oleh:  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang  
Sulaiman

sekolah.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menyediakan prasarana pendidikan Islam yang teratur di bawah kerjasama antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Pendidikan di mana sehingga kini, lebih 140 buah sekolah agama didirikan dengan tujuh buah Sekolah Arab di seluruh daerah.

Pendidikan Islam di negara ini juga diperkembangkan lagi dengan tertubuhnya institusi-institusi pengajian di peringkat yang lebih tinggi antaranya Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah,



Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Ma'had Islam Brunei, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.



## Lahirkan graduan berkualiti tinggi

**K**EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah seorang pemimpin yang sangat prihatin terhadap kualiti para graduan yang dikeluarkan oleh universiti. Hal ini jelas terbayang sebelum tertubuhnya Universiti Brunei Darussalam (UBD) lagi sepertimana titah baginda semasa Majlis Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran pada 14 Ogos 1976.

**"Untuk menjayakan rancangan kemajuan ini kerajaan beta benar-benar berkehendakkan tenaga-tenaga yang berkualiti yang mempunyai pengetahuan yang tinggi serta berpengalaman yang luas, di samping mempunyai sifat-sifat kejujuran dan kesetiaan kepada Negeri Brunei Darussalam. Untuk mencapai matlamat yang dimaksudkan, maka kerajaan beta akan menyiasat kemungkinan mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran tertinggi dalam Negeri Brunei dengan mendapatkan pandangan serta**



Oleh:  
Universiti Brunei Darussalam dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan

***nasihat dari pakar-pakar badan pengajian tertinggi di United Kingdom seperti London Universiti..."***

Hal ini juga memperlihatkan wawasan baginda, lebih-lebih lagi setelah Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari 1984 dengan kewujudan UBD pada 28 Oktober 1985 yang diharapkan dapat melahirkan sumber tenaga manusia berkualiti yang diperlukan bagi mengisi kemerdekaan tersebut. Penubuhan UBD sebagai sebuah universiti pertama di Negara Brunei Darussalam adalah salah satu perkembangan penting dalam dunia pendidikan semasa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana ia dapat memberikan rakyat dan penduduk Brunei lebih banyak peluang dan kesempatan untuk mengikuti pengajian tinggi, dan dalam masa yang sama kerajaan berpeluang memperolehi sumber



tenaga manusia daripada rakyat baginda sendiri yang berilmu pengetahuan tinggi dan berkualiti, yang setentunya boleh menyumbang pada pembangunan dan kemajuan negara di masa hadapan.

Selaku Canselor UBD, keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga terlihat apabila baginda kerap menekankan tentang kepentingan dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dalam titah-titah baginda dalam Majlis Konvokesyen UBD sejak konvokesyen yang pertama 1989 sehingga 2016. Antaranya, baginda bertitah bahawa para graduan UBD, bukan sahaja perlu meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik, tetapi juga dalam bidang kokurikulum dan keagamaan. Baginda berharap para graduan mempunyai kualiti yang tidak kurang nilainya dengan kualiti para graduan universiti luar negara.

Menurut baginda, antara usaha yang perlu dilakukan mahasiswa bagi mencapai kualiti yang diharapkan, mereka mestilah mempunyai sikap interaksi dan sentiasa ingin bersaing secara sihat dengan para pelajar luar negeri, bersifat terbuka dan sentiasa mengejar kecemerlangan. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan supaya para graduan UBD mempunyai kemampuan untuk meraih pencapaian pada tahap yang lebih tinggi terutama dari segi ilmu dan kemampuan berfikir, serta berkebolehan dalam menghadapi cabaran global.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berpendapat bahawa kegiatan akademik sahaja belum cukup untuk melahirkan para graduan yang benar-benar berkualiti jika diri mereka tidak terisi dengan sifat takwa dan berkeperibadian mulia. Menurut baginda, UBD mestilah menyerap *Islamic input* ke dalam program-program akademik, kursus-kursus dan latihan-latihan yang dikendalikan. Semua aktiviti yang dijalankan di universiti mestilah mempunyai nilai-nilai keagamaan dengan menjadikan



Al-Quran sebagai dasar dan panduan dalam kehidupan. Keprihatinan baginda dalam hal ini, jelas tergambar apabila baginda telah memperkenankan penubuhan Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang kemudian ditukar namanya menjadi Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien atau Sultan Omar 'Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies di UBD dengan menawarkan program-program lepasan ijazah dan penyelidikan mengikut perspektif Islam. Hal ini memperlihatkan sikap dan pemikiran baginda yang didasari keinginan untuk memartabatkan syiar dan pendidikan agama Islam di Negara Brunei Darussalam.

Bagi melahirkan graduan yang berkualiti seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, UBD telah melaksanakan beberapa langkah yang dinamik mengikut keperluan dan kesesuaian semasa bagi melahirkan graduan yang berkualiti seperti mempertingkatkan kaedah pengajaran dengan menggunakan teknik semasa yang relevan; memperluas dan mengukuhkan aktiviti penyelidikan; menyerap *Islamic input* ke dalam kurikulum dan kokurikulum.

Ke arah ini, UBD memperkenalkan program GenNext yang dapat memberikan kebebasan mahasiswa untuk mengikuti

program dan modul berdasarkan minat dan kecenderungan. UBD juga mengadakan program kembar dengan universiti-universiti ternama, menghantar mahasiswa mengikuti 'The Junior Year Abroad Programme' yang sejak 2009 ditingkatkan menjadi 'Tahun penemuan' atau *Discovery Year*. Di bawah program ini, lebih ramai pelajar tahun ketiga yang berkelayakan dihantar ke luar negara bagi mengikuti *study abroad* di universiti-universiti ternama luar negara seperti ke King's College London, United Kingdom, Gangeung-Wonju National University (GWNU) Korea, University of Manchester, United Kingdom, New York University, Karolinska Institute Stockholm Sweden, Queen's University of Belfast Ireland, University of Groningen Netherland dan lain-lain.

Program ini banyak memberikan pendedahan dan pengalaman yang berguna dalam usaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti tinggi. Di bawah program seumpama ini, UBD mampu

melahirkan graduan yang berkepimpinan, daya fikir keusahawanan dan berdaya saing, serta masyarakat berwawasan dibentuk dengan agama, tamadun dan ilmu yang tinggi.

Bagi meningkatkan lagi penghasilan graduan yang bermutu dan berkualiti, UBD juga aktif membuat jalinan Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding) dengan beberapa buah universiti ternama di United Kingdom, Amerika Syarikat, China, Republik Korea, Jepun, Rusia, Netherlands, Egypt, Jerman dan lain-lain; mempertingkatkan kapasiti pensyarah-pensyarah luar negeri yang berkualiti tinggi, menawarkan program-program yang sentiasa relevan dengan kehendak dan kepentingan negara serta melantik penilai dan pemeriksa luar bagi memastikan penilaian program dan kursus yang mencapai dan bersesuaian dengan piawaian/standard antarabangsa; meningkatkan kemudahan infrastruktur dan mewujudkan suasana kampus yang



kondusif; memperbanyak koleksi perpustakaan dengan sumber rujukan yang lengkap.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berperanan memperkembangkan evolusi akademik, UBD secara aktif di dalam pelbagai kerjasama dan penyelidikan yang bersifat inovatif melibatkan cendekiawan-cendekiawan terkemuka juga penyelidik-penyelidik. UBD memupuk budaya penyelidikan yang proaktif melalui kerjasama dalam kalangan pelajar, ahli akademik dan saintis antarabangsa yang bertujuan untuk memperkembangkan pengetahuan dan inovasi, perkongsian industri dan pengkomersialan penciptaan-penciptaan hasil universiti. Dalam memupuk minda dan kemahiran keusahawanan, UBD juga membekalkan pelajarannya dalam pelbagai program keusahawanan dan bahkan juga menggalakan pelajar-pelajarnya ikut serta dalam persidangan yang berkaitan tentang keusahawanan. Ini merupakan langkah UBD untuk menjadi institusi khazanah ilmu yang mampu melahirkan graduan yang berjiwa kental dan berkebolehan mengharungi arus perubahan zaman.

Kini, UBD telah mencapai ke satu tahap kualiti graduan yang diharapkan, dan akan terus mengukir kemajuan yang relevan dari masa ke masa. Sehingga tahun 2016, UBD telah mengeluarkan seramai 100 Doktor Falsafah dalam berbagai bidang yang kebanyakannya mahasiswa dari luar negara, 2992 sarjana dan 12,287 sarjana muda. Graduan yang telah dikeluarkan kebanyakannya telah berjaya menceburi pelbagai bidang kerjaya dan ada di antara mereka diberikan kepercayaan menjawat jawatan-jawatan penting dan tertinggi.

Langkah UBD dalam mempertingkatkan lagi kualiti para graduan jelas tergambar apabila tercatatnya Universiti Brunei Darussalam dalam Asian QS University Ranking pada Mei 2014, iaitu UBD telah

mencapai kedudukan 50 teratas Universiti-Universiti di Asia dalam lima daripada sembilan kategori yang telah dinilai. Secara keseluruhan, UBD telah berada dalam ranking 171 daripada kedudukan sebelumnya iaitu 2500-3400. Pada tahun 2015 dan 2016 kedudukan UBD bertambah baik apabila Asian QS University Ranking telah meletakkan secara keseluruhan UBD dalam kedudukan 125 teratas. Malah pada tahun 2016, UBD berjaya mencapai kedudukan 20 teratas di dalam lima kategori yang telah dinilai, berbanding tahun-tahun sebelumnya. Setentunya pencapaian cemerlang ini terhasil dengan keiltizaman UBD untuk menjadi sebagai Universiti terbaik yang mampu melahirkan graduan yang berkualiti dan ini sebenarnya didorong oleh keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa memberikan sokongan dan tidak kendur-kendurnya menekankan kepentingan graduan yang berkualiti tinggi bagi masa depan negara. Sebagaimana titah baginda semasa Majlis Konvokesyen Ke-28 UBD:

**“Adalah perlu bagi UBD dan institusi-institusi pengajian tinggi lain, untuk memastikan program-program mereka sentiasa relevan dan berkualiti, bagi pengeluaran para graduan yang marketable dan future ready.”**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sangat mengambil berat akan penghasilan graduan yang *marketable* dan *future ready*. Bahkan, baginda menasihatkan untuk menghasilkan graduan sedemikian, ia bergantung kepada institusi tinggi seperti UBD dalam menyediakan program-program yang sentiasa relevan dan berkualiti. Dalam hal ini, UBD yang sentiasa menjadi paksi utama pengetahuan dan pendidikan bagi negara, akan terus berusaha menyemai dan menyalurkan pengetahuan yang relevan bagi memupuk graduan yang berkualiti.

## APB kaji aspek kehidupan Brunei

### PENDAHULUAN

**A**KADEMI Pengajian Brunei (APB) merupakan salah sebuah fakulti Universiti Brunei Darussalam yang menawarkan pengajaran multidisiplin Program Sarjana Muda yang menawarkan kursus berasaskan penyelidikan dalam pelbagai bidang seperti Sejarah, Budaya, Politik, Ekonomi dan Hubungan Antarabangsa yang memfokuskan pada kehidupan di Negara Brunei Darussalam.

Sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda yang Ke-44 Tahun, di Daerah Tutong pada 23 Zulhijjah 1410 bersamaan 17 Julai 1990, di mana baginda bertitah:

**“... Beta telah juga memperkenankan penubuhan Akademi Pengajian Brunei di Universiti Brunei Darussalam. Akademi ini akan menjalankan pengajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan**



Oleh:  
**Mahirah Haji Mohd. Raduan**  
Penempatan Mahasiswi UBD di Meja  
Kandungan Khas, Bahagian Pelita  
Brunei, Jabatan Penerangan

**semua aspek kehidupan Negara Brunei Darussalam.**

**Usaha mencapai objektif-objektifnya adalah diharapkan jabatan-jabatan seperti Pusat Sejarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Dakwah Islamiah, Adat Istiadat Negara dan lain-lain agensi akan dapat berkerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam dalam bidang yang bermanfaat ini.**

**Dengan cara ini, beta yakin pengajian dan penyelidikan tentang kehidupan Negara Brunei Darussalam yang pengajian dan pengkajiannya belum begitu luas dan mendalam itu akan dapat digerakkan dengan menggunakan sumber-sumber yang begitu lumayan terutama sekali dari segi sumber-sumber tradisi dan sejarah yang sedia diketahui oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang arif.**

**Beta seterusnya percaya akademi ini insyaaAllah akan dapat menyempurnakan tugas-tugasnya dengan baik memandangkan kepada terdapatnya beberapa pakar**







**dalam berbagai bidang di Universiti Brunei Darussalam yang boleh berganding bahu dengan cerdas pandai tempatan dalam bidang yang berkenaan ini.”**

### **PENUBUHAN AKADEMI PENGAJIAN BRUNEI**

Pada awal penubuhannya, Akademi Pengajian Brunei selaku Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja memfokuskan bidang tugasnya pada penyebaran Melayu Islam Beraja melalui pelbagai pendekatan seperti seminar dan bengkel yang dijalankan di seluruh negara. Ketika itu APB juga menawarkan kursus-kursus minor. Adapun, visi APB, iaitu ‘Sebuah pusat akademik kecemerlangan yang mengetuai dunia dalam penciptaan dan penyebaran pengetahuan yang berkaitan dengan semua aspek kehidupan di Negara Brunei Darussalam’. Sementara misi APB ialah ‘Untuk mencapai reputasi global sebagai pusat akademik kecemerlangan dalam Pengajian Brunei’.

### **PERKEMBANGAN**

Sejak tahun 1991, APB menawarkan kursus Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai kursus wajib di Universiti Brunei Darussalam. Para mahasiswa dan mahasiswi diperlukan untuk lulus sebelum mereka boleh dikurniakan sijil atau ijazah.

APB mula menawarkan program Sarjana Muda major dalam Pengajian Brunei pada tahun 1997. Kursus-kursus yang ditawarkan memfokuskan pengkajian tentang Negara Brunei Darussalam seperti Kesultanan Brunei, Masyarakat dan Budaya, Adat Istiadat, Persanakan, Industri Tradisi, Institusi-Institusi Islam, Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Pentadbiran Undang-Undang Islam, Warisan Budaya Kampong Ayer, Budaya Material dan Etnisiti untuk menandai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

agar APB dapat melaksanakan pengajian dan penyelidikan tentang kehidupan Negara Brunei Darussalam secara holistik serta meluas dan mendalam.

Pada tahun 2009, selaras dengan program GenNext yang diperkenalkan, beberapa modul baharu telah diwujudkan untuk memberikan pendedahan yang lebih luas tentang pengajian Brunei seperti Dasar Luar Brunei, Isu-Isu Pembangunan, Organisasi Bukan Kerajaan dan Politik Brunei. Akademi Pengajian Brunei juga telah mengambil alih modul Pengenalan pada Brunei Darussalam yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa. Modul ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Pengintegrasian tiga prinsip asas GenNext, iaitu keusahawanan, kepimpinan dan inovasi serta kepekaan dengan persekitaran juga dititikberatkan dalam pembentukan kurikulum modul-modul yang ditawarkan. APB juga menawarkan program pasca ijazah secara penyelidikan dan ini

adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika memperkenankan Penubuhan Akademi Pengajian Brunei, antara lain **“untuk menjalankan pengajian dan penyelidikan yang berkaitan dengan kehidupan Negara Brunei Darussalam.”**

Para ahli akademik di Akademi Pengajian Brunei juga telah menerbitkan hasil kajian dan penulisan sama ada dalam bentuk buku, artikel dalam jurnal sama ada yang berbentuk lokal, serantau dan antarabangsa. Di samping itu, Akademi Pengajian Brunei dengan kerjasama Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja turut menerbitkan buku-buku yang dijadikan rujukan terutama tentang konsep Melayu Islam Beraja. Oleh yang demikian, APB juga menerbitkan beberapa buah buku, jurnal dan kumpulan kertas kerja yang berkaitan dengan hal ehwal kebruneian untuk kegunaan para pelajar APB, bukan sahaja menjadi bahan rujukan, malah hasil penulisan daripada tenaga akademik APB ini juga menjadi bacaan umum. Antara yang pernah dihasilkan dari terbitan APB ialah Kesultanan Melayu Brunei, Kampong Ayer: Warisan Hidup, Cabaran dan Kesenambungan serta Jurnal Janang.

### **PENCAPAIAN**

Buku terbitan terbaharu APB yang bertajuk “Suara Wanita Brunei” adalah hasil tulisan Allahyarhamah Datin Dr. Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit, Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Brunei. Buku tersebut diterbitkan dalam empat jilid, iaitu merupakan koleksi 44 buah artikel yang dipilih dan pernah dibentangkan oleh Allahyarhamah Datin Dr. Hajah Saadiah di dalam dan luar negara. Artikel-artikel yang dipilih membincangkan hal ehwal kemasyarakatan termasuk yang



berkaitan dengan Konsep negara MIB, undang-undang keluarga Islam, hak wanita, pendidikan dan budaya. Penerbitan buku ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan bagi yang berminat dalam bidang akademik khususnya dan menjadi bahan bacaan menambah ilmu pengetahuan bagi orang awam. Justeru, buku ini juga diharap mampu membantu dan menjadi bahan rujukan berguna kepada para pensyarah, penyelidik juga mahasiswa dan mahasiswi memandangkan inti pati buku tersebut padat dengan konteks kebruneian.

Selain itu, terdapat juga buku yang diterbitkan dari salah sebuah penerbitan antarabangsa, *outledge* yang bertajuk 'Brunei - Sejarah, Islam, Masyarakat dan Isu Kontemporari' yang memuatkan empat bahagian hasil penerbitan terbaharu para tenaga akademik APB, tetapi lebih berbentuk hasil kerja ahli-ahli akademik APB yang diterbitkan oleh penerbit antarabangsa yang berkualiti.

Setelah 26 tahun ditubuhkan, APB telah berjaya menghasilkan 442 orang graduan peringkat sarjana muda, 22 orang

graduan peringkat sarjana dan 3 orang graduan peringkat Falsafah Kedoktoran. Walau bagaimanapun ada di antaranya telah pun mendapat pekerjaan di dalam sektor awam dan swasta dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, pendidikan, ketenteraan, per muzium dan perkhidmatan. Tambahan lagi, terdapat juga di antara mereka yang melibatkan diri sebagai usahawan dalam perusahaan kecil dan sederhana.

Dari pencapaian tersebut, ini jelas membuktikan bahawa APB telah berjaya mencapai hasrat dan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengkaji dan menyelidik tentang kehidupan di Negara Brunei Darussalam. Semoga dengan pencapaian ini dapat membantu mendukung dan mencapai objektif Wawasan 2035, iaitu dengan melahirkan masyarakat yang berpendidikan, berkemahiran, berdaya saing dan berjaya.



## Kasihnya Raja, rakyat dicinta: 50 tahun pendidikan



**D**ENGAN mendekatnya tarikh bersejarah yang mengingatkembali hari ketika seorang Raja mengangkat anakanda baginda untuk menggalas tampuk kepimpinan negara, imbasan tidak terlepas dari sektor-sektor utama yang sentiasa menjadi kepentingan bangsa dan negara. Salah satu sektor yang penting itu termasuklah pendidikan yang telah melalui banyak perubahan dan kemajuan khususnya dalam pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejak memegang tampuk kepimpinan negara dari awal lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia menunjukkan daya peneraju kepimpinan yang kuat dengan memberikan kesinambungan kepada kepimpinan paduka ayahanda baginda. Pada tahun



Oleh:  
Kementerian Pendidikan dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan

1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mewarisi sistem pendidikan yang telah dilakar dalam Dasar Pendidikan Negara yang dipersetujui pada 31 Oktober 1962 dan pada lewat 1960-an telah mempunyai sebuah sekolah menengah aliran Melayu, iaitu Sekolah Menengah Melayu Pertama. Bertolak dari struktur yang sedia ada pada ketika itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menerajui sektor pendidikan negara dengan menunduki sistem penilaian atau peperiksaan awam bagi anak-anak tempatan agar menjadi piawaian yang kredibel kepada

kemampuan orang-orang Brunei. Baginda turut menaik taraf Sekolah Menengah Melayu Pertama menjadi Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Pada tahun 1969, negara mencatat pendaftaran seramai 38,709 orang di badan-badan pelajaran (institusi pendidikan) di seluruh negara. Dengan kedudukan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerajui usaha untuk memantapkan keadaan pendidikan negara pada ketika itu. Kepimpinan bijaksana dan komitmen Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah untuk terus memantapkan struktur dan sistem pendidikan yang telah dilakar paduka ayahanda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melantik sebuah suruhanjaya untuk meneliti keadaan sistem pendidikan Brunei dengan matlamat untuk membentuk Dasar Pendidikan Kebangsaan yang lengkap dan mengambil kira perkembangan sosioekonomi rakyat Brunei. Usaha ini telah melahirkan Dasar Pendidikan 1972 yang antara lain memartabatkan bahasa Melayu dan menitikberatkan pendidikan agama Islam sesuai dengan kehendak Perlembagaan; meningkatkan taraf penggunaan bahasa kedua (bahasa Inggeris); penyediaan pendidikan berterusan bagi tempoh 9 tahun; sukatan pelajaran dan beberapa perkara lain yang berkaitan identiti kebangsaan.

Dasar pendidikan ini sangat utama dalam mengembang dan memperkukuhkan sistem pendidikan negara di era 70-an dan 80-an. Kepimpinan baginda dalam hala tuju pendidikan ini menghasilkan pencapaian cemerlang literasi tidak dapat disangkal bila mana pihak UNESCO mencatat antara 93 peratus dan 99 peratus tahap literasi dalam kalangan rakyat Brunei bagi tempoh 1980 hinggalah ke hari ini. Dengan perkenan baginda bagi sistem pendidikan dwibahasa

juga membolehkan anak-anak Brunei memastikan keberterusan bahasa ibunda pada martabat yang selayaknya dan pada masa yang sama, penguasaan bahasa kedua (bahasa Inggeris) membolehkan rakyat negara ini menimba ilmu dalam salah satu *lingua franca* dunia dan yang demikian memastikan relevansi bangsa dan perkembangan negara dalam era semasa.

Kasih baginda terhadap rakyat turut jelas melalui usaha untuk menggalakkan anak-anak agar terus berada di sekolah serta memastikan mereka mendapat pendidikan yang baik. Seiring dengan program-program pendidikan yang biasa, kerajaan baginda turut memperkenalkan pendidikan inklusif sejak tahun 1997. Dasar ini memberi ruang kepada para pelajar dari kalangan anak-anak normal dan mereka yang berkeperluan khas untuk sama-sama menimba ilmu pengetahuan dalam suasana yang sihat. Pada masa yang sama, program-program khas dibentuk bagi membina kemahiran dan keupayaan para pelajar yang mempunyai keperluan khas dengan dibimbing oleh guru-guru khas dalam bidang ini. Dalam memberi perhatian kepada pelajar yang kurang cenderung kepada bidang akademik, pelbagai program bagi menangani keciciran dari kalangan pelajar. Pemerintahan baginda turut menyaksikan kesinambungan dasar negara untuk menyediakan kemudahan pendidikan selama 12 tahun melalui penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib 2007 yang mewajibkan semua kanak-kanak warga tempatan yang bermastautin di negara ini dan berumur 6 hingga 15 tahun untuk hadir ke sekolah.

Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga negara mencatat kadar kemasukan kasar bagi anak-anak untuk masuk ke sekolah di negara ini adalah pada purata yang melebihi 100 peratus bagi tahun 2006 hingga 2012. Dengan kekukuhan



ini, perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meneruskan tahap ini jelas apabila negara turut memperkenalkan prasekolah di sekolah-sekolah rendah kerajaan mulai 1979. Di samping itu, lebih banyak sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan terkini dibina dalam lingkungan kawasan tadahan yang diperlukan masyarakat. Sementelah itu, sebagai kesinambungan dasar yang paduka ayahanda baginda telah mulakan dan untuk terus memastikan penyediaan sumber tenaga manusia yang terdidik dan berkemahiran, sektor pendidikan terus menikmati dasar pendidikan percuma di bawah pemerintahan baginda yang diiringi dengan pemberian kemudahan-kemudahan tertentu kepada para pelajar seperti pengangkutan darat dan laut, buku-buku teks, skim pemakanan sekolah, elaun pelajaran dan sebagainya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah banyak membuat kemajuan dan reformasi dalam pendidikan. Baginda sendiri memberikan tumpuan kepada kemudahan dan saluran kepada para pelajar mengikuti pendidikanyanglebihtinggisamaadadalam

ataupun luar negara. Dalam hubungan ini, baginda telah memperkenankan bagi penganugerahan Skim Biasiswa Khas 'Sultan's Scholar' yang ditawarkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Skim ini dihasratkan melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, berkemahiran, berdisiplin, berbudi bahasa dan berhemah tinggi bagi kepentingan agama, negara dan Raja dalam tempoh jangka masa panjang. Selain meningkatkan lagi bilangan tenaga manusia dalam kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terlatih dan profesional bagi keperluan Negara Brunei Darussalam, skim ini bertujuan memberi perangsang serta dorongan kepada penuntut yang memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan di Peringkat Lanjutan atau yang sebanding dengannya, mengetengahkan penuntut-penuntut yang berpotensi bagi mengikuti kursus-kursus yang diutamakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari semasa ke semasa; memberi penghargaan ke atas kejayaan penuntut-penuntut tersebut dan juga akan

dapat meningkatkan motivasi mereka untuk terus berusaha dan belajar.

Perkembangan dan perubahan global di era Abad Ke-21 turut membawa bersama cabaran dan peluang-peluang baharu. Ini menekankan keperluan agar tenaga manusia terus relevan dan siap siaga menghadapi situasi-situasi yang mungkin berbeza. Dalam menyediakan anak-anak untuk memenuhi keperluan dan cabaran Abad Ke-21, negara di bawah kepimpinan dinamik Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah melancarkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) pada 2009. Ini turut menjadi testimoni betapa baginda mengambil berat terhadap pendidikan rakyat agar memenuhi keperluan semasa dan akan datang serta memastikan keberterusan bangsa Brunei di peringkat serantau dan antarabangsa. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Sambutan Hari Guru Ke-17 Tahun 2007:

**“Kita perlu mempunyai sistem pendidikan yang sentiasa relevan dengan tuntutan zaman. Kita tidak mahu tercicir di belakang sambil kebakuan membelunggu kita. Kerana itu, beta amat gembira bila mana Kementerian Pendidikan sedang mengemaskinikan Sistem Pendidikan Negara yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad 21 atau SPN21. Langkah ini wajar demi menyedari bahawa arus proses globalisasi tidak akan menunggu sesiapa pun.”**

Dengan matlamat pendidikan yang telah ditetapkan untuk menuju dan mencapai aspirasi Wawasan Negara 2035, SPN21 terus diperhalusi dan diperkukuhkan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberi perhatian khusus terhadap pembentukan pelajar yang mempunyai landasan nilai-nilai murni kebruneian sesuai dengan ciri keislaman serta mantap dengan kemahiran dan pengetahuan yang memenuhi keperluan dan cabaran Abad Ke-21. Melaluinya,

pelbagai inisiatif yang disasarkan bagi merapatkan sebarang jurang dalam pengajaran dan pembelajaran demi meningkatkan pencapaian dan merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Yang turut menjadi mercu tanda kecemerlangan pendidikan di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dapat dilihat dengan wujudnya institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan program peringkat ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran. Universiti pertama lahir dalam pemerintahan baginda, iaitu Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1986. Dengan bersemayamnya baginda selaku Canselor bagi universiti ini dan juga bagi universiti-universiti awam berikutnya (Universiti Teknologi Brunei (1986); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (2007)) jelas menunjukkan keprihatinan baginda dalam memastikan anak-anak Brunei mengikuti program-program pengajian tinggi yang berkualiti dan setara dengan universiti serantau dan antarabangsa apatah lagi ketika baginda memperkenalkan inisiatif menaik taraf Institut Teknologi Brunei kepada status universiti pada tahun 2008 dan selanjutnya diubah nama kepada Universiti Teknologi Brunei pada tahun 2016. Landskap pengajian tinggi juga dihiasi lagi dengan kewujudan beberapa institusi-institusi pengajian tinggi swasta yang membuka alternatif lebih luas kepada anak-anak Brunei di peringkat ini. Perkembangan ini turut memberi bayangan terhadap keupayaan negara dalam pengajian tinggi khasnya apabila universiti tertua negara mencecah kedudukan yang diiktiraf oleh kayu sukat antarabangsa.

Pandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga membawa kepada lahirnya aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang mengenal pasti elemen-elemen utama dalam perkembangan sesebuah

negara. Antara elemen utama yang turut menekankan kepentingan pendidikan dan penyediaan modal insan juga secara langsung memperlihatkan komitmen negara terhadap kemajuan dan perkembangan pendidikan khususnya dari segi kualiti dan piawaian, kuantiti, kecemerlangan dan kredibiliti yang diperakui di peringkat dunia. Tercapainya hasrat Wawasan Brunei 2035 ini nanti membuktikan kemampuan dan pencapaian cemerlang Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan sektor pendidikan untuk mempelopori perubahan dan kemajuan dinamik khususnya dalam menghasilkan tenaga manusia yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat dan dengan kecemerlangan budaya berfikir aras tinggi dan intelektual.

Visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam perkara-perkara berhubung dengan pendidikan amat ketara khasnya bilamana baginda menekankan untuk tidak berpuas hati pada keadaan semasa dan menimbulkan keperluan untuk bersifat dinamik untuk memastikan relevansi pendidikan. Baginda yang begitu prihatin kepada pendidikan di negara ini telah bertitah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19 pada 23 Februari 2003:

**“Pendidikan negara hendaklah menyediakan program-program yang dinamik dan melihat ke hadapan (forward looking) dalam menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berguna kepada industri dan lain-lain perkhidmatan dengan tidak mengabaikan nilai-nilai penting.”**

Menempatkan tahap pendidikan di Negara Brunei Darussalam agar setaraf dan setanding dengan pendidikan di negara-negara maju merupakan satu komitmen dan usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kementerian/jabatan/agensi tertentu khasnya Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan negara supaya ia dapat ditingkatkan kepada satu piawaian yang tinggi dan mampu menyaingi negara-negara lain.

Hasrat baginda ini menekankan kepada pengetahuan dan kemahiran yang relevan kepada kehendak semasa dalam industri yang berkaitan. Ini telah merintis usaha untuk memperbaiki lagi pendidikan vokasional dan teknikal negara melalui salah satu perubahan utama yang dibawa oleh SPN21, iaitu transformasi pendidikan teknikal dan vokasional. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei 2014 yang merintis transformasi yang dihasratkan. Transformasi berkenaan telah mempertingkatkan kolaborasi bersama industri dan pihak majikan dan memastikan relevansi serta keberkesanan program-program yang ditawarkan untuk menepati keperluan industri semasa.

Terdorong dari usaha untuk mengangkat bangsa dan negara melalui Wawasan Brunei 2035, perhatian baginda untuk memastikan pencapaian pendidikan dapat dipertingkatkan tercermin ketika baginda menitahkan mengenai kehadiran penuh ke sekolah, pengajaran dan pembelajaran seawal peringkat rendah serta sasaran untuk dituju dalam Penilaian Sekolah Rendah sebagai pemacu pencapaian pendidikan yang lebih baik,

**“Secara spesifik, pada misalnya di bidang pendidikan, beta adalah mengalukan rancangan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan strategi jangka sederhana dan panjang bagi memastikan kehadiran penuh kanak-kanak ke sekolah dan juga untuk memperolehi keberkesanan berganda bagi pengajaran**



dan pembelajaran di peringkat rendah dan seterusnya.

**Kitatelah menetapkan sasaran yang tinggi dengan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada pelajar kita akan mendapat Gred 'A' hingga 'C' dalam Penilaian Sekolah Rendah tahun 2017. Dalam masa yang sama, kita berharap usaha tersebut akan dapat membantu semua murid-murid di peringkat tersebut untuk memperolehi kejayaan yang lebih baik.**

**Bagi maksud ini, penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib, patutlah dikukuhkan lagi. Dengan cara ini, diyakini akan dapat membantu melahirkan generasi yang lebih berdisiplin dan dinamik.**"- Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2015.

Dengan fokus yang didorong oleh aspirasi Wawasan Brunei 2035 ini, pelbagai inisiatif telah terdorong ke arah memperbaiki kualiti dan piawain pendidikan dari peringkat rendah hingga ke menengah bagi

memastikan kesinambungan ke peringkat selanjutnya dalam aliran pendidikan dan kemahiran. Mengambil kira masa hadapan 115,491 orang pelajar (statistik 2013), keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, tahap kehadiran pelajar ke sekolah, disokong lagi dengan piawain antarabangsa seperti penyertaan negara dalam PISA (Programme for International Student Assessment) di tahun 2018 nanti akan membantu memastikan hala tuju sektor pendidikan akan terus berkembang dan melalui perubahan anjakan paradigma yang seiring dengan hasrat Raja dan pemimpin tercinta apatah lagi dengan kedudukan pendidikan sebagai salah satu daripada strategi keutamaan negara. Dengan kepimpinan baginda yang bijaksana lagi jitu ke arah penyediaan modal insan yang mempunyai pendidikan dan kemahiran tinggi, tidak syak lagi sektor pendidikan akan terus membangun sumber tenaga manusia yang dapat menyumbang kepada kemajuan sosioekonomi negara dan mengangkat martabat bangsa serta merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

## Sejarah dan pencapaian pendidikan



**S**EBAIK sahaja mewarisi tampuk pemerintahan pada 1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meneruskan sistem pendidikan yang telah dilakar dalam Dasar Pendidikan Negara yang dipersetujui pada 31 Oktober 1962 dan beberapa tahun berikutnya, sistem pendidikan di negara ini menghadapi beberapa perubahan yang disesuaikan dari semasa ke semasa.

Antara perubahan itu ialah Dasar Pendidikan 1972 yang telah



Oleh:  
Norliah Md. Zain

memperkuhkan sistem pendidikan negara di era 70-an dan 80-an; memperkenalkan pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah di sekolah-sekolah rendah kerajaan mulai 1979.

Sementara itu, juga diberi perhatian ialah sistem pendidikan dwibahasa bagi membolehkan anak-anak Brunei terus menguasai bahasa ibunda di samping bahasa kedua (bahasa Inggeris). Selain itu, pada tahun 1997, diperkenalkan juga



pendidikan inklusif bagi anak-anak normal, anak-anak yang berkeperluan khas. Dalam memastikan agar semua kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan yang sewajarnya, baginda telah memperkenankan penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib 2007.

Bermula dari tahun 1980 hingga ke hari ini, UNESCO telah mencatat tahap literasi dalam kalangan rakyat Brunei pada kadar 93 peratus dan 99 peratus menunjukkan pencapaian cemerlang pada dasar-dasar pendidikan yang digubal itu.

Universiti pertama Universiti Brunei Darussalam (UBD) ditubuhkan pada tahun 1985 kini sudah boleh berbangga dengan pencapaiannya, yang mana buat julung kalinya UBD telah termasuk di dalam QS *World University Rankings* pada tahun ini. UBD juga berada dalam 1.3 peratus universiti-universiti teratas di dunia juga kedudukan

nomor 37 bagi universiti-universiti di bawah usia 50 tahun.

Selain itu, terdapat juga lain-lain institusi pengajian tinggi ditubuhkan dan ada juga yang dinaik taraf antaranya Universiti Teknologi Brunei, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Apabila SPN21 diperkenalkan, pendidikan teknikal dan vokasional turut mencapai transformasi, di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) 2013. IBTE memainkan peranan penting untuk membangun kapasiti negara dan menyediakan tenaga kerja dan kemahiran.

Pendidikan seimbang dan sempurna sentiasa menjadi keutamaan baginda apatah lagi negara sedang menuju Wawasan Brunei 2035.

## *Kesihatan*

## Negara sediakan sistem kesihatan komprehensif dan berkualiti

**N**EGARA Brunei Darussalam hari ini telah melakar berbagai-bagai kemajuan dan pembangunan yang begitu pesat dan ketara. Dengan limpah kurnia rahmat dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala serta di bawah kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk negara ini dapat menikmati pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan dan seterusnya mengecapi kesejahteraan dan keamanan, serta kemakmuran negara sehingga hari ini.

Bermula dari awal pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, baginda sangat mengambil berat bukan sahaja terhadap pembangunan negara malahan begitu peka dengan hal ehwal kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini termasuklah dalam bidang kesihatan.

Keprihatinan yang sangat mendalam, pemedulian, kesungguhan serta komitmen baginda yang mementingkan hal ehwal kesihatan termasuk perkhidmatan dan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini dapat dibuktikan dengan jelasnya dari titah-titah baginda yang antaranya adalah semasa baginda bertitah sempena Sambutan Ulang Tahun Keempat Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Februari 1988:

**“Selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang berkemahiran dan berkeupayaan untuk menggerakkan jentera pembangunan, bidang kesihatan juga telah diberikan perhatian yang**



Oleh:  
Kementerian Kesihatan dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan.

**khusus oleh pihak kerajaan bagi menjamin masyarakat dan penduduk di negara ini adalah sentiasa dalam keadaan sihat, baik dari segi fizikal dan mental mereka.”**

Melalui penyediaan sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif dan berkualiti, Negara Brunei Darussalam telah dapat meningkatkan tahap kesihatan dalam



kalangan rakyat dan penduduk. Kemajuan dalam bidang kesihatan di negara ini meliputi aspek perkhidmatan, perkembangan tenaga kerja khususnya profesional kesihatan, teknologi perubatan, maklumat dan komunikasi serta pembangunan infrastruktur kesihatan.

Pencapaian sektor penjagaan kesihatan negara dalam 5 dekad ini jelas terbukti melalui petunjuk-petunjuk kesihatan utama seperti peningkatan jangka hayat, pengurangan kematian anak-anak damit dan kanak-kanak serta ibu-ibu mengandung, dan juga pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit.

- Pada tahun 1971 jangka hayat bagi lelaki ialah 61.9 tahun dan 62.1 tahun bagi perempuan dan ini telah meningkat pada tahun 2015 kepada 76.9 tahun bagi lelaki dan 78 tahun bagi perempuan.

- Kadar kematian anak-anak damit dan kanak-kanak telah dapat dikurangkan yang mana pada tahun 1971, kadar kematian anak-anak damit di bawah umur 1 tahun (infant mortality rate) bagi setiap 1,000 kelahiran yang dicatatkan adalah 38.4 dan kadar ini menurun secara signifikan iaitu kepada kadar 8.8 pada tahun 2015.

- Manakala bagi kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun bagi setiap 1000 kelahiran, adalah 22.7 pada tahun 1980 dan kadar ini menurun kepada kadar 10.3 pada tahun 2015. Pencapaian ini melebihi daripada sasaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui inisiatif Matlamat Pembangunan Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals) iaitu untuk mengurangkan kadar kematian kanak-kanak di bawah 5 tahun kepada 25 orang bagi setiap 1,000 kelahiran menjelang 2030.

- Negara Brunei Darussalam juga berjaya menurunkan kadar nisbah kematian ibu-ibu mengandung (maternal mortality ratio) dari 487 orang bagi setiap 100,000 kelahiran pada tahun 1960 kepada 60 orang bagi



setiap 100,000 kelahiran pada tahun 2015. Pencapaian ini menempatkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang Ke-3 terendah di ASEAN pada tahun 2015.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berjaya mengawal penyakit-penyakit berjangkit melalui langkah-langkah pencegahan, pengawalan dan pemantauan yang lebih komprehensif dan terarah. Pada tahun 1987, Negara Brunei Darussalam telah secara rasminya diisytiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai negara bebas dari Malaria dan seterusnya pada tahun 2000, bebas dari Polio. Negara juga diisytiharkan menepati sasaran serantau dalam mengawal penularan penyakit Hepatitis B kepada tahap yang rendah (<1 peratus dalam kalangan kanak-kanak) pada tahun 2013.

Baru-baru ini, pada tahun 2015, Negara Brunei Darussalam juga telah diisytiharkan sebagai negara bebas daripada penyakit Campak. Program Imunisasi Kebangsaan merupakan antara usaha gigih kerajaan yang telah menyumbang kepada peningkatan pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit dan telah berjaya meningkatkan liputan imunisasi kepada hampir 100 peratus bagi kanak-kanak di bawah umur 5 tahun.

Alhamdulillah, dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga, penjagaan kesihatan di negara ini mudah diperolehi oleh rakyat dan penduduk negara dengan penyediaan perkhidmatan dan infrastruktur seperti hospital-hospital, pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan di semua daerah, di samping kemudahan-kemudahan lain seperti Perkhidmatan Kesihatan Bergerak dan melalui udara untuk penduduk-

penduduk di kawasan pedalaman. Perkhidmatan dan penjagaan kesihatan di negara ini akan terus dikembangmajukan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan keutamaan negara. Ini termasuk mengukuhkan lagi Perlindungan Kesihatan Universal (Universal Health Coverage) bagi setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dengan memberi keutamaan terhadap pembangunan infrastruktur kesihatan dari aspek penjagaan kesihatan asasi, *secondary* dan tertiar, yang kesemuanya adalah mendukung kepada *people-centred care*.

Bermula 1 Jun 2000, Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi yang sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Pesakit Luar, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berpindah kepada tujuh buah pusat kesihatan berasingan di Daerah Brunei dan Muara. Projek desentralisasi itu telah dilanjutkan kepada 16 buah pusat kesihatan di Daerah Brunei dan Muara, Belait dan Tutong di mana dengan desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, perkhidmatan-perkhidmatan tambahan telah diperkenalkan seperti Klinik Flu, Klinik Penyakit Kronik, Klinik Kesihatan Ibu-Ibu dan Kanak-Kanak, Perkhidmatan Doktor Penerbangan, Klinik Bergerak, Perkhidmatan Pengambilan Contoh Darah (flebotomi), Perkhidmatan Farmasi, Perkhidmatan Pergigian, Perkhidmatan Kesihatan seperti penyaringan kesihatan dan Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.

Sebahagian lain dari usaha berterusan untuk memperbaiki dan memberikan penjagaan menyeluruh yang cemerlang serta perkhidmatan berkualiti, Kementerian Kesihatan sedang giat melaksanakan inisiatif baru yang melibatkan semua hospital di negara ini untuk menjadi pusat sehenti (*one stop centre*) atau pusat kecemerlangan dalam bidang kepakaran tertentu dan akan beroperasi dengan cara yang lebih

bersepadu dan saling melengkapi antara satu sama lain. Antara lain ialah penubuhan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang mula beroperasi sepenuhnya pada 12 Januari 2015. Pusat ini adalah pusat sehenti yang menumpukan kepada Perkhidmatan Kanak-Kanak (Pediatrik) serta perbidanan dan sakit puan (Obstetrik dan Ginekologi).

Ia dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan segala alat perubatan yang moden dan berteknologi tinggi dalam usaha memperkembangkan lagi penjagaan kesihatan yang terbaik, berkualiti dan efektif kepada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan. Selain itu, inisiatif pusat sehenti ini juga dilaksanakan di Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong yang mana telah memperkenalkan khidmat endoskopi dan pembedahan katarak sebagai bidang keutamaan di hospital tersebut di mana pesakit-pesakit diberi kemudahan secara komprehensif dan keselesaan untuk menjalani proses-proses pendaftaran, diagnosis, rawatan dan pemulihan di satu tempat di bawah satu bumbung hospital.

Dalam pembangunan modal insan berkualiti pula, alhamdulillah dari setahun ke setahun terdapat peningkatan jumlah profesional kesihatan dalam pelbagai kepakaran dan kemahiran dari kalangan anak-anak tempatan di negara ini, iaitu bukan saja dalam bidang kedokteran malahan juga dalam bidang Ahli Profesional Kesihatan Bersekutu (Allied Health Professional), yang menyumbang kepada kemantapan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara. Misalnya jumlah keramaian doktor tempatan meningkat dari 194 orang pada tahun 2008 kepada 316 orang pada awal tahun 2016. Manakala jumlah pakar tempatan (konsultan perubatan) dalam pelbagai

bidang Profesion Perubatan, Kesihatan dan Pergigian telah meningkat dari 30 orang pada tahun 2008 kepada 80 orang pada tahun 2016. Inisiatif untuk meningkatkan lagi jumlah tenaga profesional kesihatan di negara ini akan terus dilipatgandakan bagi mencapai status yang setanding dengan negara-negara maju mengikut perkiraan nisbah profesional kesihatan kepada keramaian penduduk.

Aspek kesihatan adalah merupakan satu komponen penting dalam mendukung dan merealisasikan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035, iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan bermula tahun 2015, telah pun menggariskan tiga keutamaan strategik bagi tempoh lima tahun iaitu:

- Menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua (*health is everyone's business*),
- Mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDs); dan
- Memberi perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan (*consolidation*) dan pensejajaran (*realignment*) perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Kepentingan mewujudkan dan menanam budaya menjaga kesihatan secara berterusan dititikberatkan pada setiap peringkat iaitu individu, keluarga dan masyarakat. Dengan adanya kesepaduan, kebertanggungjawaban bersama dari pelbagai pihak serta kejayaan penerapan budaya sihat dari segi fizikal dan mental sudah setentunya akan dapat melahirkan rakyat dan penduduk yang lebih produktif, serta dapat menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi yang lebih mantap lagi berdaya tahan di negara ini.





# Perkembangan Infrastruktur

## Sejarah transformasi Jabatan Laut sebagai pentadbir maritim Negara Brunei Darussalam



SIRI I

### PENDAHULUAN

**D**ENGAN kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam banyak pencapaian dan kemajuan telah dicapai sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan baginda. Pencapaian dan kemajuan tersebut antaranya ialah di dalam industri maritim. Perkara ini boleh dilihat melalui perkembangan Jabatan Laut iaitu selaku pentadbir maritim di Negara Brunei Darussalam sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang



Oleh:  
Jabatan Laut, Kementerian  
Perhubungan dengan kerjasama  
Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

### VISI DAN MISI JABATAN

Bersandarkan pada visi utama Jabatan Laut untuk menjadi pentadbir maritim yang cekap dan dihormati, Jabatan Laut telah mengatur tiga misi utama dalam mengawal serta mentadbir kesejahteraan dan persekitaran perairan Negara Brunei Darussalam, iaitu Meningkatkan keselamatan dan sekuriti maritim; Mengelakkan pencemaran persekitaran



maritim dan Memudah cara bagi perkembangan industri-industri maritim.

### SEJARAH JABATAN LAUT

Jabatan Laut ditubuhkan pada tahun 1948 dan sejak itu beroperasi selama 69 tahun. Pada awal penubuhannya, Jabatan Laut yang diketuai oleh Mr. DH Trumble, hanyalah merupakan salah satu seksyen di bawah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, yang pada masa itu lebih dikenali sebagai Jabatan Kastam. Dengan bantuan lapan buah perahu dan enam buah kapal, Jabatan Laut berperanan selaku agensi yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan penumpang dan juga penghantaran barang-barang ke Labuan, Malaysia.



Bermula pada tahun 1957, Jabatan Laut telah mengendalikan sepenuhnya urusan pentadbirannya dan beribu pejabat di Dermaga Kastam, Bandar Seri Begawan. Mr. Jack Turner yang dilantik sebagai Pegawai Laut Pertama (Pegawai Laut Negara) pada 5 Ogos 1964 merupakan pegawai yang telah lama berkhidmat dengan pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam, beliau telah dianugerahkan gelaran 'Yang Dimuliakan Pehin Datu Tambang Layaran Laila Di Raja'. Beliau telah menamatkan perkhidmatannya pada 22 Februari 1981.

Setelah Yang Dimuliakan Pehin menamatkan perkhidmatan beliau, jawatan tersebut seterusnya dijabat oleh Mr. I.G. Fraker, yang berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Laut sehingga tahun 1984. Dalam masa pentadbiran beliau, Jabatan Laut memiliki sebanyak dua buah kapal juru pandu (Pilot Launches, iaitu Seri Bandar dan Seri Kuala) dan sebuah kapal tunda (Tug Boat, iaitu MT Sumpit-Sumpit) yang bertujuan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan jabatan agar sejajar dengan peningkatan jumlah kapal-kapal yang

masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui Pelabuhan Muara.

Tarikh 25 Ogos 1984 merupakan detik yang bersejarah bagi Jabatan Laut berikutan pelantikan Yang Mulla Dato Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Ibrahim selaku warganegara Brunei Darussalam yang pertama dilantik sebagai Pengarah Jabatan Laut. Di bawah tempoh pentadbiran beliau, prestasi Jabatan Laut terus meningkat dan berkembang luas terutama sekali dengan keahlian Negara Brunei Darussalam sebagai negara anggota Pertubuhan Maritim Antarabangsa (International Maritime Organisation - IMO) di samping telah menandatangani lapan buah Konvensyen dan Protokol IMO. Justeru itu, Negara Brunei Darussalam menguatkuasakan perundangan Akta Kapal Dagang (Bab 145) (Merchant Shipping Act (Ch. 145)) dan juga Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Bab 144) (Ports Act (Ch. 144)) bagi mengawal selia seterusnya menjalankan piawaian dan perundangan sesuai rangka piawaian antarabangsa.

Bermula 30 November 1993, pangkalan Ibu Pejabat Jabatan Laut dipindahkan ke bangunan ibu pejabat jabatan baharu yang ada pada masa kini dan terletak di kawasan perindustrian Serasa, Muara. Ini bertujuan bagi memudahkan lagi pentadbiran dan pelaksanaan operasi-operasi yang dikawal selia oleh jabatan.

### PENCAPAIAN JABATAN

Antara pencapaian Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Laut ialah secara rasmi menjadi negara anggota kepada IMO pada tahun 1984. Melihat pada kepentingan industri maritim terutama dari segi pengangkutan laut, maka adalah menjadi satu kepentingan bagi sesebuah negara dalam memastikan bahawa kapal-kapal laut yang digunakan bukan

saja mematuhi piawaian antarabangsa, tetapi juga selamat untuk digunakan dan mempunyai daya tahan yang selayaknya dalam memastikan perjalanan atau pelayaran yang sempurna. Dalam pada itu, sebagai salah sebuah negara ahli kepada IMO, Negara Brunei Darussalam juga harus memastikan bahawa keselamatan dan kesejahteraan kapal-kapal pendaftaran Negara Brunei Darussalam sentiasa terjamin dan mengikut kehendak piawaian antarabangsa bagi membolehkan kapal-kapal pendaftaran Negara Brunei Darussalam singgah di pelabuhan-pelabuhan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam sebagai negara anggota kepada IMO telah banyak melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan di bawah konvensyen IMO seperti SOLAS, MARPOL, STCW, COLREG, Kod ISPS serta Loadline, yang mana perlu dipatuhi dan dijadikan sebagai garis panduan agar ia memberi impak yang positif dalam memastikan pembangunan industri maritim yang mampan dan mematuhi piawaian antarabangsa.

Sebagai salah satu jabatan yang tertua di Negara Brunei Darussalam, pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal maritim adalah bersandarkan pada 47 Perintah dan Peraturan, antaranya adalah Merchant Shipping Order (MSO 2002), The Prevention of Pollution of the Sea Order 2005 dan Maritime Offences Order 2007. Sehingga tahun 2017, Negara Brunei Darussalam telah mengesahkan sebanyak 17 instrumen IMO termasuklah instrumen mandatori. Ini secara tidak langsung mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kapal-kapal Negara Brunei Darussalam adalah dalam keadaan yang selamat dan layak layar sesuai dengan standard dan piawaian antarabangsa.

# Peningkatan Infrastruktur Keselamatan Navigasi

## SIRI II

**B**AGI mencapai misi Jabatan Laut dalam memudah cara industri maritim beberapa inisiatif telah dilakukan termasuk pendalaman selat Muara sedalam 13 meter yang telah dilaksanakan semasa pentadbiran Yang Mulia Awang Haji Hamidon bin Haji Md. Tahir, selaku Pengarah Jabatan Laut pada tahun 1999. Inisiatif ini adalah bagi memudahkan kapal-kapal besar yang mempunyai draf dalam untuk memasuki Pelabuhan Muara dengan selamat. Selain itu, pihak jabatan juga telah memasang beberapa buah pancang di tempat-tempat strategik di perairan negara sebagai panduan bagi laluan kapal-kapal untuk masuk dan keluar dengan mudah dan selamat. Antara inisiatif jabatan dalam memastikan keselamatan navigasi di perairan negara terjamin ialah dengan pemasangan satu (1) 'Rotating Beacon' di kawasan perairan Pantai Lumut sebagai panduan bagi kapal-kapal yang menggunakan perairan tersebut terutama sekali bagi kapal-kapal yang berlabuh dan /atau menggunakan terminal kepunyaan BLNG (Brunei Liquefied Natural Gas) Sdn. Bhd.

Pembinaan *Lumut Light House* (rumah api) adalah di antara mercu pencapaian Jabatan Laut selaku pentadbir maritim negara. Projek pembinaan rumah api tersebut telah bermula pada April 2003 dan bertempat di kawasan Lumut, Daerah Belait. Projek pembinaan yang menelan belanja kira-kira \$937,212.08 tersebut mengambil masa selama 20 bulan untuk disiapkan dan pada 1 Ogos 2005 hak milik rumah api tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Laut untuk dikawal selia. Rumah api ini bertujuan untuk meningkatkan keselamatan pelayaran kapal-kapal atau pelaut-pelaut



Oleh:  
Jabatan Laut, Kementerian  
Perhubungan dengan kerjasama  
Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan



yang mana ia dijadikan sebagai 'pemandu pelayaran' atau panduan kepada kapal-kapal yang belayar dan berlabuh di dalam perairan negara.

### Perjanjian dan Kerjasama di Peringkat Serantau dan Antarabangsa

Sepanjang 50 tahun tempoh pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Laut juga telah banyak menjalinkan kerjasama dan memeterai perjanjian maritim bagi memudahkan dan mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan berbilang hala di peringkat serantau dan antarabangsa.

Antara kerjasama serantau ialah melalui ASEAN dan BIMP-EAGA yang mana Jabatan Laut telah secara aktif terlibat di dalam kumpulan kerja badan-badan serantau tersebut iaitu ASEAN Maritime Transport Working Group (ASEAN MTWG) dan BIMP-EAGA Sea Linkages Working Group. Melalui

kumpulan-kumpulan kerja ini, Jabatan Laut telah dengan giat berbincang bersama-sama negara ahli serantau yang lain dalam membincangkan hal ehwal maritim dan pengangkutan laut sesuai dengan perkembangan dan kehendak dunia semasa.

Dalam mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama serantau negara dalam bidang maritim, Negara Brunei Darussalam juga telah memeterai Memorandum of Understanding between the Government of BIMP on Establishing and Promoting Efficient and Integrated Sea Linkages pada 2 November 2007. Perjanjian yang ditandatangani bersama negara-negara ahli BIMP-EAGA antara lain bertujuan untuk melaksanakan beberapa cara yang dikenal pasti berupaya untuk meningkatkan sistem pengangkutan maritim dengan lebih



berkesan dan efisien.

Beberapa perjanjian dua hala juga telah dimeterai di antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara anggota Pertubuhan Maritim Antarabangsa yang lain, terutama perjanjian di dalam 'Standards of Training, Certification and Watchkeeping for Seafarers'. Setakat ini, sebanyak 13 buah negara telah memeterai perjanjian dengan Negara Brunei Darussalam, iaitu Australia, Kanada, Republik Croatia, Republik India, Republik Indonesia, Ireland, Malaysia, New Zealand, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Republik Singapura, United Kingdom dan Republik Sosialis Viet Nam.

Selain itu, dalam mengukuhkan lagi kerjasama maritim terutama di dalam hal ehwal kapal-kapal dagang dan hal kebajikan para pelaut, Negara Brunei Darussalam juga telah memeterai perjanjian bersama dengan Republik Filipina dan Republik Sosialis Viet Nam masing-masing dimeterai pada 27 Januari 2003 dan 12 November 2001.

### 'Focal Point' Bagi Menangani Tumpahan Minyak

Pada 28 November 2014, Negara Brunei Darussalam telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama-sama dengan negara-negara ahli ASEAN yang lainnya. Memorandum of Understanding on ASEAN Cooperation Mechanism for Joint Oil Spill Preparedness and Response ini bertujuan sebagai salah satu mekanisme kerjasama serantau bagi membina kapasiti dan kebolehan dalam menangani sebarang insiden tumpah minyak di serantau ASEAN.

Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan telah menubuhkan Kontingensi Menangani Tumpahan Minyak Kebangsaan (NOSCOP) yang mana ahli-ahlinya terdiri dari pelbagai

agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Pelan kontingensi tersebut diterajui oleh Jabatan Laut yang bertindak sebagai Sekretariat. Jabatan Laut juga adalah selaku *focal point* untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan NOSCOP dan sebarang aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Pelan ini telah disediakan selaras dengan kehendak Konvensyen Pertubuhan Maritim Antarabangsa, iaitu International Convention on Oil Pollution Preparedness, Response and Co-Operation 1990 (OPRC 90). Pelbagai kerjasama, bengkel-bengkel dan latihan-latihan yang berkaitan telah dibuat secara aktif yang mana di antaranya ialah Tier 3 Cross-Border Oil Spill Response Exercise /Golden Shield 2014 yang telah dianjurkan oleh Brunei Shell Petroleum Company.

Negara Brunei Darussalam juga giat memeterai perjanjian dan menyertai beberapa aktiviti dengan negara-negara serantau Asia dalam hal ehwal menangani Tumpahan Minyak, iaitu (i) "ASEAN-OSRAP (Association of South East Asian Nations Oil Spill Response Action Plan) with the other ASEAN countries and with contributions from Japan," Regional Programme for the Prevention and Management of Marine Pollution in the East ASEAN Seas with the ASEAN countries, China, Cambodia and Vietnam; dan A Standard Operating Procedure exists for joint spill combat in South China Sea including Brunei Bay with Malaysia.

### **Penubuhan Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan**

Demi menuju ke arah Pentadbiran Maritim yang cemerlang dan mengukuhkan lagi peranan pengawal seliaan hahwal maritim, Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan juga dalam proses transformasi untuk menjadi satu Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan-Pelabuhan (Maritime &

Port Authority of Brunei Darussalam). Ini adalah selaras dengan peredaran zaman dan peranan Jabatan Laut yang mana fungsi-fungsi jabatan sekarang ini adalah lebih menjurus kepada pengawal seliaan daripada pemberian perkhidmatan. Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Hari Keputeraan Ke-71 Tahun yang mana antara isi kandungan titah tersebut ialah "**Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan adalah diharapkan untuk membentuk persekitaran kondusif bagi kemajuan perkapalan dan logistik sebagai usaha memenuhi keperluan import dan eksport.**"

Pencapaian serta perkembangan Jabatan Laut di dalam tempoh masa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini jelas menunjukkan bahawa kepimpinan baginda telah memberikan impak yang sangat signifikan kepada pertumbuhan pentadbiran jabatan. Bukan itu saja, perkembangan dan pencapaian jabatan dalam menjadi pentadbir maritim di Negara Brunei Darussalam dan melaksanakan konvensyen dan memorandum kerjasama di peringkat nasional dan serantau jelas mencerminkan komitmen jabatan dalam menyahut hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui perjanjian dan hubungan berbilang hala dan dua hala yang diinisiatifkan sendiri oleh Baginda Sultan di peringkat global dan serantau. Secara tidak langsung, perkembangan dan inisiatif-inisiatif yang telah diungkapkan oleh Jabatan Laut ini turut sama menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara dalam merealisasikan matlamat Wawasan Brunei 2035.

# **Bergerak maju ke arah lapangan terbang bertaraf dunia**

## **PENGENALAN**

**D** era masa kini, integrasi informasi dan kemajuan teknologi telah memberikan impak yang begitu luas kepada banyak bidang. Dalam hal ini, kepesatan yang diwujudkan bukan saja memberikan manfaat kepada pembangunan fizikal dan pengurusan sumber tenaga manusia, tetapi juga dalam hal pengangkutan awam merentas masa perjalanan serta sempadan geografi sama ada melalui daratan, lautan mahupun udara.

Di sepanjang tempoh 50 tahun di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam banyak perubahan dan peningkatan di dalam sektor penerbangan awam tidak terkecuali di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

## **JABATAN PENERBANGAN AWAM**

Selaku institusi kerajaan yang beroperasi di bawah Kementerian Perhubungan, Jabatan Penerbangan Awam bertanggungjawab terhadap hal ehwal penerbangan di Negara Brunei Darussalam termasuk



Oleh:  
**Jabatan Penerbangan Awam  
dengan kerjasama Meja  
Kandungan Khas, Bahagian Pelita  
Brunei, Jabatan Penerangan.**

dari segi keselamatan, kawalan dan keberkesanan operasi. Pada masa yang sama, ia juga bertanggungjawab dalam memantau pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei selaku gerbang masuk utama ke negara ini.

Dengan visi untuk menjadi 'World Class Civil Aviation', Jabatan Penerbangan Awam mempunyai misi untuk memastikan agar tahap keselamatan, sekuriti dan perkhidmatan penerbangan sentiasa berada pada tahap maksimum, di samping menyediakan persekitaran yang kondusif bagi kemajuan dan ekonomi negara berteraskan identiti kebruneian.

Bagi mencapai hasrat ini, terdapat tiga nilai utama yang mendasari sebarang perancangan dan pelaksanaan yang dijalankan. Nilai yang terangkum melalui konsep '3s, 2e dan 1i' ini meliputi beberapa aspek utama, iaitu Keselamatan, Sekuriti dan Perkhidmatan (Safety, Security and Service),





Ekonomi dan Alam Sekitar (Economy and Environment) dan Identiti atau Imej Negara Brunei Darussalam.

### PERKEMBANGAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI

Sejarah pengangkutan udara komersial di negara ini bermula pada tahun 1953 dengan penubuhan perkhidmatan udara domestik yang menghubungkan Bandar Seri Begawan dan Anduki di Daerah Belait. Dengan pembinaan landasan sejauh 3,000 kaki yang dapat menampung pendaratan dan pelepasan beberapa jenis pesawat utama, beberapa penerbangan ke Malaya dijalankan bagi kemudahan para penumpang daripada Sabah dan Sarawak seperti Labuan, Bandar Seri Begawan dan Anduki dan Lutong, Sarawak.

Dalam menampung perkembangan industri penerbangan awam di negara ini semakin meningkat pada tahun 1970-an, pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada tahun 1974 bagi menggantikan lapangan terbang lama yang kini dikenali sebagai Kompleks Bangunan-Bangunan Kerajaan, Lapangan

Terbang Antarabangsa Lama, Berakas.

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Julai 1974 dengan menelan perbelanjaan BND65.5 juta.

Bagi menampung peningkatan penumpang yang dianggarkan meningkat 1.5 juta dan dihasratkan untuk menampung keperluan pada tahun 2000. Pembinaan tambahan bahagian-bahagian utama ke atas Bangunan Induk Lapangan Terbang Antarabangsa telah menelan belanja lebih \$51 juta.

Dengan tambahan tersebut Bangunan Terminal memisahkan keluar masuk penumpang yang menggunakan lapangan terbang, iaitu urusan keluar atau bertolak di bahagian atas manakala urusan masuk atau ketibaan di bahagian bawah. Ini akan melancarkan lagi perkhidmatan yang diberikan kepada penumpang.

### PRASARANA TERKINI

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Ulang

Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-68 Tahun Bagi Tahun 2014: **“Projek meningkatkan infrastruktur pelabuhan dan memodenisasikan lapangan terbang yang sedang berjalan pada masa ini, akan membuka luas pengkomersialan perkhidmatan-perkhidmatan di bawahnya, bagi menjana lebih banyak lagi peluang perniagaan dan pekerjaan.”**

Projek Modenisasi Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dimulakan pada 8 November 2011 dengan menelan perbelanjaan lebih BND162 juta. Antara perubahan yang ketara dalam projek modenisasi tersebut iaitu bangunan terminal boleh menampung keperluan 3 juta penumpang jika dibandingkan sebelum ini sebanyak 1.5 juta sahaja, keluasan bangunan bertambah dari 34,468 kepada 54,551 meter persegi, kaunter *check-in* sebanyak 40 daripada 19 kaunter sahaja sebelum ini, jumlah keseluruhan kaunter imigresen bagi pelepasan ialah 14 dan ketibaan sebanyak 18 kaunter.



Projek ini juga termasuk penambahan 2 titisawat (aerobrigde) bagi menampung keperluan pesawat yang bersaiz besar dan jumlah peningkatan penggunaan titisawat dalam satu-satu masa. Ia bukan hanya tertumpu pada bangunan terminal sahaja, tetapi juga peningkatan kapasiti letak kereta berjumlah 1440 ruang letak kereta termasuk 300 letak kereta beratap. Tujuan projek ini adalah untuk memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan memberikan keselesaan kepada pengguna-pengguna terutama sekali para penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

### KEROHANIAN

Sepertimana hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan negara ini sebagai ‘Negara Zikir’ tidak ketinggalan juga terbinanya Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam. Projek pembinaan bermula pada 2 Januari 2014 dan siap sepenuhnya pada 26 Mac 2015. Surau berkenaan boleh menampung seramai 300 jemaah, memberi keselesaan dan kemudahan bagi para pengunjung untuk menunaikan ibadat.

Berkat kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia banyak menunjukkan pencapaian dan perkembangan dalam industri penerbangan awam yang boleh menjana ekonomi negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Perhubungan dan Jabatan Penerbangan Awam selaku institusi pelaksana akan sentiasa dan terus berusaha mencari pendekatan terkini seiring dengan peredaran masa serta teknologi terkini. Ini bertujuan untuk penambahbaikan dalam memberikan mutu perkhidmatan yang memuaskan tanpa menjejaskan perihal keselamatan (safety and security).

# Perkembangan Jabatan Perkhidmatan Pos

## PENGENALAN

**J**ABATAN Perkhidmatan Pos sebagai salah sebuah jabatan tertua di Negara Brunei Darussalam telah menjalani berbagai-bagai perubahan sejajar dengan kemajuan dunia semenjak ia ditubuhkan pada tahun 1906. Alhamdulillah, berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang tempoh 50 tahun pemerintahan, Jabatan Perkhidmatan Pos bukan saja telah banyak membuat perubahan ke atas dasar-dasar jabatan, malahan juga terhadap proses kerja dan jenis-jenis perkhidmatan yang ditawarkan kepada orang ramai. Ia bertujuan untuk mewujudkan perhubungan perkhidmatan mel yang menyeluruh di seluruh dunia untuk rakyat; untuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan pos untuk kemampanan ekonomi serta memudahkan pergerakan barangan dan perkhidmatan melalui pos.

## PRODUK DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN POS

Secara tradisi, perkhidmatan pos meliputi penghantaran surat, penjualan setem dan produk filatelik serta perkhidmatan-perkhidmatan mel berdaftar, mel udara /laut, paket kecil, bungkusan, peti surat persendirian, kiriman wang dan lain-lain. Semua produk dan perkhidmatan-perkhidmatan pos ini ditawarkan di semua cawangan pos seluruh negara.

Produk premium pertama yang diperkenalkan pada sekitar tahun 1980 ialah Express Mail Service (EMS) keluar negeri.



Oleh:  
**Jabatan Perkhidmatan Pos  
dengan kerjasama Meja  
Kandungan Khas, Bahagian Pelita  
Brunei, Jabatan Penerangan.**



EMS adalah perkhidmatan penghantaran benda pos yang cepat dan selamat keluar negeri sebanding dengan perkhidmatan *courier* seperti DHL, UPS, TNT dan lain-lain. JPP membuat pemantauan dan perancangan yang teliti bagi mengoptimumkan pengangkutan udara bagi memastikan perkhidmatan yang cekap dan boleh dipercayai. Pada masa tersebut, JPP hanya mempunyai perjanjian penghantaran EMS dua hala dengan empat buah negara, iaitu Hong Kong, Malaysia, Singapura dan United Kingdom.

Sebelumnya, hampir semua transaksi yang dibuat di JPP adalah secara manual. Untuk memenuhi keperluan pelanggan, JPP terus-menerus mempelbagaikan produk dan perkhidmatannya sejajar dengan perkembangan masa dan teknologi yang semakin canggih.

## PERKEMBANGAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN POS

### 1. Express Mail Service (EMS)

Mulai tahun 1989 sehingga sekarang, Jabatan Perkhidmatan Pos telah menandatangani perjanjian penghantaran EMS dua hala dengan 58 buah negara di antaranya Thailand, Japan, Maldives, Papua New Guinea, Taiwan, Bahrain, Austria, Luxembourg, France, Greece, Sweden, Egypt, Turkey dan United Arab Emirates. Dengan bertambahnya negara-negara destinasi EMS, keperluan pelanggan dapat dipertingkatkan. Pada masa ini, Jabatan Perkhidmatan Pos masih giat berusaha untuk menambah jumlah negara destinasi dengan membuat rundingan dengan negara-negara luar di bawah kawalan dan sokongan Kesatuan Pos Sedunia.

### 2. Pos Laju

Sekitar tahun 1990-an, jabatan telah memperkenalkan EMS tempatan yang



digelar 'Pos Laju'. Tujuan diadakan adalah bagi memberikan perkhidmatan penghantaran benda pos di dalam negeri yang cepat dan selamat. Bagi penghantaran sama daerah yang dipos sebelum jam 1.30 petang, penerima akan menerima benda pos tersebut pada hari yang sama. Walau bagaimanapun, bagi penghantaran antara daerah, waktu pengeposan hendaklah tidak lewat dari jam 10.00 pagi.

### 3. Perkhidmatan Agensi

Pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Pos telah memperkenalkan perkhidmatan agensi seperti perkhidmatan membaharui lesen memandu dan lesen kenderaan, bayaran bil elektrik, bil air dan bil telefon (JTB). Pada 21 Oktober 2009, perkhidmatan agensi bertambah dengan perkhidmatan bayaran bil DST dan bayaran bil Kristal-Astro. Perkhidmatan bayaran bil TelBru ditawarkan kepada orang ramai pada 2 November 2010 manakala perkhidmatan membaharui lesen TVRO bagi pihak AITI diperkenalkan pada 1 April 2014. Tujuan perkhidmatan agensi diperkenalkan adalah untuk menjadikan JPP sebagai *One Stop Agency* yang mana selain boleh melanggan produk dan perkhidmatan pos, orang ramai boleh juga menggunakan perkhidmatan agensi yang dinyatakan.

### 4. Kaunter Otomasi

Kaunter Otomasi yang digelar Postal Counter Automation System atau PCAS diperkenalkan pada 1 Jun 2007. Ia bertujuan untuk meningkatkan efisiensi perkhidmatan kaunter dan menghubungkan seluruh cawangan Pejabat Pos melalui sistem yang efisien. Penggunaan PCAS dapat menghasilkan kerja yang lebih teratur yang mana laporan harian jualan dan transaksi yang dibuat di semua cawangan dihantar



secara *online* ke Jabatan Perbendaharaan melalui sistem Electronic Payment Gateway (EPG).

## 5. Pusat Perkhidmatan Pelanggan

Pusat Perkhidmatan Pelanggan adalah bertanggungjawab untuk melayan pelbagai jenis pertanyaan pelanggan melalui perhubungan telefon, e-mel, sistem pertanyaan *online* atau melalui kaunter di Pusat Memproses Surat dan Bungkusan, Berakas. Selain itu, Pusat ini juga berfungsi untuk menyalurkan maklumat kepada pengendali-pengendali pos luar negeri mengenai status dan keadaan benda pos yang dikirim atau diterima. Dengan adanya Pusat tersebut, pelanggan boleh membuat

pertanyaan terus kepada Pusat berkenaan dan mendapat layanan yang cepat.

## 6. Door to Door Services

Door to Door Services bagi paket kecil, mel berdaftar dan bungkusan yang bebas cukai diperkenalkan pada 22 September 2016. Tujuan perkhidmatan ini diperkenalkan adalah bagi melancarkan dan melicinkan penyerahan benda-benda pos kepada orang ramai melalui penyerahan ke rumah-rumah. Selain itu, ia dapat mengurangkan kesesakan orang ramai yang berkunjung di kaunter penyerahan bungkusan di cawangan-cawangan pos serta memudahkan dan memberi keselesaan orang ramai menerima benda-benda pos mereka.

## 7. i-Post

Bagi memanfaatkan dan memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, i-Post diperkenalkan pada 1 Oktober 2016. Ia merupakan sistem informasi pos yang boleh dilayari dan diakses menggunakan telefon bimbit. i-Post adalah aplikasi dalam *playstore* yang boleh dimuat turun oleh pengguna Android. Di dalam aplikasi ini terdapat semua maklumat penting seperti lokasi cawangan, kadar bayaran, sistem kesan dan jejak, poskod dan perkhidmatan-perkhidmatan pos yang ditawarkan.

## 8. AR Web Listing

Selain daripada itu, JPP juga memperkenalkan perkhidmatan AR Web Listing. Perkhidmatan ini mengandungi maklumat keberadaan benda pos orang ramai dengan melayari laman web JPP. Dengan kemudahan ini, orang ramai dapat



mengetahui sama ada benda pos mereka sudah sedia untuk dikutip atau sebaliknya.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Perhubungan dan Jabatan Perkhidmatan Pos akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi menaik taraf produk dan perkhidmatan pos bagi memastikan ia sentiasa dikawal selia, cekap dan berkualiti. Alhamdulillah, segala pencapaian yang diraih adalah berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai seorang Raja yang sangat

bijaksana dan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat dan negara ini.

Jabatan Perkhidmatan Pos akan terus berusaha dalam meningkatkan dan memperkembangkan industri pos sama ada di peringkat kebangsaan atau di arena antarabangsa dengan menyelaraskan Pelan Strategik Kementerian Perhubungan 2017-2020 dan Pelan Strategik Istanbul Kesatuan Pos Sedunia (UPU) Congress 2016-2020 menjadi Pelan Strategi Perkhidmatan Pos 2017-2020.

Pelan Strategi Perkhidmatan Pos 2017-2022 mengutamakan 6 strategi utama iaitu:

1. Merapatkan jurang defisit dengan meningkatkan hasil pendapatan dengan memaksimumkan penggunaan aset dan kepelbagaian perkhidmatan atau produk;

2. Menerokai bisnes dalam perkongsian iaitu melalui program Public-Private Partnership yang akan membantu penghasilan pendapatan yang progresif dan mengawal perbelanjaan perniagaan;

3. Menyakinkan pelanggan dengan memberikan perkhidmatan pos yang efisien dan dipercayai mengikut kehendak dan keperluan pelanggan;

4. Memberikan kadar pos yang lebih kompetitif (Cost-based Tariff);

5. Meningkatkan keupayaan dan kecemerlangan operasi supaya lebih efisien, teratur dan bersistematik;

6. Melahirkan sumber tenaga kerja yang kompeten dan berkemahiran;

Dalam merealisasikan aspirasi atau visi jabatan, iaitu 'Perkhidmatan Pos adalah penyedia perkhidmatan yang mampan dan pilihan utama pelanggan dalam perkhidmatan logistik dan komunikasi menjelang tahun 2022', pelbagai inisiatif dan program telah disusun atur mengikut keutamaan seperti cadangan projek-projek dalam penghasilan pendapatan dan program-program dalam pengawalan perbelanjaan supaya lebih berhemah.

## Ke arah menjamin pembangunan mampan

**S**ECARA global, perancangan bandar (town planning) diwujudkan bagi menjamin kesihatan dan keselamatan persekitaran di mana pada suatu ketika dulu tanpa perancangan bandar, kehidupan, alam persekitaran dan alam bina di bandar raya-bandar raya utama dunia adalah tidak terurus, tidak terkawal dan *unhygienic*. Dengan itu perancangan bandar dan desa dijadikan medium untuk mengurus kawasan-kawasan perbandaran dan desa serta mengawal kemajuan.

Di Negara Brunei Darussalam, dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perancang Bandar dan Desa secara rasminya ditubuhkan pada tahun 1972. Pada ketika itu penekanan adalah keperluan untuk menangani isu kemajuan berjanjar (ribbon development) di mana penyediaan pelan-pelan perancangan



Oleh:  
**Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan.**

adalah pada skala kecil dan agak terhad.

Penubuhan Jabatan Perancang Bandar dan Desa diperkukuhkan dengan penggubalan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) 1972 yang dikuatkuasakan pada 19 September 1972. Akta tersebut memperuntukkan fungsi kawalan kemajuan, penguatkuasaan dan penyediaan skim-skim perancangan yang dihadkan kepada kawasan-kawasan yang diisytiharkan dan digelar sebagai Kawasan-Kawasan Kawalan Kemajuan (Development Control Area) yang pada ketika itu hanya tertumpu di sepanjang jalan-jalan utama dan meliputi lebih kurang 3 peratus dari keluasan Negara Brunei Darussalam.

Lebih kurang 15 tahun setelah penubuhannya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya menyediakan satu pelan guna tanah komprehensif yang menjadi rangka kerja dan asas rujukan bagi pembangunan fizikal negara. Pelan yang dimaksudkan adalah Pelan Induk Negara Brunei Darussalam 1987-2005 (Negara Brunei Darussalam Master Plan 1987-2005) yang antara lain telah menggariskan penggunaan zon-zon perancangan (zoning), pengenalpastian kawasan-kawasan penempatan baru yang digelar sebagai *Integrated Development Area (IDA)*, pengenalpastian kawasan-kawasan penjana ekonomi negara untuk tujuan kemajuan industri, perniagaan dan pertanian, pengenalpastian ruang atau koridor bagi meningkatkan perhubungan melalui rangkaian jalan raya utama dan sekunder, dan pengenalpastian kawasan-

kawasan pemuliharaan, perlindungan, hutan simpan dan kawasan-kawasan tadahan air bagi mempertahankan khazanah hutan semula jadi negara untuk kepentingan generasi sekarang dan masa akan datang.

Banyak dari cadangan-cadangan utama Pelan Induk tersebut telah terhasil. Ini termasuklah pelaksanaan infrastruktur perhubungan jalan raya/lebuhraya utama, penempatan baru kawasan-kawasan perumahan baharu yang sekarang dikenali sebagai Rancangan Perumahan Negara (RPN) seperti Lambak Kanan, Rimba, Mentiri dan Katok, dan pemajuan kawasan-kawasan industri seperti di Serasa, Kapok, Sungai Liang, Sungai Duhon, Serambangun dan sebagainya.

Dengan wawasan 'persekitaran kondusif untuk gaya hidup yang seimbang' bagi menjamin pembangunan mampan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah sekali lagi berjaya menghasilkan Pelan


**Bagi tempoh sehingga 2025 dan seterusnya, Pelan Induk kedua ini telah digarap bagi memastikan kesinambungan dalam mempertahankan khazanah hutan semula jadi dan landskap berkepentingan negara, menyarankan kemajuan ditumpukan dalam kawasan yang digelar urban footprint sahaja yang antara lain bertujuan untuk mengawal penularan bandar (urban sprawl) dengan mengenal pasti pusat-pusat pertumbuhan baharu, special investigation areas dan mengusulkan kemajuan yang lebih mampat (compact).**

Induk kedua yang digelar Pelan Induk Guna Tanah Negara 2006-2025 (National Land Use Master Plan 2006-2025) yang merupakan review atau kajian semula Pelan Induk pertama yang telah tamat tempohnya pada tahun 2005.

Bagi tempoh sehingga 2025 dan seterusnya, Pelan Induk kedua ini telah digarap bagi memastikan kesinambungan dalam mempertahankan khazanah hutan semula jadi dan landskap berkepentingan negara, menyarankan kemajuan ditumpukan dalam kawasan yang digelar *urban footprint* sahaja yang antara lain bertujuan untuk mengawal penularan bandar (urban sprawl) dengan mengenal pasti pusat-pusat pertumbuhan baharu, *special investigation areas* dan mengusulkan kemajuan yang lebih mampat (compact). Ini juga dapat mengoptimalkan penggunaan tanah dengan mengusulkan strategi pembangunan fizikal negara demi mencapai pembangunan mampan.



National Land Use Master Plan 2006-2025 (NLUMP) adalah merupakan Pelan Induk kedua yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Pelan tersebut memastikan tanah yang mencukupi disediakan untuk memenuhi keperluan sosioekonomi dan alam sekitar negara sepanjang tempoh rancangan.



National Land Use Master Plan 2006-2025 (NLUMP) adalah merupakan Pelan Induk kedua yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Pelan tersebut memastikan tanah yang mencukupi disediakan untuk memenuhi keperluan sosioekonomi dan alam sekitar negara sepanjang tempoh rancangan.



Strategi yang dimaksudkan termasuklah meningkatkan kepadatan tanah (densification), menggalakkan kemajuan sisipan (infill development) dan kemajuan menegak/tinggi (vertical development).

Seterusnya Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga telah menyediakan Pelan-Pelan Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong yang memperincikan dasar-dasar dan cadangan-cadangan Pelan Induk Guna Tanah Negara di peringkat daerah. Dari peringkat daerah, dasar-dasar dan strategi guna tanah diterjemahkan lagi secara terperinci di peringkat setempat dengan menyediakan Pelan-pelan Setempat (Local Plans) yang juga termasuk Skim-skim Perancangan (Planning Schemes) dan Pelan-pelan Kawasan Tindakan (Action Area Plans). Sehingga kini Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya menyediakan 24 pelan-pelan kemajuan (development plans) utama yang dijadikan rujukan bagi merancang guna tanah negara

dan melaksanakan kawalan kemajuan.

Pada tahun 2015, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, fungsi perancangan bandar dan desa telah dimantapkan lagi dengan penubuhan Majlis Perancangan Guna Tanah Kebangsaan (MPGK) atau National Land Use Planning Council di mana keahliannya terdiri dari beberapa Menteri-menteri Kabinet dan Setiausaha-setiausaha Tetap dari beberapa kementerian. Antara lain, Majlis tersebut berperanan untuk mengawal selia penyediaan pelan-pelan pembangunan, meluluskan dan membuat sokongan terhadap pelaksanaan rancangan-rancangan pelan mengikut keutamaan. Selain itu, Majlis juga berperanan untuk meneliti dasar dan perundangan perancangan bandar dan desa dan lain-lain perundangan yang berkaitan untuk dikemas kini/diselaraskan.

Dari segi perundangan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya

me-review Akta Perancangan Bandar dan Desa (Kawalan Kemajuan) 1972 dan seterusnya menyediakan Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2016 yang akan dikuatkuasakan dalam masa terdekat. Bagi mengukuhkan profesionalisme para Jururancang (Town Planner), Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah berjaya menggubal Town Planners Registration Order 2014 yang antara lain bertujuan untuk mengawal selia profesion Jururancang dalam hal pemberian perkhidmatan perancangan bandar dan desa. Bagi memantapkan pelaksanaan kawalan kemajuan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga telah berjaya menggubal Undang-undang Peraturan Iklan 2008 (Advertisement Regulations) yang antara lain menggariskan kawalan mempamerkan iklan semata-mata untuk menjamin keselamatan dan keindahan alam persekitaran. Namun sejak Mac 2016 pentadbiran dan pelaksanaan Peraturan Iklan ini telah pun diambil alih oleh Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) untuk tujuan penyelarasan.

Dalam hal kawalan kemajuan, di antara kejayaan utama ialah pengisytiharan pembesaran Kawasan Kawalan Kemajuan Pihak Berkuasa Yang Layak Kawalan Kemajuan (PBYLKK) dari 3 peratus kepada meliputi keseluruhan Negara Brunei Darussalam kecuali kawasan-kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Tutong dan Kuala Belait dan Seria pada 16 Februari 2010. Seterusnya dengan berkuat kuasanya Perintah Perancangan Bandar dan Desa 2016 nanti, keseluruhan Negara Brunei Darussalam akan diisytiharkan sebagai Kawasan Kawalan Kemajuan.

Bagi melaksanakan Kawalan Kemajuan secara berkesan, pada tahun 1996, Kementerian Pembangunan telah mengenalkan Orang Yang Layak

(Qualified Persons, QP) untuk melukis dan menghadapkan pelan-pelan bangunan bagi memastikan hanya mereka yang berkelayakan sahaja yang dapat berbuat demikian dan bertanggungjawab mengenainya. Bagi kemudahan rujukan pihak QP dan pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga telah menerbitkan buku-buku garis panduan perancangan yang menggariskan peraturan dan piawai (standards) tertentu dalam kemajuan perumahan, perniagaan dan industri khususnya. Setakat ini sebanyak 10 garis panduan perancangan telah diterbitkan dan diguna pakai sebagai rujukan.

Dalam meningkatkan pemberian perkhidmatan dan mendukung inisiatif pihak kerajaan untuk meningkatkan kedudukan negara dalam *Ease of Doing Business* (EoDB) khususnya *Dealing With Construction Permit* (DWCP), Jabatan Perancang Bandar dan Desa telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan kepada proses dan prosedur mengeluarkan Kebenaran Perancangan bagi permohonan bangunan dan terkini mewujudkan kemudahan menghadapkan permohonan secara atas talian (online).

Melalui rangka kerja guna tanah fizikal negara yang komprehensif ini, yang telah dan dengan mengambil kira hakikat bahawa tanah adalah sumber yang terhad dan *finite*, serta keluasan tanah yang dapat dimajukan dengan mudah (easily developable) di Negara Brunei Darussalam semakin berkurangan, insyaaAllah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan masih dapat memenuhi kehendak pembangunan semasa dan menyeimbangkannya dengan keperluan pemuliharaan dan perlindungan untuk generasi masa akan datang bagi menjamin pembangunan mampan.



Pelan-Pelan Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong adalah dokumen yang menterjemahkan strategi dan dasar-dasar perancangan yang terdapat dalam Pelan Induk ke peringkat daerah.

# Kecemerlangan dalam merintis era pembangunan negara

## SEJARAH PENGUKURAN

**P**ENGUKURAN dan pemetaan Negara Brunei Darussalam berasaskan Rangkaian Penigasudutan (Brunei Tringulation 1948, BT48) yang dilaksanakan oleh Directorate of Colonial Survey' menggunakan Stesen Timbalai, di Pulau Labuan sebagai *origin* dan menggunakan hamparan Rectified Skew Orthromorphic (RSO) yang mana *projection* kedudukan koordinat keseluruhan negara antara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 2009, Jabatan Ukur telah melaksanakan satu projek mengukur semula kedudukan sebahagian stesen BT48 yang ada termasuk rangkaian stesen di Negeri Sarawak menggunakan kaedah pengukuran berasaskan satelit. Projek ini menghasilkan tujuh (7) parameter transformasi untuk dijadikan asas pengukuran dan pemetaan yang baharu. Datum Geosentrik dinamakan 'Geocentric Datum Brunei Darussalam 2009' atau GDBD2009 dengan hamparan berasaskan RSO Geosentrik (GRSO). Pemandangan sepenuhnya dijangka siap menjelang tahun 2035.

GDBD2009 dikaitkan dengan pengukuran yang berasaskan kepada lapan (8) buah Continuously Operating Reference Station (CORS) sebagai stesen rujukan yang mana beroperasi selama 24 jam untuk mendapatkan koordinat dengan cepat, tepat dan berkualiti, di mana sahaja dengan melibatkan kerja rintisan hutan yang minimum.

## PENCAPAIAN PENGGUNAAN ALAT PENGUKURAN



Oleh:  
**Jabatan Ukur, Kementerian  
Pembangunan dengan kerjasama  
Meja Kandungan Khas, Bahagian  
Pelita Brunei, Jabatan Penerangan**

Alat Pengukuran Ukur pada era sebelum 70-an adalah menggunakan alat ukur mekanikal seperti 'Theodolit Vernier', 'Theodolit Optik', 'Kompas Prismatik' bagi mengukur *bearing*, sudut pugak jarak dan rantai (100 meter) dan maklumat ukuran direkod secara manual ke dalam buku kerja luar. Proses data ukuran terutamanya untuk mendapatkan nilai *bearing*, jarak dan keluasan tanah pada ketika itu adalah dengan menggunakan mesin kira



seperti 'Bruns Viga' dan 'Curta di samping menggunakan Buku Sifir Trigonometri seperti 'Short Ridge', 'Bruns' dan 'Chambers'. Pada akhir 70-an, mesin kira 'Arithmetic' digunakan bagi menggantikan mesin kira mekanikal di mana semua hasil kira direkod di atas kertas serta dibukukan sebagai Jilid Kiraan. Maklumat daripada Jilid Kiraan ini digunakan untuk melukis Pelan Akui secara manual menggunakan peralatan mekanikal.

Kerja-kerja ukur kadastral dengan menggunakan alat mengukur jarak secara elektronik iaitu 'Electronic Distance Measurement' (EDM) bermula pada awal 80-an bagi menggantikan alat ukur rantai. Dengan perubahan teknologi canggih, penggunaan alat 'Total Station' pada akhir 80-an, pengukuran *bearing* dan jarak diperolehi tanpa memerlukan rantai serta maklumat cerapan disimpan dalam bentuk digital. Data cerapan direkod dan dihitung secara manual ke dalam buku kerja luar dengan menggunakan mesin kira elektronik menggunakan program khusus bagi memproses data ukuran.

Perkembangan pesat teknologi dalam era tahun 90-an, kaedah pengukuran semakin canggih yang mana alat-alat 'Total Station' dengan perisian baharu yang boleh dimuat turun di komputer. Jabatan telah berusaha dan berjaya melaksanakan konsep sistem pengukuran 'Field-To-Finish' (F2F). F2F adalah sistem kerja ukuran hak milik yang diautomasikan secara bersepadu sehingga ke pengeluaran produk akhir tanpa melibatkan banyak proses ulangan dalam peringkat kerja. Tiga komponen utama F2F ialah Sistem Ukur Total Station, Sistem Automasi dan Sistem Pengurusan Data Kadaster. Pada tahun 2000 sehingga sekarang, pengukuran menggunakan kaedah F2F telah membuat perubahan, perbaikan dan mempermudah proses pengurusan sistem pengukuran jabatan bagi menepati Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR).

Dengan teknologi dan kemudahan yang canggih diperolehi daripada Rancangan Kemajuan Negara, jabatan dapat membantu negara dalam mereliasikan kemajuan sistem pengukuran yang

sebanding dengan negara jiran.

### **PENJUALAN PRODUK JABATAN UKUR KEPADA ORANG RAMAI**

Pada tahun 1967, Jabatan Ukur menghasilkan peta berskala 1/125,000 bagi kawasan Bandar Brunei untuk keperluan jabatan dan untuk dijual kepada orang ramai. Pelan ukur skala 1/2500 dan 1/1250 (Natural Scale) telah dihasilkan pada tahun 1971 bagi menggantikan petaskala 4 rantai 1 inci (Imperial Scale). Unit Fotogrammetri juga telah ditubuhkan dan bertanggungjawab bagi menghasilkan peta asas.

Pada awal tahun 1977, peta berwarna yang pertama telah dicetak dan diterbitkan di Negara Brunei Darussalam dengan hasil yang memuaskan. Jabatan dengan kerjasama Brunei Shell Petroleum (BSP), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Syarikat Brunei Press telah menghasilkan Buku Street Directory pada tahun 1994, 2008 dan 2014.

Pada tahun 2008, pertama kali jabatan dengan Ahli Jawatankuasa Bertindak Sempadan Mukim dan Kampung yang mana kedudukan persempadanan telah dipersetujui dan berjaya menghasilkan Buku Panduan Sempadan Mukim dan Kampung bagi Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait, Daerah Temburong, kawasan Perbandaran Bandar Seri Begawan dan dilaratkan ke kawasan Perbandaran Seria/Belait pada tahun 2012.

### **PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN JABATAN UKUR**

Perkembangan tenaga manusia sejak tahun 1952, seramai 20 kakitangan sahaja yang berkemahiran dalam pengukuran kadastral. Pada tahun 1976, Bahagian Ukur Kawal ditubuhkan bagi membantu dalam pengukuran dan penyediaan koordinat



asas negara. Dalam tahun 80-an, era teknologi berkembang dengan pesatnya dan jabatan telah mengambil inisiatif dalam perkembangan teknologi dan tenaga manusia untuk melahirkan pekerja-pekerja yang cekap, berkemahiran dan berkebolehan dalam bidang penggunaan alat pengukuran secara digital dan perisian yang dimuat turun aplikasi di komputer bagi menyelaraskan keperluan jabatan.

Pada tahun 90-an Jabatan Ukur mula memberi sokongan dalam meningkatkan pembangunan kapasiti pegawai dan kakitangannya di dalam bidang Pengukuran, Pemetaan dan juga berkaitan dengan Astronomi (Ilmu Alam), Hidrografi dan Teknologi Geospasial melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP), kursus-kursus, seminar, bengkel di dalam dan luar negara. Sejauh ini Jabatan Ukur telah memiliki pegawai yang berkelulusan Doktor Falasafah (Ph.D), Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda mahupun di peringkat Diploma dengan bantuan dan sokongan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Peningkatan pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur yang berkemahiran telah banyak menyumbang kepada peningkatan hasil yang berkualiti tinggi serta mempercepatkan kerja-kerja pengukuran tanah dan pemetaan.

Pada tahun 2000, penggunaan Global

Positioning System (GPS) diperluaskan lagi dengan pemasangan Continuously Operating Reference Station (CORS), Light Detection and Ranging (LiDAR) dan F2F yang mana kaedah penggunaan teknologi baharu ini menyumbang kepada memperbaiki dan mempercepatkan kerja-kerja pengukuran dan pemetaan. Kemajuan teknologi ini mampu mengubah bentuk pemikiran, ideologi bagi menggubal atau mengubah tatacara atau proses kerja yang tidak lagi praktikal mengikut peredaran masa.

Pada era tahun 2010, aplikasi secara *online* seperti perkhidmatan 'Geoportal' dan permohonan penomboran rumah mula diperkenalkan.

Jabatan ini sentiasa bergerak maju seiring dengan peredaran semasa dan perkembangan teknologi untuk mampu berdaya saing dengan agensi lain bagi sama-sama mendukung Wawasan Negara 2035. Kaedah pengukuran tanah yang dulunya dilakukan secara konvensional pada masa ini telah berkembang dengan pengenalan kaedah F2F yang mana kaedah pengukuran di lapangan dan maklumat direkod secara digital dengan mudah dan cepat.

Jabatan ini aktif dalam penglibatan dan menguruskan ahli jawatankuasa dilantik bersama agensi kerajaan bagi:

Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi (JKNG) - Penamaan ilmu alam dan geografi;

Jawatankuasa Bertindak (Taskforce) Sempadan Mukim dan Kampung (TFSMK) - Penentuan sempadan mukim dan kampung serta perbandaran;

Jawatankuasa Salimbada - Membantu penyediaan koordinat peta;

Jawatankuasa Kebangsaan Bencana Alam (NDMC) - Penyediaan maklumat pemetaan untuk Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

Jabatan ini juga aktif dalam menghadiri seminar, simposium, kursus, mesyuarat dan forum bersama pertubuhan-pertubuhan luar negeri yang mana Juruukur Agung menjadi Ahli Profesional Tetap:

- UNGEGN (United Nations Group of Experts on Geographical Names) SCOSA (Sub-Committee on Space Technology and Applications) FIG (International Federation of Surveyors).

- AFLAG (The ASEAN Federation on Land Surveying and Geomatics).

- PCGIAP (Permanent Committee on GIS Infrastructure for Asia and the Pacific).

- UN-GGIM (United Nation on Global Geospatial Information Management).

- APRSAF (Asia-Pacific Regional Space Agency Forum).

- ISPRS (International Society of Photogrammetry and Remote Sensing).

- IHO (International Hydrographic Organization).

- EAHC (East Asia Hydrographic Commission).

- UKHO (United Kingdom Hydrography Office).

Antara tujuan keahlian profesional ini adalah untuk berkongsi maklumat dan mempelajari kaedah terbaik yang berkaitan dengan geomatik yang diamalkan oleh pertubuhan luar negara. Jabatan Ukur mendapat pengiktirafan daripada IHO bagi pembuatan carta navigasi.

Dengan penglibatan jabatan dengan ASEAN-COST (SCOSA), Jabatan Ukur mendapat bantuan dari segi pengetahuan dalam penggunaan imej satelit.

### **KEJAYAAN**

Jabatan Ukur juga bergiat aktif ikut serta dalam penglibatan seperti Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) dan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC).

Jabatan Ukur merupakan Jabatan Kerajaan yang pertama dipersijilkan

dengan pengurusan International Standard for Standardisation (ISO).

Jabatan Ukur pertama kali menyertai ACPA pada tahun 1996, dengan tajuk projek 'Sistem Informasi Kampung Ayer (SIKA)' dan diikuti pada tahun 1997, Jabatan Ukur menyertai dengan tajuk projek 'PPT 2000'. Pada tahun 1998, jabatan telah berjaya mendapat Anugerah Perak dengan tajuk 'Berusaha Ke arah Kecemerlangan' melalui Sistem ISO.

Pada 17 September 2012, projek 'Survey Spatial Data Infrastructure' telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan dianugerahkan 'Asia Geospatial Excellence Awards for Innovation' dalam Kategori Ukur dan Pemetaan semasa Forum Asia Geospatial 2012 di Hanoi, Viet Nam. Penyertaan jabatan dalam ACPA pada tahun 2015, telah mendapat Anugerah Emas dengan projek 'Survey Spatial Data Infrastructure' dengan matlamat bagi menyediakan infrastruktur perkongsian maklumat geospatial untuk pembangunan dan kemajuan negara kepada agensi-agensi kerajaan, swasta dan orang awam.

Sejak kaedah KKC diperkenalkan pada tahun 2001, Jabatan Ukur giat menyertai Konvensyen KKC dengan menampilkan pelbagai projek bagi memperbaiki dan meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan. Jabatan ini secara konsisten berjaya mewakili Kementerian Pembangunan di dalam konvensyen peringkat kebangsaan dan telah menerima Anugerah Khas KKC.

### KESIMPULAN

Jabatan Ukur dalam melaksanakan kerja-kerja geomatik telah berjaya mencapai hasrat dengan menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam membangunkan negara. Dengan perkembangan bidang geomatik, ia menyumbang kepada Rancangan Kemajuan Negara bukan sahaja berbentuk prasarana tetapi juga persiapan sumber tenaga manusia dengan penuh kepakaran dan profesionalisme yang akan menjadi jentera penggeraknya. Pencapaian ini mampu membantu mendukung objektif Wawasan 2035.



# Perkembangan pembangunan infrastruktur negara

SIRI I

## PENDAHULUAN

**P**ADA tahun ini, genaplah sudah 50 tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memegang tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula menerajui takhta pada tahun 1967.

Di sepanjang Kebawah Duli Yang Maha Mulia memegang tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1967 pelbagai perkembangan, kemajuan telah dicapai dan dinikmati dan perkara ini bukan sahaja terbatas kepada perkembangan perhubungan dan penyertaan negara pada peringkat antarabangsa malah diikuti dengan perkembangan serta kemajuan pembangunan di dalam negara sama ada dari segi pendidikan, kesihatan,



Oleh:  
**Jabatan Kerja Raya,  
 Kementerian Pembangunan  
 dengan kerjasama Meja Kandungan  
 Khas, Bahagian Pelita Brunei,  
 Jabatan Penerangan**

keselamatan, pembangunan institusi, pembangunan perniagaan tempatan, pembangunan infrastruktur dan jaminan sosial.

Proses pembangunan Negara Brunei Darussalam sememangnya dapat dilihat dengan menyaksikan rakyat dan penduduk di negara ini dapat menikmati taraf hidup yang tinggi dan kualiti kehidupan yang sebanding dengan negara-negara maju di dunia.

Kesemua kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai ini telah dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang dipertanggungjawabkan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR)





dipertanggungjawabkan untuk merancang dalam pembangunan infrastruktur negara bagi penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, rangkaian jalan raya, rawatan kumbahan, sistem saliran, sistem pembetulan dan pembinaan bangunan-bangunan seperti masjid, sekolah, pusat kesihatan, pejabat-pejabat kerajaan, kompleks sukan, pusat penerbangan, pusat pelabuhan dan sebagainya.

Pembangunan dan penyediaan kemudahan-kemudahan seperti ini tentunya adalah penting dalam menjaga kesejahteraan dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Selain itu, JKR juga berperanan dalam membantu kementerian-kementerian yang lain untuk merealisasikan pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan-bangunan dan kerja-kerja awam yang lain dalam perancangan dan pelaksanaan prasarana agama, pendidikan, kesihatan, sosial dan kebajikan melalui perancangan-

perancangan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) seperti yang terkandung di dalam petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia (RKN Ke-5 1986 - 1990):

**“RKN yang Ke-5 1986 sehingga 1990 ini disediakan bukan sahaja bagi memenuhi keperluan untuk lima tahun yang akan datang tetapi juga membuat persediaan jangka panjang sehingga tahun 2005. Seperti juga Rancangan-Rancangan Kemajuan Negara lima tahun yang lalu, hasrat kita ialah untuk menyediakan berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bagi kesempurnaan hidup seluruh rakyat serta penduduk negara ini, di samping memperkukuhkan lagi kemajuan ekonomi dan sosial negara.”**

Sehubungan itu, dapatlah dilihat di sini bahawa terdapatnya perkembangan infrastruktur negara yang amat jelas sejak Kebawah Duli Yang Maha Mulia memegang tampuk-tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967. Akan

tetapi setiap pelaksanaan projek-projek infrastruktur ini hanyalah dilaksanakan menurut keutamaannya seperti yang terkandung di dalam petikan titah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (15 Julai 1989):

**“Mengenai dengan projek-projek infrastruktur, kerajaan beta telah dapat melaksanakan sebahagian besar dari projek-projek yang telah dikenal pasti di dalam RKN Ke-5, khasnya yang melibatkan kemudahan-kemudahan awam dan termasuklah juga Rancangan Kemajuan Perumahan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa juga meneliti rancangan-rancangan yang dicadangkan itu dari masa ke masa dan hanya akan melaksanakan sesuatu rancangan itu menurut keutamaannya.”**

Antara kemajuan dan perkembangan infrastruktur yang sudah dan sedang dalam pelaksanaan sejak tahun 1967 boleh dilihat

dari tiga aspek, iaitu jalan raya, bekalan air dan sistem saliran bagi pengawalan banjir.

## JALAN RAYA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat mengambil berat terhadap kemudahan rangkaian jalan raya di seluruh kawasan di negara ini. Dalam hal ini, rangkaian jalan raya sepanjang 3,049 kilometer, yang telah diaspal, telah dapat diusahakan yang mana telah meningkatkan hubungan antara daerah-daerah dan antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar termasuk di kawasan pedalaman. Di Daerah Brunei dan Muara sepanjang 1,697 km telah dibina, 678 km di Daerah Belait, 535 km di Daerah Tutong dan 139 km di Daerah Temburong.

Selain itu, bagi memastikan keselesaan rakyat yang berterusan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas, pembangunan dari segi kerja-kerja menaik taraf jalan raya serta memulihara jalan-jalan raya yang sudah ada telah dilaksanakan dari semasa ke semasa di kawasan-kawasan yang tertentu seperti pelebaran jalan kepada dua hala, pelebaran jalan dua hala kepada empat hala serta melakukan kerja-kerja menurap semula jalan-jalan raya yang ada termasuklah di kawasan pedalaman seperti Jalan Sukang dan Melilas.

Bagi mengurangkan lagi kesesakan lalu lintas pembinaan jambatan yang kini berjumlah 22 buah secara keseluruhan telah dibina di persimpangan yang sesak seperti di kawasan Lebuhraya Sultan Hassanali Bolkiah, Lebuhraya Tungku, Berakas, Meragang, Jalan Utama Mentiri, Jalan Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Telanai dan Jalan Babu Raja. Manakala sejumlah 30 buah pusing keliling utama, tiga buah pusing keliling berlampu isyarat dan sebuah laluan terowong bawah tanah telah dibina bagi mengurangkan isu kesesakan lalu lintas.

**“Mengenai dengan projek-projek infrastruktur, kerajaan beta telah dapat melaksanakan sebahagian besar dari projek-projek yang telah dikenal pasti di dalam RKN Ke-5, khasnya yang melibatkan kemudahan-kemudahan awam dan termasuklah juga Rancangan Kemajuan Perumahan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa juga meneliti rancangan-rancangan yang dicadangkan itu dari masa ke masa dan hanya akan melaksanakan sesuatu rancangan itu menurut keutamaannya.”**

**“Sebagai usaha kerajaan dalam pembangunan negara yang lebih menyeluruh, satu berita baik, setelah selesainya kajian feasibility, kerajaan beta sekarang ini sedang merancang dengan terperinci bagi pembinaan sebuah jambatan yang akan menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara.”**

Selain daripada menyelesaikan isu kesesakan lalu lintas, hal-hal keselamatan jalan raya juga turut tidak dilupakan, di mana sekitar 19 buah jejantas telah dibina bagi pejalan kaki seperti jejantas di kawasan sekolah.

Di samping itu, pembinaan jambatan berjumlah 279 buah secara keseluruhan turut dibina di keempat-empat daerah bagi memudahkan penduduk di negara ini dan salah satu projek besar yang menjadi mercu tanda dalam 50 tahun pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun ini adalah projek Jambatan Penghubung dari Sungai Kebun ke Jalan Residency.

Projek ini, yang menelan belanja sebanyak \$140 juta atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah RKN Ke-10, mula dilaksanakan pada tahun 2013 dan dijangka siap pada tahun 2017. Dengan siapnya projek jambatan sepanjang 607 meter ini nanti, ia akan dapat menghubungkan Mukim Lumapas dengan Bandar Seri Begawan dan secara tidak langsung akan dapat mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Bengkurong Masin dan Jalan Tutong.

Satu lagi kemajuan dalam infrastruktur jalan raya akan dapat disaksikan dengan

terbinanya jambatan penghubung di antara Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong yang dikenali sebagai Projek Pembinaan Jambatan Temburong. Pelaksanaan projek ini telah mendapat kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2012 seperti yang terkandung di dalam petikan titah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66 Tahun (2012):

**“Sebagai usaha kerajaan dalam pembangunan negara yang lebih menyeluruh, satu berita baik, setelah selesainya kajian feasibility, kerajaan beta sekarang ini sedang merancang dengan terperinci bagi pembinaan sebuah jambatan yang akan menghubungkan Daerah Temburong dengan Daerah Brunei dan Muara.”**

Dengan terbinanya nanti jambatan penghubung sejauh 26 km tentunya akan membuka peluang untuk pembinaan lebih banyak prasarana, projek-projek pembangunan, penempatan institusi pendidikan serta peningkatan dari sektor pelancongan, yang boleh dinikmati sama oleh penduduk Daerah Temburong. Projek ini yang menjadi penghubung kepada Jalan Kota Batu dengan Jalan Labu Estate di Daerah Temburong ini dijangka siap pada tahun 2019.

Projek Pembinaan Jambatan Temburong ini merupakan satu projek terpenting dan dilihat sebagai langkah pemodenan Brunei secara besar-besaran seperti yang terkandung dalam petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016. Melalui pelaksanaan projek tersebut dapat dilihat betapa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil berat, prihatin serta memedulikan keperluan rakyat dan penduduk di negara ini.

## Perkembangan pembangunan infrastruktur negara

SIRI II

### BEKALAN AIR

**S**ELAIN daripada pembangunan rangkaian jalan raya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga amat prihatin dengan sumber-sumber asas seperti bekalan air, demi kesejahteraan rakyat dan penduduk. Keprihatinan Kebawah Duli mengenai pentingnya bekalan air bersih dan mencukupi dapatlah dilihat melalui petikan titah sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (15 Julai 1991):

**“Demikian juga kerajaan beta sentiasa menyedari akan keperluan dan hajat rakyat**



Oleh:  
Jabatan Kerja Raya, Kementerian  
Pembangunan dengan kerjasama  
Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan

**terhadap bekalan air. Maka untuk itu satu skim Perbekalan Air telah pun disediakan. Dan sebahagian daripadanya telah pun dan mula beroperasi pada tahun 1991 ini. Projek ini termasuklah pembinaan Loji Penapisan Air di Bukit Barun dan pemasangan talian paip air baru dari Bukit Barun ke kawasan bandar”**

Kerajaan Kebawah Duli sejak dari tahun 1900-an lagi sudah mengambil berat akan kepentingan sumber bekalan air bersih



untuk keperluan rakyat. Sehubungan itu sebuah empangan konkrit telah dibina di puncak Air Terjun di Tasek Lama pada tahun 1926 bagi menyalurkan bekalan air ke Bandar Brunei. Pada tahun 1937-1947 projek bagi meningkatkan sistem bekalan air terus dilaksanakan dan dilaratkan ke kawasan-kawasan lain sekitar Bandar Brunei, Pekan Belait, Pekan Seria, Pekan Tutong, kawasan Muara dan Lumapas bagi menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat.

Bagi memenuhi keperluan bekalan air yang semakin bertambah, pada tahun 1967 sebuah lagi empangan telah dibina di Sungai Kianggeh dan dipam ke Empangan Air Tasek, memberikan tambahan kapasiti pengeluaran.

Kerja-kerja pembekalan air bersih, terjamin dan mencukupi telah dipertingkatkan lagi, dengan peningkatan kapasiti takungan air mentah melalui pembinaan empangan di Ulu Tutong, Sungai Kargu dan Mengkubau.

Bagi memastikan bekalan air bersih adalah sentiasa mencukupi, selaras dengan keperluan penduduk dan kemajuan negara ini, kapasiti loji rawatan air juga



turut dipertingkatkan. Peningkatan loji-loji rawatan air di Bukit Barun, Mengkubau dan Seria telah dilaksanakan di samping



pembinaan loji-loji rawatan air baru Agis-Agis Sungai Liang dan Batang Duri Temburong.

Kerajaan baginda juga menambah baik rangkaian sistem bekalan air seluruh negara melalui projek pemasangan paip air utama dari Bukit Barun ke Terunjing-Muara dan dari Seria ke Kuala Belait-Sungai Teraban. Pada hari ini hampir 100 peratus penduduk negara ini telah dibekalkan dengan air bersih dan selamat yang setentunya memenuhi piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

### SISTEM SALIRAN AIR PEMBETUNGAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengambil berat akan isu banjir yang sering melanda negara terutama di kawasan-kawasan yang rendah dengan melaksanakan projek-projek pencegahan banjir dan kerja-kerja pengaliran sungai.

Salah satu kemajuan yang telah dicapai sejak Kebawah Duli menerajui takhta ialah dengan perlaksanaan projek kerja-kerja saliran Sungai Kedayan Fasa 5 yang telah siap dilaksanakan bagi mengawal kejadian banjir. Projek berkenaan dibina untuk memperbaiki pengaliran Sungai Kedayan, di samping memperbaiki tebing sungai yang berdekatan dengan kawasan Kampung Menglait serta Kampung Kiarong. Projek pengaliran air ini bukan sahaja mengawal isu banjir malahan ia juga mewujudkan persekitaran yang lebih baik dan meningkatkan kapasiti aliran.

Selain itu, projek pembinaan kolam-kolam tadahan juga telah diusahakan bagi mengurangkan kejadian banjir di kawasan rendah, termasuklah pembinaan stesen-stesen pam, pembinaan dan pembesaran sungai-sungai dan longkang. Kini 55 peratus kawasan-kawasan yang mudah dilanda banjir telah berjaya diatasi, antara kawasan-kawasan yang tidak lagi

mengalami masalah banjir ialah Kampung Burung Pingai Berakas, Kampung Sg Tilong, Kg Sg Hanching, Kg Kiarong, Kg Salambigar, kawasan Ban-Mulaut, Tanjong Bunut, Mata-Mata, Tanjong Maya, Rataie, Bokok dan sebagainya.

Sementara itu pembinaan sistem pembetulan juga tidak pernah dilupakan bagi kesejahteraan rakyat. Sistem pembetulan pertama negara dibina di kawasan Brunei Shell Panaga di Daerah Belait pada tahun 1950-an. Kemudian pada tahun 1960-an ianya dilaratkan ke kawasan Bandar Brunei dan Loji Rawatan Kumbahan dibina dan beroperasi di Pintu Malim.

Sistem pembetulan vakum yang pertama telah siap dibina pada tahun 1994-1998 dan digunakan di Kampong Ayer di kampung penempatan semula Bolkiah A, diikuti oleh sistem-sistem pembetulan yang serupa di kampung penempatan semula Bolkiah B pada 1996 dan Sungai Bunga pada 1998. Kini kawasan tadahan sistem-sistem pembetulan di Brunei Darussalam berkembang luas sehingga 40 peratus penduduknya disediakan sistem pembetulan sementara kawasan-kawasan diluarnya, 54 peratus penduduknya menggunakan rangka-tangi septik.

### KESIMPULAN

Kesemua kemajuan dan pembangunan yang dicapai ini juga berkat adanya kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang banyak memainkan peranan begitu signifikan dan prihatin kepada negara, rakyat dan penduduknya.

Pembangunan infrastruktur ini tidak akan terhenti dan ianya setentunya akan berkembang dan dilaksanakan di masa akan datang bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat di negara ini seperti apa yang dihasratkan dalam mencapai Wawasan Negara 2035.

# Pembangunan infrastruktur negara berkualiti, teratur

“SUDAH suku abad kita merdeka, menandakan, betapa pantas masa bergerak. Dalam masa sepanjang itu, pelbagai kemajuan telah dicapai untuk menambahkan lagi kualiti hidup rakyat. Pembangunan di negara kita adalah merupakan satu proses panjang yang akan berjalan berterusan. Ia sudah lama bermula, lebih dari 25 tahun sebelum merdeka,” titah Sempena Menyambut Perayaan Jubli Perak Hari Kebangsaan, 2009.

Terciptalah sejarah moden Brunei Darussalam di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dasar kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang



Oleh:  
Kementerian Pembangunan dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan

Maha Mulia berubah, apabila terbentuknya institusi kabinet dengan pelantikan menteri-menteri di bawah portfolio masing-masing.

Kementerian Pembangunan ditubuhkan pada tahun 1984 dengan objektif utama adalah untuk penyediaan asas infrastruktur negara. Lapan buah jabatan di bawahnya pada masa itu, iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jabatan Tanah, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan.

Dalam tempoh 50 tahun pemerintahan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, negara terus membangun dengan perancangan berkesan Kementerian Pembangunan bagi meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan penduduk, dan menjadi pemangkin dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sepanjang pemerintahan baginda, amat teliti dengan peranan kementerian-kementerian dalam kerajaan baginda. Beberapa penstrukturan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan juga telah dilaksanakan, iaitu pada tahun 1988 Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan telah dipindahkan ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Pada tahun 2006, JPE telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri. Seterusnya penubuhan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) pada 1 Mei 2002.

Kini 14 buah jabatan di Kementerian Pembangunan yang menjadi teras perkhidmatan ialah Jabatan Tanah, Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Ukur, JASTRe serta JKR yang merangkumi lapan jabatan di bawahnya iaitu Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Jalan Raya, Jabatan Saliran dan Pembetulan, Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Pkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, dan Jabatan Kemajuan.

Berteraskan visi 'Kehidupan Berkualiti, Pembangunan Berterusan, Negara Makmur' dan misi 'Memastikan penyediaan infrastruktur perumahan, bangunan dan perkhidmatan yang sangat baik'. Kementerian ini sebagai peneraju utama dalam pembangunan infrastruktur fizikal dan sosial negara seperti perumahan negara, prasarana jalan raya, perkhidmatan utiliti air bersih, saliran dan pembetulan, juga bertanggungjawab menyediakan dasar,

perancangan guna tanah dan kawalan kemajuan tanah dan bangunan, serta mempertahankan alam sekitar yang bersih dan terjamin.

## MENINGKATKAN URUS TADBIR

**“Urustadbir perlu dinamik untuk membawa kita kepada perubahan-perubahan yang baik. Jika tidak, maka urus tadbir seperti itu adalah lemah dan tidak mampu untuk menyampaikan kepada sasaran yang dikehendaki,”** titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-21, Tahun 1436 Hijrah/2014 Masihi.

Selaras dengan titah baginda tersebut dan juga masa, struktur dan pentadbiran untuk terus menghasilkan pembangunan negara yang seimbang bagi kesejahteraan rakyat dan negara. Kementerian Pembangunan menjadikan fokus dan keutamaan bagi pencapaian *deliverables* lebih berkesan dan *cost-effective* serta lebih berkesinambungan dan berdaya tahan khususnya dalam bidang-bidang berikut:-

1. Program bantuan perumahan khususnya Rancangan Perumahan Negara, yang berdaya tahan bagi terus membantu rakyat yang memerlukan;
2. Perancangan dan penggunaan tanah yang optima dan seimbang, dengan fokus terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi negara;
3. Proses permohonan-permohonan orang ramai yang ditangani dengan lebih efisien sebagai memenuhi Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, serta bagi mendukung usaha kerajaan ke arah memperbaiki kedudukan negara dalam World Bank Ease of Doing Business;
4. Pelaksanaan projek-projek kerajaan berbentuk penyediaan kemudahan-kemudahan awam yang *commercially viable* melalui kaedah Public-Private





Partnership (PPP);

5. Peningkatan *competency* dan *professionalism* dalam kalangan warga kementerian melalui program pengurusan sumber tenaga yang terarah; dan

6. Memantapkan kapasiti pengurusan kontrak, perundangan, dan penguatkuasaan di kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bagi memperkemas urus tadbir ke arah meningkatkan *competency* dan *professionalism* dalam kalangan warga kerja kementerian, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan bagi memastikan ia adalah sejajar dalam mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035, dengan penyusunan semula organisasi; pensejajaran institusi bagi memastikan pelan-pelan tindakan jangka pendek, sederhana dan matlamat jangka panjang jabatan-jabatan di bawah kementerian ini terarah kepada hala tuju yang sama; peningkatan kapasiti melalui perancangan sumber-sumber tenaga manusia; penyediaan pelan pelaksanaan *deliverables* serta peningkatan pengumpulan dan pengemaskinian data-data yang diperlukan bagi tujuan pengurusan dan pencapaian *Key Performance Indicator*.

Selaras juga dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang menekankan **“Apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan delivery atau delivery approach untuk mencapai hasil yang dihasratkan”**. Divisyen Governance and Delivery telah ditubuhkan yang dihasratkan akan dapat membantu dalam memantau tahap *delivery* setiap jabatan di bawah Kementerian Pembangunan berhubung mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan dan memperkenalkan Pelan

90-hari sebagai pendekatan pembaikan berterusan Kementerian Pembangunan.

### **AUTORITI KAWALAN BANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN (ABCI)**

Satu inisiatif pembaharuan Kementerian Pembangunan juga telah dilaksanakan iaitu penubuhan Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), yang ditubuhkan dengan mencantumkan dua unit di dalam Kementerian Pembangunan, satu unit daripada Jabatan Kemajuan Perumahan dan satu unit daripada JKR pada 3 Mei 2010 dan telah mula beroperasi pada 14 Ogos 2010. Penubuhan Autoriti berkenaan adalah bagi menjamin keselamatan dan kesihatan orang ramai melalui kawalan kemajuan pembangunan di Negara Brunei Darussalam, selari dengan misi ABCi untuk memajukan dan mendukung industri binaan melalui perancangan yang bijaksana, pembinaan sumber tenaga manusia, kualiti dan undang-undang.

Autoriti ini bertanggungjawab bagi mengeluarkan kebenaran kemajuan, pendaftaran pembina, kontraktor dan pembekal, pendaftaran syarikat pengiklanan, kebenaran iklan, papan iklan dan papan tanda, pendaftaran persijilan bahan asas binaan dan persijilan produk bahan binaan; pendaftaran sistem pengurusan kualiti, urus setia bagi Jawatankuasa Melantik Konsultan Kementerian Pembangunan dan pendaftaran Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan.

Di samping mendaftar dan memantau aktiviti-aktiviti kemajuan, Autoriti ini juga membantu kontraktor dan pembekal tempatan dengan menyediakan kursus-kursus asas bagi tujuan untuk memberikan pengetahuan asas kontraktor tempatan dapat berdaya saing dengan kontraktor asing.

Pada 31 Mac 2015 ABCi menjadi ‘Single Authority’ bagi mengeluarkan kebenaran kemajuan tanah dan bangunan di seluruh negeri termasuk kawasan-kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Belait dan Seria serta Lembaga Bandaran Tutong. Ini akan membantu meningkatkan kualiti, menjimatkan kos dan masa, dan turut memantapkan negara dalam urusan mengendalikan perniagaan. Tiga permohonan utama yang berkaitan dengan kemajuan yang dikendalikan iaitu kebenaran kemajuan, kebenaran untuk memulakan kemajuan dan kesiapan kemajuan.

Permohonan kebenaran kemajuan seperti kemajuan kerja tanah (menimbuk, meratakan, meruntuh); membina



bangunan, termasuk rumah, bangunan industri dan bangunan komersial; ubah suai dan tambahan rumah sedia ada; ubah suai ruang kedai, termasuk permohonan untuk menggunakan ruang kedai hendaklah dihadapkan melalui Arkitek dan/atau Jurutera Profesional yang sah berdaftar dengan Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS). BAPEQS selaku Lembaga berfungsi bagi mengendalikan permohonan pendaftaran /Sijil Amalan/Lesen Firma bagi Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan semenjak 1 Januari 2014. Selain itu, BAPEQS juga mendaftarkan Profesional Competence Examination bagi Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan, Pendaftaran ASEAN Chartered Professional Engineer dan pendaftaran ASEAN Architect.

Mulai Januari 2016, permohonan bagi mendapatkan kebenaran iklan, papan tanda telah dipusatkan di ABCi yang mana sebelum ini kebenaran dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, di Jabatan-Jabatan Bandaran mengikut kawasan masing-masing. ABCi juga telah mengadakan *online submission* DCS/ Kerajaan pada 01 Mei 2016.

Peraturan-Peraturan Kawalan Bangunan (Iklan, Papan Iklan dan Papan Tanda) - BCO 2014 telah dikuatkuasakan pada 14 Mei 2016. Mulai 1 Jun 2017, ABCi telah mula mendaftarkan Lesen Pembina selaras dengan keperluan dalam Perintah Kawalan Bangunan 2014.

### **SUMBER TENAGA MANUSIA**

Dalam usaha berterusan untuk memastikan visi dan misi kementerian yang mendukung Wawasan 2035 tercapai, Kementerian Pembangunan terus berusaha meningkatkan keupayaan dan tahap profesionalisme warga kerja agar dapat menghasilkan mutu kerja yang cemerlang.

Ke arah itu, Program Perkembangan Profesional sedang giat dijalankan misalnya bagi Arkitek, Jurutera, Juruukur, Pegawai Perancang, Pegawai Tanah untuk membolehkan mereka memperoleh kompetensi dan pengalaman yang diperlukan untuk menjadi ahli *chartered* badan-badan profesional seperti Institute of Chartered Engineers (ICE), Royal Institute of British Architects (RIBA), Royal Institute of Chartered Surveyors (RICS), Institute of Mechanical Engineers (IMechE), Royal Town Planning Institute (RTPI) dan sebagainya. Setakat ini seramai 77 pegawai profesional kementerian ini telah menjadi ahli *chartered* badan-badan profesional tersebut dan seramai 16 orang lagi telah dikenalpastikan menduduki perperiksaan dan temu duga untuk mendapatkan keahlian *Chartered* ICE pada bulan September tahun ini.

Brunei Darussalam adalah negara pertama yang diberi kelulusan oleh Institut Jurutera Awam, United Kingdom untuk mengadakan Further Learning Programme bagi Jurutera di luar United Kingdom. Program ini juga diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam sebagai sebanding dengan kelulusan di Tahap 7 Ijazah Sarjana dalam Kerangka Kelayakan Brunei Darussalam (Brunei Darussalam Qualifications Framework (BDQF) Level 7 Master's Degree) pada 26 Julai 2017.

Pengambilan pertama yang bermula pada tahun 2012 telah menghasilkan seramai 24 graduan Kejuruteraan Awam yang lulus dan seramai 21 graduan lagi sedang mengikuti program ke-2 pada pertengahan tahun 2015 yang bukan sahaja terdiri daripada jurutera-jurutera di Kementerian Pembangunan tetapi juga jurutera-jurutera dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pertahanan. Program ini berakhir pada bulan Ogos 2017 dan mereka yang lulus boleh menduduki

peperiksaan keahlian Chartered Professional Review (CPR), Institution of Civil Engineers, United Kingdom pada September 2018.

Kementerian ini juga telah memperkenalkan Program Onboarding yang mana akan dimulakan pelaksanaannya pada bulan September tahun ini, yang antara lain bertujuan untuk memastikan pegawai-pegawai yang baru berkhidmat akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab melalui program yang berstruktur, melalui sistem *mentoring* dan *coaching*. Dengan adanya program ini diharap akan dapat mempercepatkan *learning curve* mereka dan penglibatan mereka menyumbang kepada produktiviti bidang kerja yang secara langsung dapat menyumbang kepada produktiviti kementerian dan juga negara.

Dalam hubungan antarabangsa, baginda juga mementingkan hubungan yang baik dengan negara-negara lain dan saling hormat-menghormati. Kementerian Pembangunan telah menandatangani memorandum persefahaman dan kerjasama hubungan dua hala dengan Singapura dalam bidang alam sekitar dan Sustainable Built Environment dengan United Kingdom bagi Mapping/Survey Cooperation and the Exchange of Geographic Materials.

Berkat kepimpinan bijaksana baginda sepanjang 50 tahun lalu, Kementerian Pembangunan terus menyediakan perkhidmatan cemerlang, persekitaran yang kondusif, alam bina yang teratur dan gaya hidup yang sihat dan seimbang. Kerajaan di bawah pimpinan baginda telah mensejajarkan strategi yang menjurus kepada Wawasan Negara 2035 iaitu untuk melahirkan rakyat yang berilmu, berkemahiran dan bertamadun.

Kementerian Pembangunan akan terus memberikan perhatian terhadap kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

# *Infrastruktur dan Teknologi Info Komunikasi*

# Sejarah awal sektor telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam

SIRI I

**KERAJAAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melabur ke dalam penyediaan prasarana teknologi dan info-komunikasi bagi mempercepatkan perkembangan sosioekonomi negara dan mempertingkatkan kualiti hidup rakyat negaraini. Menyedari kepentingan teknologi dan info-komunikasi, setiap Rancangan Kemajuan Negara telah memperuntukkan sebahagian besar bagi perkembangan sektor tersebut. Hasilnya sebahagian besar penduduk Negara Brunei Darussalam dapat mengakses perkhidmatan telefon dan internet.



Oleh:  
**Pihak Berkuasa Industri Teknologi dan Info Komunikasi (AITI) dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan**

Pada tahun 2005, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pembukaan National Summit on Information Society (NASIS) bertitah mengenai pentingnya ICT dalam pembangunan masyarakat bermaklumat, merapatkan jurang digital dan peranannya dalam perkembangan sosioekonomi negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah mengenai fenomena global *convergence* yang disebabkan oleh kemajuan teknologi.

Pada tahun 1952, Jabatan Telekom Brunei (JTB) ditubuhkan sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Perhubungan dan diberi tanggungjawab untuk membangun sistem dan infrastruktur komunikasi dan pertumbuhan perkhidmatan telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam. Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut menjadi Controller of Telecoms yang pertama.

Pada tahun 1955, rangkaian radio Very High Frequency (VHF) dipasang menggunakan peralatan AT&E. Di Bandar Seri Begawan, Stesen VHF di Bukit Salillah disambungkan ke *telephone exchange* di Jalan Stoney. Di Daerah Tutong pula, Stesen VHF di Bukit Bendera dibina manakala di Daerah Belait, Stesen VHF dipasang berdekatan dengan Pejabat Pos Belait, yang pada masa ini adalah kawasan Sultan Mohamad Jamalul Alam.

Dengan pemasangan South East Commonwealth Submarine Cable yang berakhir di Kota Kinabalu, Negara Brunei Darussalam mampu meningkatkan komunikasi antarabangsa. Litar telefon disambung ke *international exchange* di Kuala Lumpur melalui Labuan dan Kota Kinabalu. Pada tahun 1966, kapasiti *telephone exchange* di Bandar Seri Begawan meningkat dari 800 talian ke 1,000 talian. Pada tahun yang sama, sejumlah 1,838 talian telefon digunakan di Negara Brunei Darussalam. Dengan perkembangan yang semakin meningkat di kawasan luar bandar, kerajaan lebih giat menyebarkan perkhidmatan telefon ke kawasan-kawasan kampung dan pedalaman.

Pada tahun 1970, *telephone automatic exchange* ditubuhkan di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Seria, Muara dan Manggis dengan *exchange manual* di Tutong dan Bangar. Dengan penambahbaikan litar telefon antara daerah, Subscriber Trunk Dialling (STD) diperkenalkan yang membolehkan pengguna telefon membuat panggilan di antara Daerah Brunei dan Muara dan Belait mulai tahun 1977. Perkhidmatan STD juga diperkenalkan di antara Daerah Tutong dan Temburong pada tahun 1977 dan 1978. Jumlah pengguna telefon pada April 1977 adalah 11,300 di seluruh negara.

Pada tahun 1977 juga, ketersambungan antarabangsa ditingkatkan lagi dengan pelancaran Standard B Earth Satellite di Telisai. Ia merupakan pusat komunikasi satelit yang pertama di Brunei.

Pada tahun 1980, *central exchange* di Bandar Seri Begawan mula beroperasi yang membolehkan pengguna untuk membuat panggilan antarabangsa secara terus. International Direct Dialling (IDD) menggantikan papan suis (switchboard) secara manual yang memerlukan



perkhidmatan operator.

Sebagai salah satu usaha untuk memperbaiki telekomunikasi antarabangsa, pihak kerajaan melabur dalam penyediaan sistem kabel *fibre optic* bawah laut (*fibre optic sub marine cable*) yang termasuk kabel Brunei - Singapore (B-S) dan Brunei - Malaysia - Philippines (B-M-P).

Cellular Mobile Telephone System (CMTS) mula beroperasi pada Februari 1989, Oktober 1989 dan 1991 dalam tiga fasa di Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong.

Pada penghujung tahun 1990, talian telefon di Negara Brunei Darussalam berjumlah 54,314. Ini bererti densiti telefon sebanyak 21.3 peratus bagi setiap 100 penduduk. Pada tahun 2003, JTB mempunyai sebanyak 80,000 pelanggan. Densiti telefon di Negara Brunei Darussalam meningkat ke 23.9 peratus.

Penyediaan rangkaian telekomunikasi *rural* merupakan pencapaian signifikan dalam pembangunan prasarana telekomunikasi. JTB melaksanakan projek komunikasi luar kampung di Daerah

Temburong, Tutong dan Belait. Projek tersebut siap dilaksanakan pada tahun 2002 dengan perbelanjaan lebih kurang \$2 juta. Hasilnya penduduk luar bandar di ketiga-tiga daerah turut menikmati ketersambungan penduduk bandar.

Dengan infrastruktur telekomunikasi luar bandar siap dipasang, seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam menikmati akses ke perkhidmatan telefon dan internet. Kadar penetrasi telefon rumah tangga hampir 100 peratus. Pada tahun 1999, rangkaian *switching* telefon dan rangkaian transmisi nasional dinaik taraf ke teknologi SDH.

Penstrukturan semula industri ICT di Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2001, Kerajaan Negara Brunei Darussalam memulakan langkah untuk penstrukturan semula industri ICT tempatan. Langkah pertama adalah pengkorporatan JTB, Kementerian Perhubungan dengan menggubal akta-akta tersebut:

1. Telecommunications Successor Company Order 2001; untuk memindahkan semua harta benda, hak dan liabiliti ke Telekom Brunei Berhad (TelBru) dan memansuhkan Telecommunications Act (Cap.54). TelBru akan menjadi penyedia perkhidmatan sementara peranan pengawalseliaan akan diambil oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi dan Info Komunikasi (AITI) pada 1 Januari 2003.

2. Telecommunications Order 2001; memberi kuasa kepada AITI untuk melesen, mengawalselia industri ICT dan menjalankan fungsi dan peranan seperti terkandung dalam AITI Order 2001.

3. Authority for Info Communications Technology Industry of Brunei Darussalam Order 2001; menubuhkan AITI sebagai badan berkanun yang berperanan untuk mengawal selia industri ICT serta

menggariskan fungsi dan peranan AITI. Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2003.

Dengan penguatkuasaan Telecommunications Successor Company Order 2001, JTB dikorporatkan dan Telekom Brunei Berhad mula ditubuhkan dan mengambil alih tugas dan tanggungjawab JTB. Langkah pengkorporatan pada lazimnya dilaksanakan adalah untuk memberikan peranan yang lebih besar kepada sektor swasta di dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun menekankan akan pentingnya peranan sektor swasta dalam memperkembangkan ekonomi negara. Oleh yang demikian, pengkorporatan Jabatan Telekom ini adalah juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkukuh dan memperkesan peranan sektor swasta.

Apabila JTB dikorporatkan, AITI juga ditubuhkan sebagai salah satu usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mencipta persekitaran yang lebih kondusif bagi pembangunan industri ICT. AITI diberi tanggungjawab untuk menjalankan fungsi pengawalseliaan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi, mengurus spektrum frekuensi radio kebangsaan dan membangun industri ICT tempatan.

Pada 1 April 2006, Telecommunications Successor Company Order 2001 dan Telecommunications Order 2001 mula berkuat kuasa. Dengan ini, Jabatan Telekomunikasi Kementerian Perhubungan dikorporatkan menjadi Telekom Brunei Berhad (TelBru) dan kuasa pengawalseliaan yang dipegang oleh Pengarah Telekomunikasi dipindah kepada AITI. Sebelum ini, Jabatan Telekomunikasi menjalankan fungsi sebagai pengawal selia dan pembekal perkhidmatan.

## A. Menjana Industri ICT yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

AITI berhasrat untuk mengembangkan sektor ICT tempatan sebagai salah satu usaha untuk mempelbagaikan perkembangan ekonomi supaya tidak terlalu bergantung pada minyak dan gas. AITI telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif untuk membukakan peluang bisnes dan perkembangan industri ICT.


### 1. Menggalakkan Pertumbuhan Bisnes ICT Tempatan Melalui Akreditasi.

Sebagai salah satu usaha untuk menjana

pertumbuhan industri melalui akreditasi firma-firma ICT tempatan, AITI Accredited Business (AAB) Status diperkenalkan pada tahun 2009. Ianya membolehkan AITI menubuhkan pangkalan data yang boleh menjadi titik rujukan bagi firma luar negeri, kementerian-kementerian kerajaan dan agensi-agensi yang lain.

Pada tahun 2010, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Majlis IT Brunei (BIT Council) supaya AAB Status dijadikan salah satu syarat untuk mana-mana firma ICT yang berhasrat untuk tender projek ICT kerajaan.

Pada tahun 2011, AITI memperkenalkan Initiative ICT Accredited Business, yang juga diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang



Maha Mulia melalui BIT Council. Sejak 1 September 2011, akreditasi ICTAB dijadikan prasyarat mandatori untuk mengikuti tender kerajaan yang berkaitan dengan ICT.

## 2. Memudahkan Pertumbuhan Industri ICT.

Dengan menyedari kepentingan untuk mengembangkan produk-produk buatan Brunei yang inovatif dan boleh menyumbang pada pertumbuhan ekonomi secara amnya, pihak AITI melancarkan Skim Geran pada tahun 2010 untuk memberikan bantuan kewangan supaya syarikat-syarikat ICT tempatan akan dapat mengembangkan produk-produk ICT mereka dan menggalakkan aktiviti-aktiviti R&D. AITI memperkenalkan empat jenis geran, iaitu Perkembangan Produk (Product Development), Penambahbaikan Produk (Product Enhancement), Pemilikan Produk (Product Ownership) dan Pemasaran Produk (Product Marketing). AITI telah memberikan pertolongan Skim Geran kepada 12 syarikat ICT tempatan - MARS Enterprise, Crescent Sdn. Bhd., John Harith Technology Sdn. Bhd., Alif Technologies Sdn. Bhd., BruGPS Technologies Sdn. Bhd., Syarikat Indah Sejahtera Development and Services Sdn. Bhd., ZimacSilicon Technologies Sdn. Bhd., Ambuyart Animations Company, PHMD Publishing Company, SocialBuzz Advertising, Cinematicpro Services (Digital Media) dan Media Hikmah (Digital Media).

## 3. Meningkatkan Kemahiran ICT

Pembangunan kapasiti dan kemahiran ICT adalah salah satu peneraju bagi pertumbuhan industri ICT yang dinamik dan *vibrant* yang boleh menyumbang pada pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta. Pihak AITI sejak tahun 2007

telah melaksanakan InfoCom Competency Training Programme dalam usaha membantu meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja ICT tempatan baik di sektor swasta mahupun di sektor kerajaan untuk meningkatkan kemahiran mereka. Ke arah ini, AITI menghulurkan kos latihan di antara 50-80 peratus di agensi-agensi latihan yang dikenal pasti. Program ini adalah satu daripada visi AITI untuk menyediakan Negara Brunei Darussalam dengan industri ICT yang dinamik, inovatif dan *vibrant* selaras dengan keperluan negara.

Program ini dijalankan dalam beberapa fasa sejak tahun 2007 yang mana lebih dari 1,000 peserta telah berjaya lulus program-program tersebut.

## 4. Menggalakkan Kreativiti dan Inovasi

Kreativiti dan inovasi adalah peneraju penting dalam pertumbuhan sektor ICT ke arah usaha untuk membangun ekonomi yang dinamik, berdaya tahan dan mampan. Walau bagaimanapun, kreativiti dan inovasi memerlukan inspirasi, pembangunan kapasiti, penyelidikan dan bantuan dari pihak-pihak yang tertentu. Sehubungan dengan itu, Anugerah BICTA ditubuhkan untuk merangsang inovasi dan kreativiti dan secara tidak langsung memilih calon yang layak bertanding di Asia Pacific ICT Awards (APICTA). Sejak tahun 2008, AITI menjalankan fungsi sebagai Sekretariat Anugerah ICT Brunei (BICTA).

Antara pencapaian Negara Brunei Darussalam di APICTA ialah berjaya memenangi dua anugerah pemenang pada tahun 2011 dan 2012, serta 17 anugerah sejak 2008. Pencapaian ini membuktikan usaha sama dan sokongan padu di antara pihak kerajaan dengan pihak industri dan institusi akademik dalam memupuk pembangunan ICT di negara ini.

# Memudahkan Sektor Telekomunikasi yang *vibrant* dan berdaya saing

## SIRI II

### 1. Meningkatkan Ketersambungan

DST menjadi pembekal tunggal perkhidmatan telekomunikasi mobil pada tahun 1996. Kadar penetrasi mobil tumbuh dengan pesat; pada tahun 2001, kadar penetrasi mobil di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah 32 peratus dan meningkat menjadi 121 peratus pada tahun 2014. Pertumbuhan ini adalah hasil pelaburan yang signifikan dalam pembangunan infrastruktur.

Sebagai salah satu usaha untuk mewujudkan saingan yang sihat dalam sektor telekomunikasi, Pihak Berkuasa Industri Teknologi dan Info Komunikasi (AITI) memberikan lesen pada B-Mobile untuk mengendalikan perkhidmatan 3G pada tahun 2005. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan pilihan kepada pengguna dan menggalakkan kedua-dua pembekal perkhidmatan telekomunikasi untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam pemberian perkhidmatan. Persaingan dalam pemberian perkhidmatan 3G menjadi lebih sengit lagi apabila DST melancarkan perkhidmatan 3G pada tahun 2008. Sebagai tindak balas, pihak B-Mobile memperkenalkan teknologi 3.5G. Sejak itu, ketersambungan semakin meningkat



Oleh:  
Pihak Berkuasa Industri Teknologi dan Info Komunikasi (AITI) dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan

lebih-lebih lagi dengan meningkatnya permintaan bagi telefon pintar atau *smart phone* dan kapasiti data serta kelajuan yang tinggi.

Pada tahun 2013, DST diberikan *spectrum rights* untuk menggunakan band frekuensi 1800Mhz untuk jangka 15 tahun khas bagi penyebaran perkhidmatan LTE.

LTE atau Long Term Evolution adalah generasi keempat piawaian tanpa wayar (wireless standards) bagi komunikasi data mudah alih dan adalah perkembangan teknologi yang terbaharu. Teknologi ini akan membolehkan DST memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada pengguna-pengguna mobil bagi kelajuan dan kapasiti yang lebih tinggi. Ia juga akan membolehkan jalur lebar (bandwidth) yang lebih tinggi untuk kegunaan data pada kadar sambungan yang lebih baik berbanding teknologi 2G atau 3G.

Pada tahun 2014, urusan dan operasi B-Mobile diambil alih Darussalam Assets dan dilancarkan semula sebagai Progresif Cellular Sdn. Bhd. (Progresif). Pembekal perkhidmatan yang terbaharu dalam sektor telekomunikasi ini akan memberi pilihan kepada para pengguna tempatan dengan memberikan perkhidmatan yang pelbagai dan lebih *value for money*. Ini adalah sejajar dengan komitmen AITI untuk memastikan perkhidmatan telekomunikasi boleh diakses oleh semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini, kadar ketersambungan

semakin meningkat. Sebanyak 287 kampung daripada jumlah keseluruhan 360 kampung dibekalkan dengan perkhidmatan mudah alih (mobile) atau jalur lebar kelajuan tinggi. Dengan pelaksanaan penyambungan jalur lebar kelajuan tinggi sedang giat dijalankan, liputan jalur lebar dijangka melebihi 290 kampung.

Infrastruktur jalur lebar yang berleluasa telah menyumbang pada penurunan dalam kadar telefoni tradisional. Walaupun terdapat 75,688 pelanggan *fixed line*, pendapatan yang dihasilkan daripada perkhidmatan suara semakin menurun.

TelBru mula menyambungkan Gantian Terus Ke Rumah (FTTH) secara berfasa sejak tahun 2011. Fasa pertama yang berakhir pada tahun 2013 telah menyambungkan sebanyak 41,000 rumah. Fasa kedua berakhir pada tahun 2015. Pada masa ini, lebih kurang 30,000 rumah dan premis disambung dengan perkhidmatan FTTH. TelBru menyasarkan sebanyak 45,000 rumah sebelum akhir tahun 2017. Kebanyakan pelanggan baharu telah berpindah dari perkhidmatan jalur lebar copper (ADSL) ke FTTH. Walau bagaimanapun, masih terdapat 9,000 pelanggan yang menggunakan ADSL, yang kebanyakannya terletak di kawasan-kawasan yang belum dibekalkan dengan jaringan jalur lebar FTTH. TelBru juga memperkenalkan perkhidmatan Wi-Fi di seluruh negara pada tahun 2016 yang telah pun menarik kira-kira 35,000 pelanggan.

Penembusan mudah alih (mobile penetration) meningkat menjadi 125.5 peratus di tahun 2016. Ini disebabkan permintaan yang semakin tinggi bagi data *traffic* dan penyebaran telefon pintar. Oleh kerana ini, pihak AITI menjangkakan bahawa jalur lebar mudah alih (mobile broadband) juga akan meningkat. Jalur lebar mudah alih juga adalah cara yang paling mudah untuk menyebarkan perkhidmatan jalur lebar ke

kawasan-kawasan *rural* dan penyediaan perkhidmatan tersebut akan membolehkan penduduk-penduduk di kawasan ini untuk sama-sama menikmati manfaat yang dibawa oleh ketersambungan jalur lebar.

## 2. Perubahan Landskap

Pengawalseliaan AITI komited untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan menggalakkan persaingan yang efektif serta adil pada masa yang sama mempromosikan perlindungan pengguna dan memastikan penggunaan sumber yang terhad dijalankan dengan cekap.

Rangka kerja pengawalseliaan dan melesen diperkenalkan dalam tahun 2003 dan mula beroperasi pada 1 April 2006 apabila Telecommunications Order 2001 mula berkuat kuasa. Sejak awal lagi, AITI telah menghadapi pelbagai cabaran dalam pelaksanaan dan pentadbiran. Antara cabaran yang dihadapi adalah rangka kerja yang kurang berkemampuan untuk menampung teknologi yang pesat berkembang untuk membolehkan *business model* yang baharu dan penyediaan perkhidmatan yang inovatif.

AITI sedang melaksanakan pembentukan Converged Regulatory Framework untuk membentuk rangka kerja pengawalseliaan bagi sektor telekomunikasi, penyiaran dan media. Ini berhasrat untuk mengimbangi keperluan industri untuk terus berkembang dan menggalakkan inovasi. Projek ini akan menilai semula rangka kerja pengawalseliaan dan melesen dengan matlamat untuk merealisasikan hasrat kerajaan supaya sektor telekomunikasi, penyiaran dan media dikawal selia oleh sebuah organisasi.

Antara elemen utama rangka kerja pengawalseliaan *converged* ini adalah:

-Struktur melesen yang diselaraskan untuk mengurangkan beban kawal seliaan dan

memastikan peraturan yang perlu dan berkadar;

- Provisi yang membolehkan persaingan melalui undang-undang *subsidiary* atau Code of Practice untuk menggalakkan kecekapan dan pada masa yang sama memastikan akses pasaran yang objektif dan *transparent*.

- Struktur bayaran yang disemak semula untuk menggalakkan perkembangan industri dan inovasi melalui pengurangan beban kawal seliaan.

## 3. Pengurusan Sumber Terhad Yang Cekap

Sebagai agensi yang bertanggungjawab bagi pengurusan spektrum frekuensi radio, AITI berhasrat untuk memastikan sumber terhad ini digunakan dengan berkesan melalui perancangan, pemantauan dan pentadbiran yang efisien. Ke arah itu, AITI menerbitkan Pelan Spektrum Brunei Darussalam pada tahun 2015 yang menyediakan peruntukan frekuensi yang diambil dari ITU Radio Regulations dan menunjukkan pemisahan frekuensi mengikut kategori-kategori perkhidmatan. Pelan Spektrum Pelan Spektrum juga menetapkan dengan jelas penggunaan spektrum radio frekuensi di Negara Brunei Darussalam dan perancangan AITI untuk mengembangkannya dalam masa yang terdekat.

Di segi antarabangsa pula, AITI memastikan bahawa penggunaan spektrum frekuensi radio adalah sejajar dengan Peraturan Radio ITU (ITU Radio Regulations), iaitu satu perjanjian antarabangsa yang mentadbir penggunaan frekuensi radio.

## 4. Memastikan Pembekalan Perkhidmatan Telekomunikasi Yang Berkualiti

Sebagai pelengkap usaha-usaha

AITI dalam mengembangkan sektor telekomunikasi, meningkatkan produktiviti perniagaan dan memastikan perlindungan pengguna, AITI telah merumuskan dan melaksanakan rangka kerja Quality of Service (QoS) untuk sektor telekomunikasi. Antara matlamat rangka kerja ini adalah untuk menggalakkan perkhidmatan telekomunikasi yang berkualiti tinggi. Rangka kerja QoS menetapkan penanda aras yang minimum yang harus dipatuhi oleh *operators* yang berlesen dalam penyediaan perkhidmatan suara dan data melalui rangkaian mudah alih dan tetap.

## Menggalakkan Pertumbuhan Nama Domain .bn

Pada tahun 2012, AITI memulakan projek untuk mengembangkan Rangka Kerja Domain Name Services .bn untuk Brunei Darussalam. Ini adalah untuk menjadi asas bagi perkembangan dan pertumbuhan nama domain .bn.

Dengan penerimaan Rangka Kerja DNS oleh AITI, Brunei Darussalam National Information Centre Sdn. Bhd. (BNNIC) ditubuhkan pada tahun 2013 untuk melaksanakan Registry-Registrar Model, di mana AITI memberi kuasa pada BNNIC untuk pendaftaran, pentadbiran dan pengurusan nama domain di Negara Brunei Darussalam.

## Penutup

AITI memainkan peranan yang penting dalam merangsang pertumbuhan sektor telekomunikasi dan industri ICT di Negara Brunei Darussalam. AITI telah mensejajarkan visi dan misi untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan industri ICT yang inovatif, yang mampu untuk memperkaya kualiti kehidupan rakyat dan menggerakkan negara ke hadapan, seperti yang dihasratkan oleh Wawasan Brunei 2035.

# Perkembangan perkhidmatan kaji cuaca untuk keselamatan dan kesejahteraan

## PENGENALAN

**P**ENUBUHAN Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada 1 Februari 2013, menandakan satu lagi peristiwa penting dalam perkembangan penyediaan khidmat cuaca dan iklim di Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan Jabatan khusus ini adalah atas berkat kepimpinan dan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk mengiktiraf betapa besarnya nilai sosioekonomi perkhidmatan kaji cuaca dan sebagai satu langkah untuk mendukung matlamat pembangunan mampan negara yang hendak dicapai dalam Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035.

Kementerian Perhubungan dan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam komited dalam memastikan maklumat dan produk kaji cuaca akan sepenuhnya dimanfaatkan untuk keselamatan dan kesejahteraan rakyat Brunei Darussalam dan untuk pembangunan mampan negara. Tidak dapat dinafikan bahawa cuaca, iklim dan air memberikan kesan besar ke atas hampir semua sektor sosioekonomi termasuk pertanian dan perikanan, tenaga, pengangkutan, kesihatan, insurans, sukan, pelancongan dan aktiviti-aktiviti riadah. Oleh itu, pencerapan dan ramalan cuaca yang tepat dan penyampaian maklumat cuaca dan iklim yang bertepatan masanya adalah sesuatu yang sangat penting untuk



Oleh:  
**Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan**

dipertingkatkan dan dipertahankan.

Perkhidmatan Kajicuaca yang dikendalikan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, beroperasi 24 jam sehari, sepanjang tahun, adalah semata-mata bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk Negara Brunei Darussalam terutama sekali jika dilihat dari aspek keselamatan dan kesejahteraan nyawa dan harta benda. Amaran awal dan maklumat cuaca yang sahih mengenai kejadian cuaca dan iklim yang teruk membolehkan kalangan pembuat keputusan, komuniti dan juga individu untuk lebih bersiap siaga. Dengannya, mereka dapat menyelamatkan nyawa dan harta benda, mengurangkan kerosakan dan melindungi sumber-sumber utama dan alam sekitar serta mengelakkan kemusnahan sosioekonomi.

## ASAL MULA PERKHIDMATAN KAJICUACA DI BRUNEI DARUSSALAM

Kedudukan Perkhidmatan Kajicuaca



yang pada mulanya berfungsi sebagai salah satu perkhidmatan di bawah Jabatan Penerbangan Awam mencerminkan rasional awal penubuhannya, iaitu untuk mendukung keperluan data kaji cuaca dalam operasi penerbangan bagi memenuhi kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organization, ICAO). Bahagian Perkhidmatan Kaji cuaca, sebagaimana ianya dikenali dahulu, memulakan pencerapan permukaan secara rutin lebih 50 tahun yang lalu, pada tahun 1966 di tapak Lapangan Terbang Brunei di Berakas. Apabila lapangan terbang berpindah ke tapak Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang ada sekarang, di awal tahun 1970-an, Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca juga turut sama berpindah dan pada tahun 1979 aktiviti-aktivitinya diperluaskan untuk meliputi operasi pencerapan udara atas. Walau bagaimanapun ramalan yang berkaitan dengan penerbangan pula masih disediakan oleh pihak Singapura sehinggalah satu pejabat ramalan cuaca tempatan ditubuhkan pada tahun 1981.

## PENUBUHAN SEBUAH JABATAN KHUSUS MEMENUHI KEHENDAK SEMASA DAN MENYAHUT WAWASAN NEGARA

Sejak itu, Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca, satu perkhidmatan yang agak muda dan beroperasi di bawah Jabatan Penerbangan Awam, mula menghadapi cabaran yang hebat apabila ianya berusaha memperkembangkan dan mengambil peranan yang lebih besar dan bertindak menangani isu-isu lebih luas yang dituntut daripada sebuah Perkhidmatan Kajicuaca Kebangsaan. Cabaran-cabaran yang dihadapi meliputi peningkatan permintaan untuk menyediakan pelbagai khidmat cuaca di luar dari keperluan sektor

penerbangan; perubahan kesedaran masyarakat yang membawa kepada ekspektasi khidmat yang besasaran dan berkualiti tinggi untuk direka bagi memenuhi keperluan tertentu; keperluan untuk bertindak balas di peringkat kebangsaan dalam menangani agenda antarabangsa mengenai iklim dan perubahan iklim; penyediaan khidmat dan nasihat yang mendukung keperluan dan tindak balas nasional terhadap perjanjian antarabangsa mengenai pembangunan lestari; dan tidak kurangnya cabaran peningkatan mendadak kerumitan saintifik dan teknologi dalam amalan kaji cuaca yang secara amnya dihadapi oleh Perkhidmatan Kajicuaca di seluruh dunia.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam sejak penubuhannya sebagai sebuah jabatan penuh sememangnya memegang bidang tugas dan tanggungjawab yang luas dan begitu penting. Khidmat-khidmat dan



peranan yang dipertanggungjawabkan meliputi, secara amnya, pemantauan, analisa dan pengarkiban data cuaca dan iklim negara kita, di samping pemberian khidmat ramalan dan penyebaran maklumat cuaca dan iklim, termasuklah nasihat dan amaran cuaca kepada orang ramai dan juga kepada kumpulan-kumpulan pengguna yang berlainan.

Sebagai gambaran ringkas, kiraan dalam setahun menunjukkan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam bertanggungjawab mengeluarkan sekurang-kurangnya sejumlah 370,000 ramalan cuaca awam dan sebanyak 200 amaran cuaca kepada orang ramai. Manakala sebanyak 23,000 ramalan penerbangan disediakan bagi sektor penerbangan.

Dari segi kepakaran tempatan pula, jawatan-jawatan khusus dan pakar yang pada mulanya disandang oleh pekerja-pekerja asing secara beransur-ansur telah berjaya diisikan secara penuh oleh anak-anak tempatan yang berkelayakan dan berkepakaran tinggi melalui latihan dalam perkhidmatan kakitangan dan juga melalui program dermasiswa penuntut yang diungkayahkan di bawah skim perkembangan sumber tenaga manusia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

### BRUNEI DARUSSALAM MENJADI AHLI KEPADA PERTUBUHAN ANTARABANGSA DAN SERANTAU

Berikutan kemerdekaan penuh negara pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam melalui Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca telah menjadi ahli penuh Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (World Meteorological

Organization, WMO) bermula 26 November pada tahun yang sama.

Keanggotaan negara kita dalam pertubuhan antarabangsa yang di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) ini, membuka peluang kita untuk menyerlahkan kepentingan dan sebarang kebimbangan negara mengenai kaji cuaca di arena antarabangsa terutamanya dalam perihal berkaitan dengan keperluan negara kita untuk memperoleh data, produk dan sistem kaji cuaca antarabangsa serta keperluan sokongan teknikal dan kerjasama. Sambil itu juga mendapat akses dan secara aktif mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti intra dan di antara kerajaan. Usaha dan keperluan yang sama juga dikejar di arena ASEAN dan lain-lain forum antarabangsa dan serantau.

Negara Brunei Darussalam juga telah menjadi ahli kepada ASEAN Sub-Committee on Meteorology and Geophysics (SCMG) pada tahun 1984 dan melalui fora ini Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dapat menjalin hubungan kerjasama yang rapat dan mesra dengan Perkhidmatan

**KEMASKINI MAKLUMAT AMARAN CUACA UNTUK ORANG RAMAI**

**HUJAN LEBAT DAN BERPETIR  
HEAVY AND THUNDERY SHOWERS**

Dikeluarkan pada:  
Isinidat:  
**12.30 pm**  
17/09/2017

Mansuh pada:  
Esok at:  
**03.00 pm**  
17/09/2017

Peringkat:  
Kuning (Berwaspadalah)  
Yellow (Be Alert)

Catatan / Remarks:  
Hujan, kadang-kala lebat dan berpetir, di kawasan laut dijangka sekali-sekala bergolak dan menyebabkan terutama beberapa kawasan di daerah Brunei Muara dan Tembeling. Risiko bagi kilat terutama di kawasan rendah dan mudah banjir. Keajutan angin dijangka meningkat sehingga 40 km/j semasa hujan lebat atau berpetir. Jarak pandangan berkurangan bagi pengguna jalan raya.

Shower, heavy and thundery at times, at sea are expected to occasionally move ashore and affect mainly some areas in Brunei Muara and Tembeling districts. Risk of flash flood, especially at low-lying and flood prone areas. Wind speed of up to 40 km/h is expected in heavy or thundery showers. Reduce visibility for road users.

BDMD  
Brunei Darussalam  
Meteorological  
Department

Dikeluarkan oleh: Pusat Ramalan Cuaca  
Talian Cuaca: Tel. No:  
114 2345567  
Web: www.met.gov.bn IG: bruneimeteorology  
FB: facebook.com/bruneimeteorology



Kajicuaca ASEAN yang lain sekali gus juga dapat meningkatkan kemampuan negara untuk memperolehi maklumat cuaca di peringkat serantau dengan lebih cepat dan efisien. Selaku ahli, pengalaman dan pengetahuan yang ditimba dari mengikuti kursus-kursus dan mesyuarat-mesyuarat yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan ini secara langsung telah dapat meningkatkan kematangan dan kemahiran jabatan khususnya dan negara amnya dalam menangani isu-isu mengenai iklim dan cuaca. Penglibatan negara bukan sahaja terhad pada mengikuti dan menghadiri kursus dan mesyuarat malah bekerjasama dan menyumbang pada aktiviti pertubuhan-pertubuhan ini dalam projek-projek usaha sama di antara ahli-ahli dan juga mengendalikan dan menjadi tuan rumah kepada beberapa mesyuarat dan persidangan antarabangsa dan serantau di negara kita.

### KHIDMAT-KHIDMAT SEMAKIN DIPERLUASKAN

Menjelang tahun 1990-an, atas hasil peningkatan sistem komunikasi data, pengenalan sistem-sistem dan pemantauan cuaca berasaskan-PC (PC-based systems) seperti Sistem Penerimaan Satelit Cuaca dan Sistem Radar Cuaca Doppler, Bahagian Perkhidmatan Kajicuaca telah mengukuhkan kedudukannya sebagai pihak berkuasa kebangsaan dan penyedia

tunggal maklumat dan khidmat kaji cuaca. Senarai pengguna-penggunanya pun semakin bertambah termasuk agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Radio Televisyen Brunei, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Tentera Udara Diraja Brunei dan Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd.

### KEMAJUAN ICT DAN TEKNOLOGI MOBIL SEBAGAI PEMANGKIN PENINGKATAN DAN PEMODENAN KHIDMAT CUACA

Perkhidmatan Kajicuaca negara mula menubuhkan sebuah laman web menjelang Hari Kajicuaca Sedunia pada tahun 1996. Laman pada masa itu memuatkan maklumat asas mengenai Perkhidmatan Kajicuaca Negara Brunei Darussalam, program-program Pertubuhan Kajicuaca Sedunia dan pilihan-pilihan statistik iklim negara kita. Sifat khidmat-khidmat cuaca yang sensitif-masa, yang berasaskan kandungannya yang kaya maklumat, memerlukan kaedah penyampaiannya dengan cepat dan untuk mencapai pengguna-pengguna di mana-mana sahaja di seluruh negara mahupun di seluruh dunia secara amnya. Walaupun projek-projek infrastruktur dan pembangunan seperti Pemasangan Sistem Pemantauan Cuaca Automatik dan Sistem Pemantauan Kejadian Kilat seluruh negara, projek-projek Penaiktarafan Talian Komunikasi ke Global Telecommunications System dan Pemasangan Sistem Pemantauan Radar Cuaca Doppler yang terkini giat diungkayahkan, inisiatif E-government pada tahun 2000 yang bermatlamat ke arah penambahbaikan e-Tadbir dalam kalangan agensi-agensi kerajaan dan untuk penyampaian perkhidmatan e-Kerajaan yang berkesan menandakan permulaan dan menjadi pemangkin pemodenan Perkhidmatan Kajicuaca di negara kita.



# Keselamatan Sosial

## Peranan Pejabat Peguam Negara dalam mendukung hasrat kepemimpinan berdaulat

**S**EBAGAI satu entiti perlembagaan yang dibayangkan oleh Pengasas Perlembagaan Brunei; penekanan menjurus pada kesaksamaan serta komponen utama negara berdaulat, terikat di sisi undang-undang menerusi mekanisme penubuhannya, Peguam Negara berkewajipan di bawah Perlembagaan 1959 untuk memberi nasihat tentang segala perkara undang-undang yang berhubung kait dengan hal ehwal Negara Brunei Darussalam yang dirujuk oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau kerajaan. Dengan yang demikian, Pejabat Peguam Negara (PPN) bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat perundangan yang melibatkan pengambilan tindakan undang-undang bagi pihak kerajaan (sama ada sivil mahupun jenayah); bergiat dalam mana-mana perundingan perjanjian yang melibatkan kepentingan negara yang merangkumi aspek luaran dan dalaman, untuk mengekalkan status quo, dengan mengambil kira sebarang komitmen antarabangsa, dan menggubal undang-undang yang difikirkan perlu serta sesuai dengan amalan terbaik antarabangsa dan peredaran masa, selaras dengan dasar, wawasan juga aspirasi negara.

Pada awal tahun 1950-an, perihal perundangan negeri dikendalikan oleh Penasihat Undang-Undang Sarawak. Walau bagaimanapun, semenjak 29 September 1959, terdapat enam lantikan ke jawatan Peguam Negara, yang mana Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin bin Pengiran Haji Abas, merupakan warganegara tempatan pertama menjawat jawatan Peguam Negara pada tahun 1978. Begitu juga



Oleh:  
**Jabatan Peguam Negara dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan**

lantikan wanita tempatan pertama pada tahun 2009, iaitu Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh yang masih memegang

jawatan tersebut hingga hari ini. Hasrat untuk merealisasikan khidmat tempatan keseluruhan dalam jurusan undang-undang dalam PPN tercapai pada tahun 2011, bila mana jawatan Penggubal Undang-Undang yang mana sebelum itu dijabat oleh seorang warga asing diisi oleh warganegara tempatan.

Pada awal penubuhan Pejabat Peguam Negara yang asalnya bertapak di bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, hanya terdapat seramai lima warga kerja, termasuk Peguam Negara. Jumlah ini telah bertambah ke hari ini kepada lebih 90 pegawai perundangan tempatan yang bertauliah dengan dibantu oleh seramai lebih kurang 100 kakitangan dukungan. Dalam konteks sedemikian, ternyata Pejabat Peguam Negara merupakan firma guaman terbesar di Negara Brunei Darussalam. Pada tanggapan awalnya, penubuhan Pejabat Peguam Negara bermakna dari segi sejarah

perundangan negara, lebih-lebih lagi nyata dengan kegigihan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang tidak kendur-kendur, dalam memastikan kedaulatan negara dan hak-hak rakyat baginda sentiasa dipelihara mengikut dasar-dasar yang dirancang dan dilaksanakan dengan teliti menerusi mekanisme perundangan yang bersesuaian. Ini adalah bertepatan dengan visi dan misi Pejabat Peguam Negara untuk memelihara dan mendukung kedaulatan undang-undang bagi kestabilan dan kemakmuran negara.

Peranan Pejabat Peguam Negara sememangnya mencabar, hatta pengutamaan dalam konteks perkembangan dan pembangunan organisasi. Kami bangga dapat melaksanakan kewajipan kami dan lebih penting lagi, menyumbang ke arah kemajuan negara secara keseluruhannya. Dalam melaksanakan tugas-tugas terasnya,



Pejabat Peguam Negara memerlukan tulang belakang pentadbiran yang dinamik untuk memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan tersebut. Tidak disangsikan lagi, semuanya dilakukan dengan sentiasa mendukung dan berpegang teguh kepada sifat-sifat murni aspirasi negara Melayu Islam Beraja.

Sebagai penasihat utama kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Peguam Negara menjalankan kewajipan-kewajipannya melalui bahagian-bahagian yang ditubuhkan di dalam Pejabat Peguam Negara semenjak tahun 1996. Kecuali Pejabat Pendaftaran Syarikat dan Nama Perniagaan dan Pejabat Pendaftaran Harta Intelek yang sejak itu masing-masing telah dipindahkan ke Kementerian Kewangan

dan Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, setiap bahagian yang sedia ada telah menjalani pelbagai perubahan penstrukturan semula untuk menjajarkannya dengan keadaan semasa, iaitu Bahagian Penggubalan Undang-Undang dan Penyelidikan, Bahagian Keadilan Jenayah, Bahagian Sivil, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan. Penekanan menjurus pada usaha bersama dalam kalangan warga profesional Pejabat Peguam Negara untuk memberikan nasihat perundangan yang berkualiti tinggi adalah selaras dengan Rancangan Strategik PPN 2012-2017.

Dalam menyahut hasrat pucuk pimpinan agar warga kerja Pejabat Peguam Negara diterapkan dengan kemahiran bidang perundangan yang relevan serta

bermanfaat, lebih-lebih lagi mendukung hasrat ke arah menuju Wawasan 2035, pelbagai usaha yang berterusan dalam meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran diberi pengutamaan dari aspek perkembangan *human capital*. Pencapaian pengkhususan bidang di peringkat lepasan ijazah, serta penempatan kerja menimba pengalaman bidang perundangan yang khusus dari dalam dan luar negara, merupakan antara langkah-langkah yang akan terus dilaksanakan. Ke arah itu, Pejabat Peguam Negara juga sedang melaksanakan inisiatif 'Talent Management' yang bertujuan untuk melakar program-program perkembangan yang bersistematis dan terarah untuk mencapai matlamat strategik Pejabat Peguam Negara, iaitu peningkatan perkhidmatan perundangan yang berkualiti tinggi.

Pada masa ini, isu hal ehwal semasa kelihatan lebih menjurus kepada pembaharuan ekonomi yang kini giat diusahakan. Adalah jelas menjadi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memastikan Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam melaksanakan pembaharuan bagi tujuan kemajuan ekonomi. Perkara tersebut telah ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan dalam kalangan organisasi kerajaan hendaklah melaksanakannya dengan sebaik mungkin. Pejabat Peguam Negara akan terus memudahkan pembaharuan yang dicadangkan itu dengan usaha yang sewajarnya dan memastikan supaya rangka perundangan disediakan dengan berkesan bagi pelaksanaan dasar yang difikirkan perlu.

Pembaharuan ekonomi dengan tujuan untuk menggalakkan persekitaran pro-perniagaan, inisiatif menjana pendapatan serta kemapanan diberi keutamaan dan berbagai-bagai undang-undang bertulis

telah diluluskan dan bakal dipertimbangkan dari semasa ke semasa bagi memudahkan dan menyesuaikan dengan perubahan demi kebaikan masyarakat keseluruhannya. Antara kriteria yang diberikan tumpuan adalah pembaharuan ke arah Kemudahan Menjalankan Perniagaan di Negara Brunei Darussalam yakni Ease of Doing Business (EODB) in Brunei Darussalam. Pejabat Peguam Negara akan terus memberikan sokongan dalam membantu Jawatankuasa Pandu Penggerak untuk mencapai matlamat negara.

Malah lebih penting lagi adalah kewajipan untuk memastikan bahawa sebarang pembaharuan tidak mengendalakan kepentingan utama negara bagi memastikan bukan sahaja kestabilan dari perspektif ekonomi, malahan juga untuk mengimbangi aspek sosiopolitik negara kita pada keseluruhannya. Pejabat Peguam Negara akan terus berusaha untuk mempertahankan prinsip-prinsip teras negara dan akan terus berfungsi dalam memberikan khidmat nasihat undang-undang yang bermutu tinggi kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perjalanan yang tidak berpenghujung ini mungkin dilihat oleh kebanyakan orang sebagai tugas yang sukar dan tidak berkesudahan, dan memang benar demikian. Walau bagaimanapun, kemajuan sememangnya dikecapi selaras dengan usaha dan azam yang tiada henti-henti. Kuncinya ialah faktor kemapanan dan dengan itulah Pejabat Peguam Negara berazam untuk mencapainya. Dengan berkat daulat dan niat ikhlas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, negara kita mudah-mudahan diberkati dan terus menikmati keamanan dan kemakmuran untuk selama-lamanya.

## Perkembangan Institusi

# Majlis Mesyuarat Negara sepanjang pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



SIRI I

## PENDAHULUAN

**MAJLIS** Mesyuarat Negeri pada awalnya dikenali dengan nama "State Council". Ianya mula diperkenalkan apabila Negeri Brunei menerima sistem residen bagi mentadbirkan hal ehwal negeri, bilamana Sultan Hashim bersetuju untuk mengikat perjanjian tambahan di antara Negeri Brunei dengan Kerajaan British pada tahun 1906. Hal ini dilakukan disebabkan oleh kekacauan yang berlaku di wilayah-wilayah Brunei pada ketika itu apabila Charles Brooke berusaha untuk menjalankan dasar peluasan jajahannya dan perkara ini mengkhawatirkan dan memberi tekanan kepada Sultan Hashim untuk menyelamatkan dan mempertahankan wilayah-wilayah Negeri Brunei yang masih ada.

Pada peringkat awal perjalanan Majlis Mesyuarat Negeri agak mengecewakan, tidak begitu aktif dan memberangsangkan



Oleh:  
**Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat  
Negara dengan kerjasama Meja  
Kandungan Khas, Bahagian Pelita  
Brunei, Jabatan Penerangan  
Foto: Jabatan Penerangan**

kerana ahli-ahlinya bermusyawarah secara tradisi dan tidak mempunyai kecekapan dalam membincangkan mengenai hal ehwal pentadbiran dan pemerintahan serta tidak memenuhi kehendak yang diharapkan oleh Residen British dan untuk memperbaikinya hanyalah dengan sistem residen ini yang dapat menyediakan forum untuk bermesyuarat dan mencambah fikiran dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Misi utama Majlis Mesyuarat Negeri ini termasuklah meluluskan undang-undang, peraturan-peraturan dan mentadbirkan kerajaan, ianya boleh disifatkan berperanan sebagai *executive* dan *legislative*. Keahliannya terdiri daripada pembesar-pembesar negara dan pegawai-pegawai British dan dipengerusikan oleh Duli Yang Maha

Mulia Sultan yang berkuasa penuh. Pada teorinya walaupun Sultan yang berkuasa penuh dalam pemerintahan negeri akan tetapi pada hakikatnya kuasa pemerintah (*executive authority*) adalah di tangan British Residen kerana semua nasihat daripada Residen akan diterima oleh Sultan. Ternyata Residen sangat berkuasa umpamanya pada satu ketika Mr J.F Owen, British Residen telah mengancam untuk memecat dan menurunkan Sultan Muhammad Jamalul Alam dari takhta kerajaan apabila baginda tidak bersetuju dengan Undang-Undang Tanah yang baru diperkenalkan oleh Residen.

## PEMERINTAHAN SULTAN AHMAD TAJUDDIN

Pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin yang bermula dari tahun 1924 hingga Jun 1950, kuasa Residen meliputi bidang eksekutif dan kehakiman kecuali dalam hal ehwal agama Islam. Sultan Ahmad Tajuddin telah pertama kali menghadiri Majlis Mesyuarat Negeri pada 10 Mac 1927 dan sepanjang pemerintahan baginda Majlis Mesyuarat Negeri bersidang sebanyak 117 kali iaitu bermula pada 12 Januari 1925 tetapi dari sejak tahun 1940-an sehingga akhir hayatnya baginda jarang menghadiri mesyuarat disebabkan berkecil hati dan murka kepada Residen yang mengawal ketat kewangan negeri dari hasil pengeluaran minyak yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya kepada rakyat baginda dan bahkan Residen juga cuba mengeneipkan peranan penting baginda dalam pemerintahan negeri.

## PEMERINTAHAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN

Pada 4 Jun 1950, pemerintahan Negeri Brunei digantikan oleh adinda Sultan

Ahmad Tajuddin iaitu Pengiran Muda Omar Ali Saifuddin sebagai Sultan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei apabila Sultan Ahmad Tajuddin lindung di General Hospital, Singapura pada 3 Jun 1950.

Di awal pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, baginda berusaha untuk memperbaiki keadaan Negeri Brunei dan titik awal usaha yang dibuat ialah mengadakan Perlembagaan Bertulis dengan harapan untuk mengubah nasib rakyat baginda untuk menjadi lebih maju di samping menjadikan Negeri Brunei sebagai *welfare state*.

Bagi merealisasikan harapan serta hasrat baginda untuk menubuhkan satu undang-undang Perlembagaan Bertulis, satu jawatankuasa telah ditubuhkan pada 15 Mei 1953 bertujuan untuk menyebarkan hasrat baginda serta menyiasat pandangan dan cadangan rakyat di seluruh Negeri Brunei berkenaan dengan perlembagaan yang bakal diwujudkan. Sebanyak tujuh orang rakyat Negeri Brunei telah dilantik dalam jawatankuasa menyiasat perlembagaan ini yang dikenali juga dengan "Tujuh Serangkai". Di samping mendengar suara-suara rakyat Negeri Brunei juga berperanan sebagai penasihat dalam proses mewujudkan Perlembagaan Negeri Brunei.

Apabila selesai, dihadapkan kepada baginda dan diluluskan antara kedua-dua belah pihak iaitu Negeri Brunei dan Kerajaan British Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei pun telah dimasyhurkan pada 29 September 1959 dan dari titik tolak inilah pemerintahan Negeri Brunei berpandukan kepada Perlembagaan Bertulis yang baharu dimasyhurkan. Antara yang terkandung dalam Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei tersebut antara lain ialah:

a. Majlis Mesyuarat Negeri yang berkuasa untuk menggubal dan meluluskan undang-

undang;

b. Majlis Mesyuarat Kerajaan bertindak sebagai jentera kerajaan, membuat dasar dan menjalankan pentadbiran;

c. Majlis Mesyuarat Di-Raja yang antara lain mempunyai kuasa meminda perlembagaan;

d. Jawatan Residen telah dihapuskan dan digantikan dengan jawatan Pesuruhjaya British dan tidak lagi menjadi ahli kepada Majlis Mesyuarat Negeri tetapi ahli kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Majlis Mesyuarat Di-Raja kerana jawatan.

e. Tugas mentadbir kerajaan diketuai oleh Menteri Besar yang dilantik oleh rakyat Negeri Brunei dan tidak lagi di tangan British Residen atau Pesuruhjaya Tinggi.

Pilihan raya Majlis Mesyuarat Daerah dan pembentukan Majlis Mesyuarat Negeri telah diadakan pada bulan Ogos 1962, seperti yang tertulis di dalam perlembagaan kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien berhasrat rakyat baginda untuk sama-sama mentadbirkan negeri dengan sistem kerajaan yang berparlimen.

Pada 8 Disember 1962, pemberontakan bersenjata telah berlaku di Negeri Brunei yang telah banyak mengorbankan nyawa dan menyebabkan kerosakan harta benda. Akibat dari pemberontakan ini, Perintah Darurat (Emergency Order) telah dikuatkuasakan ke seluruh negeri dan akibat dari itu usaha ke arah untuk mempunyai sebuah kerajaan yang bersistemkan parlimen terbantut dan perlembagaan pula digantungkan. Majlis Mesyuarat Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan dibubarkan. Pentadbiran kerajaan pada waktu itu juga telah dijalankan oleh Majlis Mesyuarat Darurat.

Pada Tahun 1963, apabila keadaan hampir pulih, penggantungan terhadap perlembagaan pun ditarik balik. Majlis

Mesyuarat Negeri telah ditubuhkan semula dengan lantikan keahliannya yang mewakili semua kaum. Ini adalah bagi membolehkan kerajaan mengambil langkah-langkah dalam meningkatkan perkembangan isi kandungan perlembagaan kesatu peringkat yang perlu dengan menghadapi Kertas Putih Bil. 1 Tahun 1964 "Syor-syor bagi perkembangan Perlembagaan Brunei" dan Kertas Putih No.1 Tahun 1965 "Cadangan-cadangan bagi pihak kerajaan memulakan sistem kementerian berikutan dengan penggantian Majlis Mesyuarat Kerajaan oleh Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri"

Pada tahun 1965, pilihan raya secara langsung telah diadakan untuk memilih 10 orang ahli Majlis Mesyuarat Negeri. Majlis Mesyuarat Negeri ini ditubuhkan semula bagi menggantikan Majlis Mesyuarat Negeri yang telah dibubarkan sebelumnya yang mengandungi keahlian seramai 21 orang iaitu 10 ahli yang menang dalam pilihan raya, 6 orang Ahli Kerana Jawatan dan 5 orang Ahli Rasmi iaitu bagi tempoh 5 tahun.

Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri juga ditubuhkan pada tahun tersebut mengandungi 11 orang ahli seperti yang disyaratkan dalam Kertas Putih Bil: 1 Tahun 1965 manakala 4 orang ahli dari Majlis Mesyuarat Negeri telah dilantik sebagai Penolong Menteri, dua daripadanya dilantik daripada ahli yang dipilih. Setelah genap 5 tahun iaitu dalam tahun 1970, Majlis Mesyuarat Negeri ini pun dibubarkan tetapi ditubuhkan semula dengan keahliannya dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Pada tahun 1970, sistem pilihan raya tidak lagi digunakan dalam memilih ahli sehinggalah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh pada tahun 1984, ini adalah disebabkan undang-undang yang berkaitan dengan pilihan raya telah dimansuhkan (repealed).

## PEMERINTAHAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Kerajaan British mendesak supaya pembentukan berdemokrasi dipercepatkan dan memberi tekanan dengan menghantar Pesuruhjaya Tinggi British yang baharu yang tidak disukai oleh baginda bagi menggantikan Pesuruhjaya Tinggi British yang sebelumnya. Sebagai tindak balas baginda pada 4 Oktober 1967, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien telah turun takhta atas kemahuan baginda sendiri dengan digantikan oleh putera sulung baginda iaitu Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Hassan Bolkuah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah berikrar untuk meneruskan usaha-usaha paduka ayahanda baginda dalam mentadbir negeri. Walaupun pada zahirnya baginda turun daripada takhta (abdication) disebabkan oleh ketidaksefahaman antara baginda dengan kemahuan Kerajaan British tetapi pada hakikatnya baginda ingin menunaikan hasrat bahawa apabila baginda mencapai umur 50 tahun dan anakanda baginda Pengiran Muda Mahkota selesai dalam pengajiannya, baginda akan menyerahkan takhta Kerajaan Brunei kepada putera sulungnya itu.

Pertama kali sejak menaiki takhta kerajaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah telah mempengerusikan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri yang Ke-42 pada 1 dan 2 November 1967 dan seterusnya baginda telah menyempurnakan Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri pada 11 Disember 1967 bertempat di Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei.

Majlis Mesyuarat Negeri telah menggunakan bangunan Dewan Majlis yang baharu dibina pada 20 Disember 1968, di mana bangunan tersebut mula dibina pada Ogos 1965.

Dalam usaha untuk memajukan Negeri Brunei, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengadakan beberapa Rancangan Kemajuan Negara bagi tempoh setiap 5 tahun untuk mempercepatkan pelaksanaan pembangunan negara. Beberapa undang-undang telah diluluskan dengan segera melalui Perintah Darurat (Emergency Order) dan kemudiannya diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri.

Baginda juga amat menitikberatkan isu keselamatan dan keamanan Negeri Brunei memandangkan pada tahun 70-an keadaan politik dan keselamatan di rantau Asia tidak menentu. Baginda amat prihatin mengenai keselamatan dan *survival* Negeri Brunei apatah lagi dalam keadaan suasana politik dan keselamatan yang tidak menentu.

Antara masalah politik yang berlaku di rantau Asia ketika itu adalah pertelingkahan antara Indonesia dan Malaysia yang memuncak apabila Indonesia tidak merestui pembentukan Malaysia, persengketaan Malaysia dan Filipina akibat dari tuntutan Filipina terhadap Negeri Sabah yang memasuki Persekutuan Malaysia. Keselamatan Brunei juga turut terancam dan hubungan Negeri Brunei dengan negeri-negeri jiran telah dingin disebabkan negara-negara jiran seperti Indonesia, Malaysia dan Filipina telah merestui pemberontakan tahun 1962 dan melindungi pemberontak-pemberontak tersebut di negara masing-masing. Tambahan pula Negeri Brunei tidak memasuki Malaysia dan tuntutan Brunei ke atas Limbang menyemarakkan lagi kemarahan Malaysia ke atas Brunei.

Dalam maksud untuk melaksanakan perkembangan perlembagaan pula, sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Putih 1/1965, beberapa perundingan telah diadakan dengan Kerajaan British dan telah berhasil membuat perjanjian-perjanjian baharu.

Baginda juga prihatin mengenai dengan keselamatan dan *survival* Negeri Brunei dalam suasana politik dan keselamatan yang tidak menentu ini. Kekhawatiran baginda ke atas keselamatan Negeri Brunei daripada anasir-anasir jahat negeri luar diseloki daripada titah baginda semasa pembukaan Majlis Mesyuarat Negeri pada 29 Disember 1975 yang antara lain bertitah:

**“Jiran tetangga kita yang paling dekat dahulunya secara samar-samar telah sekarang muncul secara terang-terangan menyokong muslihat pengkhianat-pengkhianat dalam percubaan untuk menghidupkan kembali Parti Rakyat Brunei yang telah diharamkan kerana melakukan pemberontakan bersenjata dalam tahun 1962”.**

Apabila Kerajaan British yang dipimpin oleh Parti Buruh berkuasa pada tahun 1964, Kerajaan British telah melaksanakan dasar-dasar yang antara lainnya ialah menutup (mengosongkan) keseluruhan pengkalan tenteranya kecuali di Hong Kong, di Timur Terusan Suez (East of Suez Canal) pada penghujung tahun 1974. Ini bermakna Pasukan Bersenjata British yang terdiri daripada Batalion Gurkha dan berpangkalan di Seria juga turut terjejas. Pada tahun 1974, Kerajaan British memutuskan untuk menarik balik semula angkatan tenteranya di Singapura dan Malaysia dalam tempoh tiga tahun dan dalam masa yang sama Kerajaan British juga memberikan kemerdekaan kepada semua tanah jajahannya dengan secara paksa.

Menyedari akan hakikat dan kesan

yang akan dihadapi terhadap dasar-dasar baharu ini dan disebabkan oleh kekurangan pegawai dan alat-alat ketenteraan, Negeri Brunei belum bersedia untuk memikul tanggungjawab dalam memerintah dan mempertahankan negeri, maka beberapa perundingan telah dibuat di antara kedua-dua buah kerajaan ini. Perundingan-perundingan tersebut telah membuahkan hasil apabila Parti Konservatif (Conservative) berkuasa semula pada tahun 1970. Pada 23 November 1971 pindaan kepada Perjanjian 1959 telah dimeterai yang antara lain memberi kuasa kepada Negeri Brunei kuasa penuh dalam pemerintahannya dan Kerajaan British hanya bertanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan dan luar negeri. Dalam hal penarikan balik ini, satu batalion Gurkha yang berpangkalan di Seria masih dikekalkan bagi mematuhi perjanjian yang baharu menyatakan:

“...bahawa Kerajaan British telah bersetuju supaya pertahanan dan keselamatan Negeri Brunei Darussalam adalah tanggungjawab bersama di antara kedua-dua buah kerajaan negeri”.

Usaha untuk memerdekakan Brunei juga tidak dapat diterima oleh Negeri Brunei memandangkan belum berpengalaman dalam mentadbir negeri. Walau bagaimanapun rundingan-rundingan mengenai kemerdekaan tetap dijalankan yang bermula pada bulan September 1976 dan hasil daripada rundingan tersebut, satu Perjanjian (Treaty) Persahabatan dan Kerjasama dengan Kerajaan British telah ditandatangani pada 7 Januari 1979 iaitu kedua-dua pihak bersetuju untuk Brunei mengambil alih semua tanggungjawabnya yang bermula 1 Januari 1984. Ke arah ini, Kerajaan Negeri Brunei telah membuat beberapa persediaan rapi dengan menubuhkan Jabatan Diplomatic Corps serta menghantar pegawai dan kakitangan ke seberang laut.

## Era Selepas Mencapai Kemerdekaan

SIRI II

**P**ADA 31 Disember 1983, iaitu menjelang pukul 12.00 tengah malam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah mengisytiharkan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam dengan laungan “Allahu Akbar” oleh Al-Marhum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah menggariskan arah tuju dasar luar yang



Oleh:  
**Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat  
Negara dengan kerjasama Meja  
Kandungan Khas, Bahagian Pelita  
Brunei, Jabatan Penerangan  
Foto: Jabatan Penerangan**

bersikap berkecuali dan berbaik-baik, mengamalkan kerajaan secara demokratik dengan berfalsafahkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dan memartabatkan Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah. Susunan pentadbiran dengan sistem berkementerian juga telah diatur dengan tertubuhnya beberapa buah kementerian.

Majlis Mesyuarat Negeri dibubarkan pada bulan Februari 1984 dan tidak ditubuhkan semula (not reconstituted) memandangkan



fasal bagi pembentukan Majlis Mesyuarat Negara di dalam perlembagaan telah pun digantung. Semua undang-undang yang sebelumnya di bawah bidang kuasa Majlis Mesyuarat Negeri dengan sendirinya diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di bawah Perintah Darurat (Emergency Order).

Walaupun Majlis Mesyuarat Negeri tidak ditubuhkan ianya bukan bererti Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat tidak aktif (dormant) tetapi ianya masih lagi berjalan sebagai satu jabatan yang bebas dari pemerintah dengan mengendalikan kerja-kerja Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Majlis Mesyuarat Di-Raja. Pada waktu itu juga, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat diundang untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan parlimen di peringkat serantau dan antarabangsa, iaitu menghantar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja sebagai ahli perwakilan dari Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun 1992, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berhasrat untuk mewujudkan struktur perundangan yang lebih formal iaitu dengan mengadakan semula Majlis Mesyuarat Perundangan bagi membolehkan rakyat baginda dalam sama-sama mentadbir negara. Ke arah itu, satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah ditubuhkan bagi meneliti cadangan-cadangan Kertas Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Laporan cadangan-cadangan ini telah siap pada bulan April 1994 dan dihadapkan ke Majlis Mesyuarat Di-Raja mengikut Bab 85 dari Perlembagaan Negeri Brunei 1959 pada bulan November 1998 dan telah dipersetujui

sepenuhnya pada bulan Mei 2004.

Pada 6 September 2004, Majlis Mesyuarat Negara ditubuhkan semula mengikut kehendak Perlembagaan Brunei 1959 (yang lama) bagi menimbang dan meluluskan syor pindaan-pindaan perlembagaan yang baharu. Majlis Mesyuarat Negara yang mula bersidang pada 23 September 2004 telah meluluskan Rang Pindaan Perlembagaan tersebut pada 28 September 2004 dan pengisytiharan serta penandatanganan Pindaan-Pindaan Perlembagaan 2004 itu telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapau, Bandar Seri Begawan pada 29 September 2004.

Majlis Mesyuarat Negara yang ditubuhkan pada 6 September 2004 ini telah dibubarkan setelah selesai meluluskan Pindaan-Pindaan Perlembagaan tersebut dan Majlis Perundangan yang baharu dengan mengikut kehendak-kehendak dalam fasal yang ada hubung kaitnya dengan pembentukan Majlis Mesyuarat Negara tahun 2005 dan Majlis Mesyuarat Negara ini dibubar dan ditubuhkan semula setiap 5 tahun dengan keahliannya bertambah sehingga mencapai 45 orang ahli dengan 15 orang ahli yang dipilih mewakili keempat-empat daerah.

Dengan tertubuhnya Majlis Mesyuarat Negara yang akan mempunyai keahlian tidak melebihi 45 orang ini, bangunan Dewan Majlis yang ada pada masa itu tidak akan dapat menampung keramaian ahli-ahlinya pada masa akan datang. Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat juga mempunyai visi dan misi iaitu bagi memperkasakan Majlis Mesyuarat Negara supaya ianya setanding dengan Majlis Perundangan di rantau ini. Maka ke arah itu satu projek telah dicadangkan dan diluluskan bagi membina

bangunan Dewan Majlis yang baharu iaitu di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dengan harga rancangan sebanyak \$70 juta. Satu tapak telah dipilih di Jalan Kebangsaan (sekarang dikenali dengan Jalan Dewan Majlis) dengan dimulakan dengan Upacara Mendirikan Tiang Pertama bersempena dengan menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang Ke-59 tahun, majlis ini disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 28 Julai 2005. Bangunan baharu Dewan Majlis ini dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Keempat pada 4 Mac 2008 di mana pengiraan terakhir (final account) bagi perbelanjaan pembinaan bangunan ini ialah sebanyak \$58 juta. Apa yang jelas reka bentuk bangunan baharu ini mempunyai ciri-ciri keislaman dan tradisi Melayu selaras dengan konsep dan falsafah Negara Brunei Darussalam iaitu "Melayu Islam Beraja (MIB)".

Bagi memartabatkan lagi Majlis Mesyuarat Negara sebagai salah satu daripada cabang kerajaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara telah dihantar untuk sama-sama menghadiri mesyuarat-mesyuarat, seminar-seminar, bengkel-bengkel di peringkat serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Mesyuarat Negara juga telah menjadi ahli antara lain kepada AIPA (ASEAN Inter Parliamentary Assembly) dan pemerhati di Pertubuhan IPU (Inter Parliamentary Union), CPA (Commonwealth Parliamentary Association) dan APPF (Asia Pacific Parliamentary Forum). Di samping itu Negara Brunei Darussalam juga pernah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Agung AIPA pada tahun 2013 dan Mesyuarat komiti-komiti AIFOCOM dan AIPA-CAUCUS.

## KESIMPULAN

Kejayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam memerintah dan mentadbir negara dalam tempoh 50 tahun bukan hanya dapat dilihat melalui perkembangan dan kemajuan dalam negara bahkan perlu juga dikaji, diteliti dan diamati bahawa usaha baginda itu adalah bermula daripada baginda mula menaiki takhta kerajaan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Dengan bimbingan dan nasihat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan (PSB – juga dibahasakan sebagai Penasihat Sultan Brunei) (Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien) usaha-usaha itulah yang menjadi landasan bagi negara mencapai apa yang dinikmati pada hari ini. Selain daripada itu, baginda mahukan Majlis Mesyuarat Negara yang ditubuhkan semula akan "menjadi sebuah institusi yang teguh dan setia demi masa depan negara" seperti yang dititahkan baginda di Permesyuaratan Pindaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pada 29 September 2004 di Lapau, Bandar Seri Begawan. Adalah jelas peranan baginda dalam menjamin kesejahteraan, keamanan dan keselamatan negara demi *survival* bangsa Brunei tidak dapat dinafikan. Antara peranan baginda yang ketara dapat dirumuskan ialah:

i. Semasa konfrontasi yang dilakukan oleh pihak Indonesia memuncak pada tahun 1970 dan keadaan politik di rantau Asia pada masa itu tidak menentu, baginda mengambil langkah-langkah yang perlu demi keselamatan Negeri Brunei seperti menggubal undang-undang melalui Perintah Darurat (Emergency Orders).

ii. Baginda amat mementingkan keselamatan Brunei dan *survival* bangsa serta menolak kehendak-kehendak

Kerajaan British untuk memberi kemerdekaan Brunei selepas tahun 1974, perundingan telah dibuat mengenai Perjanjian 1959 dan pada tahun 1971 telah dipinda dengan memberikan kuasa autonomi atau berkerajaan sendiri kepada Negara Brunei. Manakala Kerajaan British hanya bertanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan dan perhubungan luar negeri.

iii. Berjaya meyakinkan Kerajaan British bahawa Batalion Gurkha yang berpangkalan di Seria adalah masih lagi diperlukan walaupun Kerajaan British mengambil keputusan untuk menutup pangkalan tenteranya di Timur Terusan Suez menjelang tahun 1974.

iv. Memujuk Kerajaan British untuk memberikan masa yang sesuai untuk Negara Brunei mengambil alih tanggungjawab sepenuhnya dengan membuat perjanjian (treaty) baharu pada 7 Januari 1979 dan telah dipersetujui bahawa Brunei hanya akan mengambil alih tanggungjawab tersebut dalam tempoh 5 tahun ke depan iaitu pada 1 Januari 1984.

v. Mengukuhkan lagi *philosophy* negara MIB yang pernah dititahkan oleh Al-marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin pada 30 September 1957 yang antara lain berbunyi "status Brunei sebagai Melayu Islam Bersultan" (Brunei status as a Malay Islamic Sultanate) dengan memertabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan menjadikan ketuanan bangsa Melayu (M) Brunei di negeri sendiri; mengangkat Agama Islam (I) sebagai Agama Rasmi dan mengamalkan sistem pemerintahan Beraja (B) di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mempunyai kuasa memerintah yang tertinggi (supreme executive authority).

vi. Memindahkan rizab Brunei dari London ke Brunei yang diurusniagakan oleh Crown Agent dan menubuhkan Agensi Pelaburan Brunei (Brunei Investment Agency (BIA)) pada bulan Julai 1983; menubuhkan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) pada bulan September 1991.

vii. Menambahkan lagi saham Brunei dalam Syarikat Minyak Shell Brunei (Brunei Petroleum Shell Company (BSP)) dari 25 peratus kepada 50 peratus pada tahun 1977 dan saham Brunei LNG dari 10 peratus pada tahun 1972 kepada 33 peratus pada tahun 1977.

viii. Berjaya memberikan kemerdekaan Brunei dengan syarat-syarat, perancangan dan susunannya sendiri menurut calak Brunei tanpa dikenakan syarat oleh Kerajaan British seperti membentuk kerajaan demokrasi yang berparlimen.

ix. Dengan mengamalkan dasar luar yang berhati-hati, berkecuali, tidak mencampuri hal ehwal negara lain dan sikap berbaik-baik dengan negara-negara sahabat, Brunei telah dapat menaikkan prestasinya di mana ia dihormati bukan sahaja di peringkat serantau bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang mempunyai pentadbiran dan pemerintahan yang unik di mana kesepakatan "Sultan hendaklah berlaku adil dalam memerintah dan rakyat hendaklah tidak derhaka" sebagai akad kedua belah pihak untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam aman makmur dengan memertabatkan lagi agama Islam sebagai agama rasmi dan menjadikan negara sebagai Negara Zikir.

# Pencapaian Biro Kawalan Narkotik di peringkat serantau dan antarabangsa

## PENGENALAN

**P**ADA 1 Oktober 1988, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Biro Kawalan Narkotik (BKN) yang bertanggungjawab selaku agensi utama penguatkuasaan undang-undang dadah di negara ini, di samping menjalankan aktiviti berkaitan dengan pendidikan dan pengawasan. Penubuhan organisasi ini adalah bagi memastikan strategi dan tindakan yang dilaksanakan adalah selaras dengan mengambil alih tugas pendidikan dari Unit Anti Dadah, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan (kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan) dan tugas pembanterasannya daripada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Dalam menangani isu penyalahgunaan dan pengedaran dadah di negara ini, BKN mengamalkan strategi yang komprehensif dan seimbang antara dua strategi, iaitu



Oleh:  
**Biro Kawalan Narkotik,  
Jabatan Perdana Menteri dengan  
kerjasama Meja Kandungan Khas,  
Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan**

strategi pengurangan bekalan dadah dan pengurangan permintaan dadah. BKN juga menitikberatkan kerjasama antarabangsa dan serantau dalam menangani isu dadah kerana tanggungjawab ini bukan hanya terletak kepada sesebuah negara sahaja tetapi memerlukan kerjasama padu dari negara-negara lain dari semua peringkat.

## PENGLIBATAN BIRO KAWALAN NARKOTIK DI PERINGKAT SERANTAU

**A. ASEAN Senior Officials on Drug Matters**  
Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui BKN adalah ahli pada badan sektoral ASEAN Senior Officials on Drug Matters (ASOD) bagi menangani isu penyalahgunaan dan pengedaran dadah di rantau ASEAN. Sepanjang keahlian pada badan ASOD,





Negara Brunei Darussalam telah menjadi pengerusi dan tuan rumah kepada Mesyuarat ASOD Ke-13 pada tahun 1990 dan Mesyuarat ASOD Ke-20 pada tahun 2007.

Sebagai ahli kepada ASOD, Negara Brunei Darussalam telah melibatkan diri dalam jawatankuasa atau badan kecil di bawah ASOD seperti berikut:

#### **i) ASEAN Airport Interdiction Task Force**

ASEAN Airport Interdiction Task Force (AAITF) adalah sebagai satu wadah bagi negara-negara ASEAN menjalinkan kerjasama dalam perkongsian maklumat di antara agensi-agensi utama yang berkaitan dengan sekatan dadah di Lapangan Terbang di rantau ASEAN. Jawatankuasa kerja ini tubuhkan pada tahun 2011 dan pada tahun 2017, BKN telah mempengerusikan mesyuarat AAITF Ke-7.

#### **ii) ASEAN Seaport Interdiction Task Force**

ASEAN Seaport Interdiction Task Force (ASITF) adalah satu jawatankuasa kerja bagi negara-negara ASEAN menangani isu penyeludupan dadah yang dijalankan di perairan negara-negara ahli. Jawatankuasa ini memberikan peluang untuk negara-negara ahli untuk berkongsi maklumat risikan dan *modus operandi* yang digunakan dalam penyeludupan dadah melalui pelabuhan.

Pada bulan Mac 2015, pegawai-pegawai penguatkuasaan undang-undang yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah diberikan Kursus Drug Investigations Course (Airport Interdiction) oleh pihak Office of the Narcotics Control Board (ONCB), Thailand.

#### **iii) ASEAN Drug Monitoring Network**

ASEAN Drug Monitoring Network (ADMN) adalah sebagai satu wadah bagi negara-negara ahli meneliti dan menganalisis data dan maklumat berkaitan dengan pengurangan bekalan dan pengurangan permintaan dadah di rantau ASEAN. Laporan ASEAN Drug Monitoring Report, hasil daripada penganalisisan data dan maklumat adalah dikongsikan bersama negara-negara ahli semasa Mesyuarat ASOD.

#### **B. ASEAN Ministerial Meeting on Drug Matters**

Mesyuarat ASEAN dalam menangani isu dadah di peringkat menteri mula diadakan pada 31 Ogos 2012 di Bangkok, Thailand. Mesyuarat ini berperanan sebagai satu wadah serta memberikan peluang untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan masalah jenayah dadah yang melanda di rantau ini bagi meningkatkan lagi kerjasama negara-negara ASEAN sebagai satu komoditi.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi pengerusi dan tuan rumah kepada mesyuarat ASEAN Ministerial Meeting on Drug Matters Kedua pada 3 September 2013. Mesyuarat ini telah membincangkan penilaian akhir ASEAN dalam merealisasikan aspirasi ASEAN, iaitu ASEAN Bebas Dadah 2015 dan menekankan keperluan paradigma baharu dalam memerangi ancaman dadah melalui pendekatan yang seimbang di antara strategi pengurangan bekalan dadah dan pengurangan permintaan dadah.

#### **C. Kerjasama Dua Hala**

Di samping melibatkan diri dalam peringkat ASEAN, Negara Brunei Darussalam melalui BKN juga menitikberatkan kerjasama dua hala bersama negara-negara ASEAN.

Kerjasama bersama pihak Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Polis Diraja Malaysia telah terjalin sejak tahun 1996 yang mana kerjasama ini melibatkan mesyuarat dua hala di antara kedua-dua buah agensi yang diadakan secara selang seli, mesyuarat kumpulan kerja serta lawatan kerja. Objektif kerjasama ini diadakan adalah bagi mengeratkan lagi hubungan kerjasama di antara kedua-dua buah agensi dari segi pertukaran maklumat berhubung aktiviti penyalahgunaan dan pengedaran dadah di antara kedua-dua buah negara dan berkongsi amalan-amalan terbaik serta kaedah-kaedah terkini dalam pembanterasannya jenayah dadah.

BKN telah menjalinkan kerjasama dua hala bersama Central Narcotics Bureau, Singapura sejak tahun 2008. Di samping mengeratkan lagi kerjasama di antara kedua-dua buah agensi, kerjasama dua hala ini juga memberikan peluang kepada kedua-dua buah negara untuk berkongsi situasi dadah terkini, amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan dalam usaha pembanterasannya jenayah dadah termasuk dari perspektif pendidikan, pengawasan dan rawatan serta perkembangan dan pembaharuan dalam prosedur dan undang-undang dadah yang berkaitan dengan pembanterasannya penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram.

Dalam perkara ini, BKN merancang untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala bersama negara-negara ASEAN yang lain bukan sahaja melalui mesyuarat dua hala, tetapi juga melalui penempatan kerja, lawatan kerja dan pembangunan kapasiti.

#### **PENGLIBATAN BKN DI PERINGKAT ANTARABANGSA**

##### **A. Sesi Khas Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Berkaitan Masalah Dadah Dunia (UNGASS)**



Mesyuarat UNGASS adalah satu tonggak penting dalam mencapai matlamat yang ditetapkan dalam dokumen UN tahun 2009 yang bertajuk (Political Declaration and Plan of Action on International Cooperation Towards An Integrated and Balanced Strategy to Counter The World Drug Problem) 'Deklarasi Politik dan Pelan Tindakan Kerjasama Antarabangsa ke arah Strategi Bersepadu dan Seimbang untuk Membanteras Masalah Dadah Sedunia' yang menentukan tindakan yang perlu diambil oleh negara-negara ahli menjelang tahun 2019. Ini termasuk penilaian terhadap pencapaian dan cabaran dalam menangani masalah dadah masa kini, di dalam tiga rangka konvensyen kawalan dadah antarabangsa dan lain-lain instrumen PBB yang relevan.

Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Mesyuarat UNGASS pada 22 April 2016 di New York, Amerika Syarikat, yang mana Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar dalam ucapannya menekankan kepentingan dasar reformasi dadah yang mana satu pendekatan yang sama tidak semestinya sesuai untuk dilaksanakan oleh semua negara (one-size-fits-all) dalam menangani masalah dadah serta ia perlu juga mengambil kira hak kedaulatan setiap negara.

Pada masa yang sama, Menteri-menteri ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam telah menyuarakan bahawa aspirasi serantau ASEAN Bebas Dadah yang melambangkan komitmen dan daya tahan ke arah *zero tolerance approach* bagi memastikan rakyat dan penduduk dilindungi daripada penyalahgunaan dadah di ASEAN adalah masih relevan.

## **B. The Colombo Plan**

The Colombo Plan ditubuhkan pada tahun 1951 sebagai sebuah badan Non-Governmental Organisation yang memberi sumbangan pada perkembangan ekonomi dan sosial kepada ahli-ahlinya di rantau Asia Pasifik. Antara objektif utama The Colombo Plan adalah untuk meningkatkan keminatan dan sokongan bagi pembangunan ekonomi dan sosial di Asia dan Pasifik dan memberikan kemudahan dalam perkongsian pengalaman negara-negara ahli dalam pembangunan sosial dan ekonomi di rantau ini.

Pada tahun 2008, Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli sementara (Provisional Member) Colombo Plan di bawah kelolaan BKN yang manasebelum itu, BKN telah bergiat aktif dalam program Drug Advisory Programme (DAP). Seperti negara-negara ahli lain, selepas empat tahun sebagai ahli sementara, keahlian penuh telah dipertimbangkan oleh Colombo Plan. Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli Colombo Plan sepenuhnya pada tahun 2012 mulai daripada 1 Julai 2012 dan BKN telah dilantik sebagai *focal point* kebangsaan bagi Colombo Plan.

## **C. Asia Pacific Information and Coordination Centre (APICC)**

APICC adalah satu pusat yang ditubuhkan oleh pihak Supreme Prosecutors' Office,

Republik Korea sebagai satu pemudah cara bagi pertukaran maklumat-maklumat dan pengalaman negara-negara ahli dalam pembanterasan kegiatan jenayah dadah melalui satu laman web yang akan direka khas oleh pihak Sekretariat APICC.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada pusat APICC ini melalui satu memorandum persefahaman ke atas penubuhan pusat APICC (Memorandum of Understanding on the Establishment of Asia Pacific Information & Coordination Center for combating narcotic crimes) pada tahun 2011.

## **D. Lain-lain mesyuarat dan persidangan**

Selain daripada persidangan dan mesyuarat yang telah disebutkan, BKN juga bergiat aktif dalam melibatkan diri di mesyuarat dan persidangan lain peringkat antarabangsa seperti berikut:

### **i) Commission on Narcotic Drugs (CND)**

Mesyuarat CND ditubuhkan melalui Resolusi 9 (1) ECOSOC pada 16 Februari 1946 sebagai badan yang memantau dan meneliti dasar berhubung dengan dadah serta pelaksanaan ketiga-tiga konvensyen dadah, iaitu Single Convention on Narcotic Drugs 1954, Convention on Psychotropic Substances 1971, dan United Nations Convention against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances 1988.

Selain daripada penilaian terhadap pencapaian dan cabaran dalam menangani masalah dadah di dunia, di dalam tiga rangka konvensyen kawalan dadah antarabangsa dan lain-lain instrumen PBB yang relevan, sesi CND ini juga bertujuan untuk meneliti kedudukan negara-negara ahli dalam mencapai matlamat yang ditetapkan dalam dokumen 2009 'Deklarasi Politik dan Pelan Tindakan Kerjasama

Antarabangsa ke arah Strategi Bersepadu dan Seimbang untuk Membanteras Masalah Dadah Sedunia'.

### **ii) Heads of National Drug Law Enforcement Agencies (HONLEA), Asia and the Pacific**

Mesyuarat HONLEA adalah satu mesyuarat di bawah Commission on Narcotic Drugs yang dianjurkan oleh pihak United Nations Office on Drug Crimes (UNODC) bagi membincangkan trend-trend pengedaran dadah serantau. Mesyuarat ini juga berperanan sebagai satu wadah bagi setiap agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang bertukar kemahiran masing-masing, berkongsi amalan terbaik dan maklumat-maklumat terkini yang berkaitan dengan dadah dalam sama-sama membuat penyelarasan ke atas tindak-tindak balas kepada cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pembanterasan kegiatan jenayah dadah.

Hasil daripada perbincangan yang diadakan semasa Mesyuarat HONLEA, beberapa cadangan tindakan akan diluluskan oleh mesyuarat, yang mana setiap negara-negara ahli akan melaporkan pelaksanaan cadangan tersebut di mesyuarat seterusnya.

### **iii) International Drug Enforcement Conference (IDEC) & Far East Regional Mini-IDEC.**

IDEC adalah satu persidangan di peringkat antarabangsa yang membincangkan dan mengongsikan trend-trend penyeludupan dadah yang terkini. Persidangan ini turut mengongsikan dan mengemaskinikan maklumat-maklumat mengenai peroperasian dan perisikan.

Far-East Regional Mini - IDEC pula adalah satu mesyuarat di peringkat serantau dan mesyuarat ini diadakan dua kali setahun,

iaitu sebelum dan selepas Persidangan IDEC Antarabangsa (International Drug Enforcement Conference) diadakan. Objektif mesyuarat ini adalah bagi mengemaskinikan maklumat-maklumat mengenai penyeludupan dadah, peroperasian dan perisikan termasuk status terkini mengenai orang-orang yang dikehendaki (fugitive) yang disyaki terlibat dalam kegiatan jenayah dadah di peringkat serantau.

### **iv) Anti-Drug Liaison Official Meeting For International Cooperation (ADLOMICO)**

Mesyuarat ADLOMICO adalah satu mesyuarat yang dianjurkan oleh pihak Supreme Prosecutors' Office (SPO), Republik Korea yang turut dihadiri oleh negara-negara di Asia Pasifik.

Objektif utama mesyuarat tersebut diadakan adalah untuk berkongsi pengalaman dan pertukaran maklumat yang berkaitan dengan jenayah dadah serta meningkatkan perhubungan di antara agensi-agensi penguatkuasaan dadah di serantau Asia. Mesyuarat ini nanti juga akan membincangkan mengenai trend dadah di serantau Asia Pasifik.

### **v) Asia-Pacific Operational Drug Enforcement Conference (ADEC)**

Persidangan ADEC dianjurkan oleh National Police agency, Jepun dan dihadiri oleh negara-negara di Asia Pasifik.

Objektif utama mesyuarat adalah untuk membincangkan dan mengemaskinikan perkembangan maklumat mengenai jenayah dadah terutamanya dadah jenis Amphetamine - Type Stimulants (ATS) dan menangani bahaya New Psychoactive Substances (NPS) di peringkat serantau dan antarabangsa serta berkongsi trend-trend dadah di rantau Asia Pasifik.

# Perancangan Sumber Manusia

## Ke arah Perkhidmatan Awam yang inovatif, dinamik dan progresif

**P**ADA 1 Julai 1971, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dikenali dengan nama Pejabat Perjawatan, dan ia adalah sebagai salah satu bahagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan yang diketuai oleh seorang Pegawai Perjawatan.

Pada 1 Mei 1993, nama Pejabat Perjawatan telah ditukar kepada JPA dan diketuai oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Perubahan nama ini dibuat bagi mencerminkan lagi peranan dan skop jabatan sebagai pusat agensi dalam hal ehwal pengurusan dan perkembangan tenaga manusia yang mana sejajar dengan misi jabatan iaitu 'Untuk menyediakan perancangan bersestematik, pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang kompeten dalam Perkhidmatan Awam' dan visi iaitu 'Perkhidmatan Awam yang Inovatif, Dinamik dan Progresif'.

Visi dan misi jabatan ini serta pengurusannya yang menjurus kepada tiga



Oleh:  
**Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Jabatan Perdana Menteri  
dengan kerjasama Meja Kandungan  
Khas, Bahagian Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan**

bidang strategik iaitu 1) Kepimpinan Yang Inovatif dan Kompeten, 2) Dasar Sumber Manusia Yang Kukuh; dan 3) Pengurusan Sumber Manusia Yang Cemerlang yang sekali gus akan mendukung negara dalam hasratnya mencapai Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pentadbiran dan kepimpinan di sektor awam dan swasta, Perkhidmatan Awam yang berkualiti tinggi, rangka perundangan dan peraturan yang moden dan pragmatik, dan prosedur kerajaan yang efisien dengan birokrasi yang minimum.

### BIDANG STRATEGIK 1 - KEPIMPINAN YANG INOVATIF DAN KOMPETEN

Bidang tumpuan strategik yang pertama iaitu Kepimpinan Yang Inovatif dan Kompeten menjurus kepada inisiatif dalam cuba membangun dan mempertingkatkan kompetensi, profesionalisme serta kecekapan sumber manusia dalam mempersiapkan ke arah kepimpinan yang kompeten dalam memberikan hasil yang berkualiti tinggi dalam Perkhidmatan Awam. Ini termasuklah dalam menyediakan program-program pembangunan sumber tenaga manusia melalui:-

#### Program-Program Pembangunan Eksekutif Perkhidmatan Awam

Program      Pembangunan      Eksekutif





Perkhidmatan Awam, yang juga dikenali sebagai Program Kepimpinan, adalah bertujuan untuk mengasuh dan memberikan pengetahuan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berpotensi untuk memegang jawatan yang lebih kanan termasuk ketua jabatan. Ini adalah satu pelaburan pembangunan sumber manusia yang sangat penting dan berfaedah khususnya dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan seterusnya membantu pencapaian Wawasan 2035 ke arah rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan atau Executive Development Program for Senior Government Officers (EDPSGO) bermula pada tahun 1996, yang mana pada mulanya dikhususkan bagi pegawai-pegawai di dalam Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei. Program yang dianjurkan bersama Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi dan Dasar (FBEPS), Universiti Brunei Darussalam bertujuan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kebolehan peserta-peserta dalam membina konsep-konsep tertentu dan menganalisa masalah-masalah serta isu-isu yang dihadapi dan yang perlu ditangani oleh pihak kerajaan. Program berkenaan kemudiannya dilartakan kepada pegawai-

pegawai kanan yang lain, termasuk peserta dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei.

Memandangkan pentingnya aspek kepimpinan dalam Perkhidmatan Awam secara menyeluruh pada tahun 2003, Program Pembangunan Eksekutif dilartakan kepada jawatan-jawatan dalam Bahagian II dari setiap kementerian dan jabatan kerajaan. JPA dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam telah menganjurkan lagi satu program kepimpinan bagi pegawai-pegawai pengurusan peringkat pertengahan iaitu Executive Development Program for Middle Management Officers (EDPMMO). Program ini adalah bagi memberikan pengetahuan pengurusan dan memupuk kemampuan asas-asas kepimpinan pegawai-pegawai peringkat pertengahan bagi jawatan yang dipegang kelak.

Sehingga Ogos 2017, seramai 599 pegawai telah mengikuti Program EDPMMO manakala seramai 599 orang lagi telah mengikuti Program EDPSGO.

#### **Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS)**

Skim Perkhidmatan Pentadbiran Brunei atau juga dikenali sebagai Brunei Administrative Services (BAS) merupakan satu skim perkhidmatan bagi sebuah kumpulan tenaga kerja yang memainkan peranan penting di dalam Perkhidmatan Awam khususnya di dalam melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan penggubalan, perancangan, pembuatan dasar, polisi serta pengurusan pentadbiran awam.

Pewujudan kumpulan tenaga pentadbir dapat dilihat seawal tahun 1938 di dalam State of Brunei Estimate of Revenue and Expenditure for the Year 1938 yang mana menyenaraikan jawatan pegawai-pegawai pentadbir di beberapa buah jabatan

kerajaan.

Pada masa ini terdapat seramai 117 Pegawai Pentadbir yang ditempatkan di kesemua kementerian/jabatan yang mana 88 daripada jumlah tersebut terdiri daripada pegawai pentadbir lelaki dan 29 daripada jumlah tersebut terdiri daripada pegawai pentadbir perempuan. (Rujuk rajah 1)

#### **BIDANG STRATEGIK 2- DASAR SUMBER MANUSIA YANG KUKUH**

Bidang tumpuan strategik yang kedua iaitu Dasar Sumber Manusia Yang Kukuh melihat kepada pembuatan dasar-dasar yang komprehensif berkaitan sumber manusia melalui perancangan dan penyelidikan yang berstruktur dan bersistematik. Ini termasuklah pemantauan, penganalisaan dan me-review semula dasar-dasar yang sedia ada secara proaktif serta membuat perancangan dan peta jalan yang praktikal, realistik serta berdaya tahan.

Jabatan ini telah membuat inisiatif serta bertindak proaktif dalam me-review semula dasar-dasar yang sedia ada, di antaranya

dengan pembaharuan dasar-dasar seperti berikut:-

#### **Sistem Pengurusan Prestasi Baharu Perkhidmatan Awam**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan dalam titah baginda sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-22, Tahun 1437 Hijrah/2015 Masihi pada 24 November 2015 seperti berikut:-

**“Dalam menjalani budaya kerja, turut dipentingkan ialah prestasi dan produktiviti. Sistem Penilaian Prestasi adalah bertitik tolak pada pencapaian hasil kerja. Jika ia baik dan memuaskan, maka itulah prestasi yang cemerlang.”**

Sehubungan itu, melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bilangan 4/2017 iaitu Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam bertarikh 1 Jamadilakhir 1438 bersamaan dengan 28 Februari 2017, satu pengemaskinian telah dibuat terhadap sistem penilaian prestasi yang dipraktikkan masa kini yang mana bertujuan bagi mempertingkatkan lagi budaya berasaskan prestasi (performance - based culture) dalam Perkhidmatan Awam. Sistem Pengurusan Prestasi Baru

**Statistik Pemegang Pegawai Pentadbir (sehingga 21 Ogos 2017)**

Bil.	Tanggungaji	Jumlah
1	Gred A dan sebanding	5
2	Superscale Special dan sebanding	7
3	Superscale A	1
4	Superscale B	5
5	Superscale C	12
6	Kumpulan 2	2
7	Kumpulan 3	21
8	B3	32
9	B2	32
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>117</b>

Perkhidmatan Awam memperkenalkan dua pembaharuan:-

1) Penggunaan Borang Penilaian Prestasi Baru, yang menekankan kepada aspek penilaian hasil (results) melalui penetapan 'Key Performance Indicators' (KPI) dan ciri-ciri peranan (role competencies) dan;

2) Penggunaan kaedah *bell curve*, yang menetapkan had peratus pemberian gred prestasi di semua kementerian dan jabatan.

Objektif utama pengemaskinian sistem ini dilaksanakan ialah untuk mengenal pasti tahap kompetensi utama pegawai dan kakitangan, memudahkan pengurusan bakat (talent management) dalam usaha mempertingkatkan lagi prestasi pegawai dan kakitangan, menggalakkan persaingan positif, memastikan akauntabiliti pegawai dan kakitangan dalam penilaian prestasi dan mengenal pasti *top performers* dalam tujuan untuk pemberian insentif yang lebih bersistematik.

### Hal Ehwal Cuti

Melalui Surat Keliling JPM Bilangan 1/2011 iaitu Peraturan Cuti Beranak 2011 bertarikh 28 Muharam 1432 bersamaan dengan 3 Januari 2011, Peraturan Cuti Beranak bagi pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan dalam Perkhidmatan Awam telah di-review semula dan dibuat pembaharuan di mana pegawai-pegawai dan kakitangan perempuan yang sah berkahwin di sisi undang-undang Negara Brunei Darussalam adalah diberikan tempoh Cuti Beranak selama 15 minggu (105 hari) dan hendaklah memulakan cuti tersebut dua minggu sebelum tarikh dijangka beranak. Ia diberikan kepada pegawai dan kakitangan perempuan di dalam Perkhidmatan Tetap, Kontrak, 'Site Staff', Sebulan ke Sebulan, Open Vote dan Gaji Hari.

Peraturan Cuti ini telah dimaklumkan

sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Menekankan dalam titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Baharu Masihi 2011:

**"... Kerajaan beta telah pun me-review Peraturan Cuti Beranak, yang baru-baru ini ada beta timbulkan, iaitu sebagai langkah menyelaraskan keperluan dan kepentingan kesihatan bagi ibu-ibu, sebelum dan selepas mereka itu melahirkan. Mulai 1 Januari 2011, kerajaan beta akan mula menguatkuasakan peraturan baharu, yang diberi nama Peraturan Cuti Beranak 2011, yang pada pokoknya, menaikkan Cuti Beranak bagi kesemua pegawai dan kakitangan wanita di dalam Perkhidmatan Awam dari 56 hari ke 105 hari."**

Tujuan tempoh cuti ini dipanjangkan kepada 105 hari adalah bagi memastikan ibu-ibu mengandung mendapat rehat yang mencukupi sebelum melahirkan (pre-natal) dan memudahkan ibu-ibu selepas bersalin berpantang dan berupaya untuk memberikan pemberian susu ibu (breastfeeding) kepada anak damit dalam tempoh yang optima.

### Latihan Dalam Perkhidmatan

Melalui Surat Pemberitahuan JPA Bilangan 03/2017 iaitu Anugerah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) Seberang Laut Bagi Sesi Akademik 2017/2018 bertarikh 21 Rabiulakhir 1438 bersamaan 19 Januari 2017 yang mana terbuka kepada pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam berumur 40 tahun dan ke bawah pada tarikh kursus yang akan diikutinya bermula dan mempunyai Laporan Penilaian Prestasi tiga tahun kebelakangan sekurang-kurangnya Sangat Baik (Gred 'B') bagi dua tahun berturut-turut dan Cemerlang (Gred 'A') pada tahun akhir penilaian.

Objektif utama peraturan ini adalah bagi memastikan kursus yang diikuti adalah dalam bidang-bidang strategik mengikut

perancangan dan keperluan kementerian iaitu rancangan penggantian (succession planning), berkaitan dengan tugas, tanggungjawab serta jawatan pegawai yang disokong dan mengenal pasti pegawai yang berpotensi tinggi untuk menamatkan kursus dengan cemerlang supaya pegawai tersebut akan dapat meningkatkan lagi mutu dan prestasi kerja dan berupaya menyumbang pada prestasi kementerian secara keseluruhan. Di samping itu, bagi memastikan perbelanjaan peruntukan LDP yang maksimum, perancangan awal telah dibuat di mana setiap kementerian dan jabatan adalah dikehendaki untuk menghadapkan maklumat perancangan latihan dalam perkhidmatan lima tahun bagi penghantaran pegawai dan kakitangan untuk mengikuti LDP. Ini bertujuan bagi memastikan penghantaran untuk mengikuti kursus yang disokong adalah selaras dengan keperluan strategik kementerian dan jabatan masing-masing yang berhubung kait dengan tugas dan tanggungjawab dan bukannya semata-mata permohonan individu dari pegawai dan kakitangan berkenaan.

Dalam usaha untuk memantapkan dan melancarkan proses LDP, beberapa inisiatif telah diumumkan. Di antaranya ialah menyatukan Urus Setia Badan LDP SPA dengan Unit LDP JPA. Impak daripada penyatuan ini ialah pengemaskinian proses kerja yang lebih teratur, kemas dan mengurangkan proses kerja agar tidak berulang-ulang. Pengemaskinian proses kerja ini telah mempercepatkan lagi urusan-urusan mesyuarat dan pengeluaran keputusan LDP yang sekali gus memberikan kemudahan kepada warga Perkhidmatan Awam yang akan mengikuti LDP sama ada di dalam atau di luar negara.

Inisiatif seterusnya ialah penubuhan Jawatankuasa Kerja Penilai Ph.D yang berperanan sebagai sebuah jawatankuasa

yang akan menunduki permohonan mengikuti LDP di peringkat Ph.D di dalam dan luar negara. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada pakar-pakar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam bidang masing-masing. Ahli akan membuat penilaian sama ada kursus Ph.D yang akan diikuti menepati keperluan perancangan strategik kementerian dan jabatan serta menjurus dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035. Daripada penubuhan Jawatankuasa Kerja Penilai Ph.D ini, beberapa *outcome* telah dikenal pasti. Di antaranya ialah keberhasilan dalam pemilihan di mana calon Ph.D yang dipilih adalah merupakan *material candidates*, terbaik dan berpotensi untuk mengikuti kursus Ph.D dengan jayanya.

### BIDANG STRATEGIK 3 - PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG CEMERLANG

Bidang tumpuan strategik yang ketiga ialah Pengurusan Sumber Manusia yang Cemerlang. Bidang ini memastikan supaya pengurusan sumber manusia dijalankan dengan cekap dan berkesan yang akan berupaya untuk meningkatkan dan memantapkan pengurusan sumber manusia sekali gus memperkenalkan sistem yang bersepadu untuk memudahkan proses-proses yang kompleks.

#### Perkembangan IT

Dalam pemikiran untuk menggunakan kemudahan IT, satu sistem telah diwujudkan yang dikenali sebagai SIMAK (Sistem Maklumat Kakitangan). Sistem ini mula digunakan pada tahun 1984 (Data entry) dan digunakan sepenuhnya pada tahun 1986. Maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem ini adalah semua maklumat yang terdapat di dalam Borang SPA1 yang mana termasuk maklumat Lantikan, Perkhidmatan dan Latihan. Sistem ini telah menjalani

peningkatan *hardware* pada tahun 1994 dan SIMAK dikendalikan sepenuhnya oleh Unit Sumber Maklumat, JPA. Unit Sumber Maklumat telah dijadikan satu bahagian dalam JPA iaitu Bahagian GEMS pada tahun 2013.

Dalam inisiatif JPA mengenal pasti masalah Y2K, sistem SIMAK telah dipertingkatkan dan diperbaiki dari segi *hardware* dan *software* dan juga kemudahan-kemudahan dan kemudiannya dikenali sebagai SIMPA (Sistem Maklumat Perkhidmatan Awam). Semua maklumat yang ada di SIMAK telah di-*migrate* ke SIMPA. SIMPA menggunakan rangkaian *lease line* dan dihasratkan untuk digunakan oleh semua kementerian dan jabatan bagi memudahkan membuat sokongan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, oleh sebab masalah-masalah yang tidak dapat diatasi, SIMPA hanya digunakan sepenuhnya oleh JPA dan SPA sahaja. Dalam penggunaan SIMPA ini, sokongan dan pengemaskinian maklumat kebenaran adalah dimasukkan oleh JPA.

Bagi mencapai hasrat dalam mewujudkan satu sistem yang boleh diguna

pakai oleh semua agensi kerajaan, JPM telah mewujudkan satu sistem *flagship* yang mana JPA telah diamanahkan untuk menjadi *Lead Agency* bagi mengendalikan projek tersebut. Sistem yang pada awalnya dinamakan HRMS kemudian dikenali sebagai Government Employee Management System (GEMS).

GEMS membolehkan maklumat warga Perkhidmatan Awam mulai dari mula berkhidmat sehinggalah bersara/tamat perkhidmatan, disimpan sama ada melalui aplikasi *online* seperti sistem cuti dan kedatangan atau dikemaskinikan oleh pengguna HR.

GEMS mula digunakan pada 16 April 2009 dan dibukakan kepada 5 jabatan di bawah JPM iaitu, JPM, JPA, SPA, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) dan Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan seterusnya kepada jabatan-jabatan lain di bawah JPM dan kementerian-kementerian yang lainnya secara berperingkat sehingga awal bulan Januari 2011.

Permakluman sama ada melalui penerangan mengenai GEMS dan tatacara penggunaannya telah

disampaikan kepada semua Kementerian dan jabatan dari awal pembangunan sistem dan semasa pelancaran GEMS. Penguatkuasaan penggunaan GEMS ini juga telah dimaklumkan melalui Surat Pemberitahuan JPM Bilangan 5/2010 bertarikh 21 Julai 2010. Antara kandungan Surat Pemberitahuan ini adalah memaklumkan mengenai GEMS dan tanggungjawab kementerian dan jabatan dalam memastikan penggunaan GEMS dan memastikan semua maklumat warga Perkhidmatan Awam di semua kementerian dan jabatan adalah teratur dan kemas kini.

### Skim-Skim Perkhidmatan

Skim Perkhidmatan adalah bertujuan bagi mewujudkan satu aliran kerjaya yang lebih teratur dan mantap dengan mewujudkan gelaran jawatan, tangga gaji yang kemas kini, selaras dan telus dengan memberi keutamaan kepada penghasilan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan berdaya saing selaras dengan kehendak masa kini.

Pada masa ini, Perkhidmatan Awam mempunyai lebih kurang 10,000 jenis gelaran jawatan. Setakat ini sebanyak 1,021 gelaran jawatan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tangga gaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan (JTG).

Di antara skim-skim perkhidmatan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

- Skim Perkhidmatan Pegawai Tugas-Tugas Khas
- Skim Perkhidmatan Perguruan (SPG)
- Skim Perkhidmatan Kedokteran
- Skim Perkhidmatan Kejururawatan
- Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (SPTA)
- Skim Perkhidmatan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan
- Skim Perkhidmatan Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan

- Skim Perkhidmatan Perguruan Agama (SPGU)

- Skim Perkhidmatan Bidang Trafik Udara

### Penutup

Dalam pada menjunjung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam merealisasikan Wawasan 2035, iaitu untuk mencapai rakyat yang berpendidikan tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan, jabatan ini sentiasa proaktif dalam memastikan perancangan yang dijalankan bersistematis termasuklah dalam menyediakan program-program pembangunan sumber manusia selaras dengan visi dan misi jabatan untuk menghasilkan warga Perkhidmatan Awam yang lebih kompeten, inovatif, dinamik dan progresif.

Tiga bidang tumpuan strategik jabatan ini turut mengambil peranan dalam membentuk usaha-usaha jabatan ini dalam membangun dan meningkatkan kompetensi serta kecekapan dalam usaha untuk mencapai Perkhidmatan Awam yang lebih berkualiti.

Jabatan ini juga peka dan proaktif dalam memastikan dasar-dasar yang dikeluarkan dan relevan dengan perkembangan semasa dan secara berterusan memantau, menganalisa serta me-*review* semula dasar bagi memastikan ia sentiasa kemas kini, praktikal, relevan dan mempunyai impak yang tinggi serta berdaya tahan.

Dalam usaha memastikan pengurusan sumber manusia yang cemerlang, jabatan ini akan sentiasa memastikan pengurusan sumber manusia dijalankan dengan cekap dengan memperkenalkan sistem-sistem yang berintegritas yang boleh memudahkan proses-proses yang kompleks yang mana akan menjurus kepada peningkatan produktiviti secara amnya.



# Pengurusan Tanah

## Ke arah pentadbiran dan pengurusan tanah yang progresif

**J**ABATAN Tanah mempunyai tanggungjawab dalam menjaga salah satu aset negara yang terpenting iaitu tanah. Tanah adalah merupakan satu-satunya jenis harta atau aset yang sangat bernilai kepada sesebuah negara. Ia adalah satu faktor ekonomi dan dapat memberikan sumbangan kepada pendapatan negara untuk tujuan pembangunan. Banyak perubahan dan peningkatan yang telah mengambil tempat yang meliputi berbagai-bagai aspek seperti struktur organisasi, perkembangan dan pengurusan sumber tenaga manusia, pembaikan-pembaikan dalam pengurusan dan pentadbiran jabatan dalam memberikan perkhidmatan yang tepat, cepat dan mudah diperolehi.

### SEJARAH JABATAN TANAH

Jabatan Tanah merupakan salah sebuah jabatan kerajaan yang tertua di Negara Brunei Darussalam. Pentadbiran Tanah secara moden yang berjalan pada masa ini adalah berasaskan kepada Kanun Tanah yang dikuatkuasakan pada bulan September 1909. Dengan adanya



Oleh:  
**Jabatan Tanah, Kementerian  
Pembangunan dengan kerjasama  
Meja Kandungan Khas, Bahagian  
Pelita Brunei, Jabatan Penerangan.**

Kanun Tanah ini, maka terbentuklah sistem pendaftaran hak milik tanah yang mana menghendaki tanah-tanah yang diberi hak milik itu untuk disahkan dan dikeluarkan surat hak milik iaitu geran sebagai memberikan jaminan kepada pemilik tanah ke atas tapak-tapak tanah berkenaan.

Pada peringkat awalnya, pentadbiran tanah telah dikendalikan oleh Residen British yang mempunyai kuasa mengeluarkan surat hak milik kepada permohonan-permohonan tanah sehinggalah 'Pengisytiharan Perlembagaan' pada tahun 1959 yang mana kuasa memberi hak milik adalah di bawah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Mesyuarat.

Sebelum pelantikan Pesuruhjaya Tanah sekitar tahun 1960, Pejabat Tanah di daerah-



daerah pernah bergabung dengan Pejabat Ukur dan Pejabat Daerah. Pada tahun 1952, Jabatan Ukur telah dipisahkan dan sejak itu Pejabat Tanah bergabung dengan Pejabat Daerah sahaja dan dikenali sebagai Pejabat Daerah dan Tanah. Sekitar tahun 1969 dan 1970 barulah seorang Pegawai Tanah ditetapkan di Pejabat Tanah Daerah kecuali di Daerah Temburong yang mana penetapan Pegawai Tanah baru saja ditetapkan pada penghujung tahun 1989. Tahun 1990 adalah merupakan bermulanya satu era baru bagi Jabatan Tanah yang

mana tiap-tiap Pejabat Tanah di daerah masing-masing diketuai oleh sekurang-kurangnya seorang Pegawai Tanah.

Pejabat Tanah juga telah beberapa kali berpindah tempat sejak ditubuhkan. Pada tahun 1950-an, dengan terbinanya bangunan pejabat-pejabat kerajaan yang pernah satu masa dulu dikenali sebagai bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Tanah Brunei/Muara dan Pejabat Pesuruhjaya Tanah telah juga ditempatkan di situ.

Pada tahun 1969, Pejabat Pesuruhjaya Tanah dan Pejabat Tanah Daerah Brunei/Muara telah dipindahkan ke Jalan Senuai di Kumbang Pasang dan pada penghujung tahun 1982, telah berpindah ke bangunan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas.

Begitu juga halnya dengan Pejabat-Pejabat Tanah di daerah lain. Pejabat Tanah Tutong pada asalnya ditempatkan di bangunan pejabat-pejabat kerajaan

berpindah lagi ke bangunan pejabat-pejabat kerajaan di Jalan MacKeron pada tahun 1985.

Pejabat Tanah Temburong pula pada asalnya terletak di bangunan pejabat-pejabat kerajaan di Pekan Bangar dan telah berpindah ke bangunan pejabat-pejabat kerajaan yang baharu di Pekan Bangar pada tahun 1988.

Milestone pencapaian Jabatan Tanah bolehlah dirujuk pada Rajah 1.

Rajah 1

1960	- Penubuhan Jabatan Tanah
1966	- Penyusunan semula pentadbiran tanah - Pegawai Pemungut Hasil-Hasil Tanah Mula dikenali sebagai Pegawai Tanah Kanan
1969	- Penubuhan Perkhidmatan Maklumat Tanah [land data base]
1975	- Penubuhan Unit Penakir
1981	- Penubuhan Unit Kortas Meja Kabinet
1983	- Semua Permohonan Pindah Milik Tanah, Gadaian Tanah dan Pajakan Tanah dihadapkan untuk perkenan KDYPH dalam Meja Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet
1984	- Pengisytiharan Kemerdekaan dan Jabatan Tanah di bawah pentadbiran Kementerian Pembangunan - Pelancaran Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STRKJ) sehingga Tahun 1990an. Pengurusan selanjutnya dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan.
1985	- Peralihan Sistem Pendaftaran Tanah secara manual kepada Sistem Pendaftaran Tanah [Land Registration System] secara berkomputer mula digunakan.
1994	- Sistem Maklumat Pemeriksaan [Inspect system] secara berkomputer dilancarkan dan digunakan.
1995	- Sistem Pendaftaran Tanah secara berkomputer dinaik taraf kepada Oracle Land System dan dilancarkan ke daerah-daerah.
1996	- Pengawasan pertama kali lot-lot tanah dalam Skim Penggerasan Tapak Rumah Di Atas Tanah Lesen Sementara [LTS].
1999	- Perubahan kadar cukai tanah bertakrif 22 April 1999 - Pewartan Kanun Tanah Strata Penggal 189 [Gazette Strata Title Act chapter 189]
2000	- Sistem Billing secara berkomputer [Computerisation Billing System] mula digunakan.
2008	- Penyelesaian Isu Plot X dan masalah jalan daerah.
2009	- Perlembagaan Kanun Strata [Penggal 189] dikuatkuasakan. - Pindaan tempoh pemilikan unit-unit Strata daripada 60 tahun kepada pemilikan unit-unit Strata yang tidak melebihi 99 tahun. - Penguatkuasaan Perintah Penakir dan Agen Hartanah, 2009 [Valuers and Estate Agents Order, 2009]. - Penubuhan Bahagian Hak Milik Strata, Jabatan Tanah
2009	- Sambutan 100 Tahun Pentadbiran Tanah Modern
2010	- Sambutan Jubli Emas Sempena 50 Tahun Penubuhan Jabatan Tanah - Perantaraan Dan Pelancaran Setem dan Sampul Surat Pertama Sempena sambutan 100 Tahun Pentadbiran Tanah Modern - Penubuhan Unit Penguatkuasaan Tanah
2011	- Peraturan Baru Permohonan tanah Lesen Tumpang Sementara yang hanya memproses permohonan: 1. Syarat industri dan perusahaan 2. Syarat permiajan 3. Syarat site opis untuk projek Kerajaan 4. Sekolah - Kadar lesen juga turut dikemaskini.
2014	- Ogos 2014 perubahan prosedur pindah milik tanah iaitu Streamlining proses permohonan pindah milik tanah untuk mempercepatkan proses mendapatkan keputusan dan mendaftar lesen serta memahatkan keputusan kepada pelanggan.

2015	- Februari 2015, Pembukaan kaunter pembayaran pada petang Hari Sabtu yang mana sebelumnya hanya dibuka pada sebelah pagi sahaja. - Pembangunan Land Management System [LMS] bagi memberikan Perkhidmatan maklumat tanah melalui saluran bersepadu untuk meningkatkan perkhidmatan dengan cepat, mudah dan tepat.
2016	- Pelancaran sistem LARIS - Satu sistem permohonan tanah secara dalam talian yang telah dibangunkan bagi memproses permohonan tanah dan membolehkan orang ramai mengahis secara dalam talian untuk menghadapi permohonan dan mereka boleh mengetahui status kedudukan permohonan tanpa perlu hadir ke Jabatan Tanah. Sistem ini telahpun dilancarkan dan digunakan mulai 16hb Februari 2016. Permohonan-permohonan tanah yang boleh dihadapkan melalui permohonan atas talian melalui sesawang <a href="https://Laris.gov.bn">https://Laris.gov.bn</a> adalah seperti berikut: i. Permohonan pindah milik tanah; ii. Permohonan tukar syarat khas tanah; iii. Permohonan menyambung tempoh pajakan tanah persendirian; iv. Permohonan menggadai tanah persendirian; dan v. Permohonan pajakan tanah persendirian. - Perkhidmatan pembayaran cukai dan lain-lain hasil tanah melalui dalam talian [Online payment] bagi Fasa 1 iaitu menggunakan kad kredit atau kad debit telah mula digunakan mulai 20hb Mei 2016. - Pewartan Land Code [Amendment] Order, 2016
2017	- Permohonan pindah milik tanah melalui dalam talian dikuatkuasakan mulai 01 Februari 2017. - Jerayawara [Refreshing Roadshow] bagi Pemberitaan Kanun Tanah [Strata] Penggal 189 dilaksanakan. Akta ini diperkenalkan untuk membuka peluang dan menggalakan pelaburan dalam pasaran hartanah di Negara ini yang dijangka akan menjana perkembangan ekonomi negara melalui pertumbuhan industri pembangunan dari pelabur dalam dan luar negeri. Di samping itu juga menjamin hak pemilikan tanah persendirian dan hak pemilikan strata. Siri-siri jerayawara dilaksanakan bagi memberitakan pelaksanaan Akta Hak Milik Strata di keempat-empat daerah kepada external stakeholders seperti Pemilik Tanah, Land Licensee/Surveyor, Peguam, Institusi Kewangan, Agen Hartanah, Pemaju, Badan-Badan Profesional dan orang ramai bagi memberikan kefahaman akan lebih jelas berkaitan dengan pelaksanaan permohonan Strata dari peringkat permohonan pecah bahagi bangunan Strata, proses pindah milik Strata dan perubahan Perbadanan Strata. Dengan adanya pemberitaan ini, harap dapat membantu meningkatkan kadar permohonan hak milik Strata.



di hadapan Jalan Utama Tutong di Pekan Tutong. Pada tahun 1980 barulah Pejabat Tanah Tutong berpindah ke bangunan pejabat-pejabat kerajaan di Bukit Bendera.

Bagi Pejabat Tanah Belait, dari dulu bangunan pejabatnya telah beberapa kali berpindah mengikut pentadbiran di daerah tersebut. Sejauh yang diketahui, pejabat lama terletak di Jalan Carey, iaitu bangunan pejabat-pejabat kerajaan yang lama dan



## PENUTUP

Jabatan Tanah dalam menjurus ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 sentiasa mendukung Strategi Wawasan iaitu Strategi Pembangunan Tanah di mana menggariskan beberapa perkara seperti di bawah:-

- Memberikan perkhidmatan yang tepat, cepat dan mudah diperolehi.
- Mengembangkan Industri Hartanah untuk menyumbang 20 peratus GDP.
- Memastikan 90 peratus rakyat Brunei Darussalam memiliki tanah untuk tempat kediaman (rumah sendiri).

Bagi mencapai wawasan ini, Jabatan Tanah memastikan pelaksanaan pentadbiran dan pengurusan tanah yang progresif dan dinamik serta akan sentiasa berusaha melaksanakan program pembaharuan dan penambahbaikan bagi memastikan penyediaan infrastruktur, perumahan, bangunan dan perkhidmatan yang sangat baik.



# Pengurusan Alam Sekitar Meniti Perubahan



## Alam Sekitar

**K**EPRIHATINAN terhadap alam sekitar semakin bertapak di kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Selaras dengan era perubahan dan arus perkembangan yang dinamik dan progresif, masyarakat sekarang semakin lebih peka dan semakin lebih menghargai konsep mesra alam di dalam apa jua bentuk inisiatif dan gaya hidup yang menjurus ke arah mencapai taraf kehidupan yang lebih berkualiti dan pembangunan yang mampan.

Menyedari akan kepentingan alam sekitar sebagai satu anugerah Allah yang tidak ternilai harganya bagi kehidupan sejagat, pihak kerajaan, dengan berkat pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, telah membuka lembaran baharu dengan penubuhan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) di bawah Kementerian Pembangunan pada 1 Mei 2002.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab



Oleh:  
**Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei, Jabatan Penerangan**

terhadap isu-isu yang berhubungkait dengan kebersihan dan keindahan alam sekitar, JASTRE merupakan medium bagi pihak kerajaan untuk memastikan kelestarian alam sekitar terurus dengan baik dan terpelihara dari unsur-unsur pencemaran, demi untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam pada masa ini dan juga untuk generasi yang akan datang.

Di bawah tampuk kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pihak kerajaan, melalui JASTRE telah mengungkapkahkan dan mencatat beberapa perkembangan dan pencapaian yang signifikan di dalam hal ehwal alam sekitar.

Di peringkat kebangsaan, pihak kerajaan berusaha gigih membentuk masyarakat

untuk menjadikan kitar semula sebagai budaya dan amalan hidup yang baik melalui inisiatif pengurangan penggunaan beg plastik, selaras dan bertepatan dengan hasrat untuk mencapai sasaran kitar semula sebanyak 15 peratus menjelang tahun 2020. Inisiatif ini telah menampakkan perkembangan positif dan ketara dengan trend orang ramai menjadikan tabiat penggunaan beg kitar semula sebagai satu kebiasaan ketika membeli belah pada masa ini.

Penubuhan dan penglibatan aktif para belia serta juga pihak-pihak yang berkepentingan di sektor awam dan swasta untuk mempertingkatkan kesedaran awam untuk sama-sama memainkan peranan di dalam pemeliharaan alam sekitar, juga semakin menggalakkan. Banyak pihak telah menunjukkan *stewardship* dalam melaksana berbagai program kitar semula dan kempen-kempen kebersihan secara berterusan, yang bertujuan untuk mengubah minda dan memperkasa tanggungjawab sivik dan kewarganegaraan, sekali gus mempraktikkan gaya hidup dan

persekitaran yang sihat. Ini termasuklah: Majlis Perundingan Mukim dan Kampung; institusi-institusi tinggi; sekolah-sekolah termasuk beberapa buah Eco-Clubs; institusi kewangan dan perbankan; badan-badan korporat dan dewan perniagaan; badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Green Brunei, BruWILD, Society for Community Outreach & Training (SCOT), Beach Bunch; dan Brunei Environment Youth Envoy (EYE) iaitu satu kumpulan belia yang cinta alam sekitar di bawah naungan JASTRE.

Negara Brunei Darussalam sangat bertuah dan beruntung kerana mempunyai alam persekitaran yang bersih, hijau dan selamat serta masih terpelihara, baik dari segi mutu kualiti udara dan juga kualiti sumber air. Untuk memastikan kualiti udara benar-benar *compliance* dan menepati ciri-ciri dan piawai antarabangsa, pihak kerajaan pada masa ini berkeupayaan untuk melaksana pemantauan kualiti udara secara berterusan, dengan penyediaan dan penyebaran maklumat kualiti udara secara *online*. Pihak kerajaan, melalui JASTRE juga sedang menyasarkan untuk

memperkembangkan keupayaan pemantauan kualiti sumber air untuk mengenal pasti keadaan sungai-sungai di daerah-daerah di Negara Brunei Darussalam.

Pada awal tahun 2010, pihak kerajaan telah mula memperkenalkan Environmental Impact Assessment (EIA) di dalam proses perancangan dan pelaksanaan apa-apa jua projek pembangunan yang mungkin mendatangkan impak terhadap alam sekitar. Ini merupakan salah satu komponen penting yang seterusnya diperkukuhkan lagi dengan pewartaan Environmental and Protection Management Order pada penghujung tahun 2016 lalu. Sehingga kini, pihak kerajaan melalui JASTRE, telah menilai dan meluluskan lebih dari 100 projek-projek kerajaan dan swasta untuk memastikan keperluan pemeliharaan alam sekitar diberikan penekanan dan diintegrasikan di dalam projek-projek berkenaan.

Dari segi perkembangan infrastruktur

untuk kebersihan dan keindahan alam sekitar, pihak kerajaan juga telah menyediakan beberapa kemudahan awam seperti perkhidmatan kutipan dan pembuangan sampah di daerah-daerah, termasuk Kampong Ayer. Pihak kerajaan juga telah menyediakan satu Tapak Pelupusan Sampah di Sg Paku, dengan kaedah *sanitary landfill* yang lebih mesra alam, dan sebuah Stesyen Pindah Sg Akar, untuk menampung pelupusan sampah bagi Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh, di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-9.

Ke arah mendukung Wawasan 2035 bagi kehidupan yang berkualiti, pihak kerajaan juga menyediakan beberapa kawasan taman rekreasi untuk tujuan orang ramai beriadah. Ini termasuklah taman-taman seperti: Taman Rekreasi Persiaran Damuan, Taman Rekreasi Menteri Besar, Pantai Peranginan Serasa, dan Pantai Muara di Daerah Brunei Muara; Pantai Seri Kenangan dan Taman Rekreasi Sg Basong di Daerah



Tutong; Taman Rekreasi Jubli Anduki di Seria, Belait; dan Taman Muhibbah dan Taman Persiaran Bangar di Daerah Temburong. Kawasan-kawasan riadah berkenaan bukan sahaja dapat mempertingkatkan gaya hidup sihat dan *work-life balance*, ianya juga mewujudkan keindahan dan kehijauan di tempat-tempat yang menarik di Negara Brunei Darussalam untuk menjadi tumpuan para pengunjung dari dalam dan luar negara. Ini secara tidak langsung dapat menjadi pemangkin kepada sektor pelancongan yang seterusnya menjurus ke arah pencapaian ekonomi yang dinamik dan mapan.

Di peringkat serantau dan antarabangsa, Negara Brunei Darussalam turut memainkan peranan aktif sebagai masyarakat global demi untuk memastikan Negara Brunei Darussalam terus kekal relevan dan bergerak seiring dengan perkembangan dunia yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Ini direalisasikan melalui hubungan baik,

dengan dasar hormat-menghormati dan persefahaman serta kerjasama, di dalam isu-isu yang berhubung kait dengan alam sekitar bersama dengan negara-negara lain.

Negara Brunei Darussalam sehingga kini, telah melakar nama di peringkat serantau dan antarabangsa dengan memeterai beberapa perjanjian yang berhubung kait dengan alam sekitar seperti ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution; Vienna Convention for the Protection of the Ozone Layer (1990); Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer (1993); United Nations Convention to Combat Desertification (2002); Basel Convention on the Control of Transboundary Movement of Toxic and Hazardous Wastes Disposal (2002); United Nations Framework Convention on Climate Change (2007); dan, Kyoto Protocol to reduce greenhouse gas emissions (2009).



## **Penghargaan:**

**Kementerian Pertahanan**

**Kementerian Kesihatan**

**Kementerian Pembangunan**

**Kementerian Pendidikan**

**Universiti Brunei Darussalam**

**Jabatan Pengangkutan Darat**

**Jabatan Laut**

**Jabatan Peguam Negara**

**Jabatan Perancang Bandar dan Desa**

**Jabatan Kemajuan Perumahan**

**Jabatan Ukur**

**Jabatan Kerja Raya**

**Jabatan Pelabuhan**

**Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi**

**Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara**

**Biro Kawalan Narkotik**

**Pihak Berkuasa Industri Teknologi dan Info Komunikasi (AITI)**

**Jabatan Kajiucaca Brunei Darussalam**

**Jabatan Penerbangan Awam**

**Jabatan Tanah**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

**Jabatan Perkhidmatan Pos**

yang telah menyumbang rencana/artikel untuk diterbitkan dalam Pelita Brunei melalui Meja Kandungan Khas, Jabatan Penerangan.



**JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**